

Insan dari Aspek Etimologi dan Perspektif Islam

Ismail Abdullah Siputeh



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

SUMBANGAN

INSAN
DARI ASPEK ETIMOLOGI
DAN
PERSPEKTIF ISLAM

PERPUSTAKAAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA	
GIFT / DONATION SUMBANGAN IKHLAS WITH BEST COMPLIMENTS	
FROM	Unit Persekitaran KUIM
DATE	
ACC. NO	



**INSAN
DARI ASPEK ETIMOLOGI
DAN
PERSPEKTIF ISLAM**

ISMAIL ABDULLAH SIPUTEH

Sijil Tertinggi & Diploma Pendidikan (KI Malaya),
B.A.Hons (UK Malaysia), M.A. (SALFORD)

Penerbit
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2006

© **CETAKAN PERTAMA 2006**
Hak cipta Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit

Diterbitkan di Malaysia oleh
Penerbit KUIM
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA (KUIM)
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-7988045 Faks: 06-7991309

Reka bentuk oleh
FA IMAGES SDN. BHD.
12-16, Jalan Sri Jati 2
Taman Sri Jati, Off Jalan Puchong
58200 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data pengkatalogan-dalam-penerbitan

Ismail Abdullah Siputeh

Insan dari aspek etimologi dan perspektif Islam / Ismail Abdullah Siputeh

Bibliografi: ms.266

ISBN 983-2950-18-X

1. Islam and humanism.
2. Islam and the social sciences. I. Judul.
297.1228301

Sejunjung Syukur Sejambak Terima Kasih

Diri ini – penulis kerdil - dengan nama-Nya
Nama Allah yang mengajar insan dengan qalam
Yang Mengajar insan apa yang tidak diketahuinya
Kurafak sembah cinta abadi pada-Mu
Kupanjat syukur kerana ilmu-Mu buatku
Memang sedikit tapi penuh tepu pada upayaku
Illa qalilan, tapi menjurus diriku ke arah-Mu keredha-Mu
Dan aku berupaya berkarya kerana-Mu
Ampun dan maaf jika melulu tak menentu
Ampunkan daku.

Diri ini - karyawan kecil - dengan nama-Nya
Memanjat syukur kepada-Mu, ya Rabb
Kerana membekalkan diriku dengan mereka itu
Mahaguru-Mahaguruku, Asatizati & teman-temanku
pendokong ilmu-Mu pewaris Nabi-Mu
Yang melatih bentuk diri ini jiwa ini
Pada mereka madah ucapan dan luahan tinta
Terima kasih, terima kasih dan terima kasih
Itu yang termampu kurakam di sini
Doaku untukmu sepanjang hayatku.

PRAKATA

Kajian tentang insan dari aspek etimologi dan perspektif Islam adalah kajian dua bidang yang berbeza tetapi berkaitan. Bidang pertama, fokus perbincangan lebih tertumpu kepada aspek etimologi, satu aspek yang memang terdapat perbincangan dalam bentuk artikal tetapi jarang-jarang dianalisa dan disusun sehingga ke peringkat sebuah buku. Bidang kedua pula fokus perbincangan tertumpu kepada aspek perspektif Islam iaitu bidang yang banyak sekali terdapat perbincangan, analisa, penulisan dan penerbitan artikal, makalah, buku dan lain-lain.

Tujuan utama penulisan tajuk ini ialah untuk mengupas secara terperinci tentang Insan Dari Aspek Etimologi dan Perspektif Islam supaya dapat disambung analisa tajuk ini oleh penulis-penulis lain dan dapat dimanfaatkan oleh pembaca dan pencari maklumat tentang insan khususnya dari aspek etimologi.

Buku ini dapatlah dianggap sebagai pembuka jalan kepada sesiapa yang mahu mengenali diri sendiri sebagai insan yang dilahirkan sebagai insan bukan sebagai makhluk lain, bukan malaikat dari satu sudut dan bukan jin atau haiwan dari sudut lain. Maklumat yang dipaparkan sama ada dalam aspek etimologi atau dalam aspek perspektif Islam, memang perlu diteliti secara mendalam kerana adalah maklumat yang berkisar tentang insan sebagai manusia yang perlu berada di dalam dunia insan itu sendiri, yang perlu berkembang maju dan mencapai kecemerlangan sebagai insan yang berusaha mencapai tahap insan kamil, dan tidak akan terkeluar dari daerah dan zon tersebut.

Harapan penulis supaya setiap langkah kita sebagai insan yang dicipta sebagai hamba Allah ini akan menuju ke hadapan dan memperbaiki diri supaya mencapai hasrat hakiki sebagai insan kamil. Bukan mudah untuk mencapai tahap itu tetapi bukanlah mustahil. Harapan penulis semoga buku ini akan memberi sumbangan ke arah itu selain sebagai tambahan kepada khazanah keilmuan bahasa dan agama.

PENDAHULUAN

Keinginan untuk mengkaji istilah-istilah al-Quran yang menunjukkan kepada perjenisan dan tingkatan Insan Dari Aspek Etimologi dan Perspektif Islam, timbul hasil daripada perbincangan-perbincangan yang kerap berlaku antara penulis dengan beberapa orang mahaguru, cendekiawan dan pakar-pakar ilmunan mengenai ciri-ciri dan sifat-sifat yang perlu dalam usaha peningkatan diri ke arah menjadi insan yang sempurna, tentang ciri-ciri kemurnian ukhuwah Islamiah dan bentuk perpaduan di kalangan kita - muslimin muslimat - dan tentang kaedah dan cara-cara yang sepatutnya kita terapkan dalam diri untuk menghindarkan daripada sikap egoistik dan sikap aku lebih beriman daripada orang lain.

Dengan ini dapatlah dirumuskan tujuan penulisan ini sebagai berikut :

- i. Memperkenal istilah-istilah al-Quran yang menunjukkan kepada perjenisan dan tingkatan insan.
- ii. Membicarakan tentang insan dalam satu bentuk rujukan khas, melalui kacamata etimologi; satu kajian yang terlalu sedikit disentuh sewaktu membicarakannya. Semoga menjadi garis panduan dalam menganalisa suatu dari aspek etimologi.
- iii. Mengharapkan agar penulis dan teman-teman muslimin-muslimat dapat menganalisis dan menilai diri masing-masing, setakat mana usaha dan pencapaian kita dalam

peningkatan diri ke arah hubungan kita dengan Allah dan hubungan kita sesama manusia.

- iv. Dan paling penting ialah apakah kita sebagai insan, lebih mirip kepada ciri-ciri malaikat, sifat-sifat haiwan atau kekal sebagai insan yang sebenar-benar insan, atau apakah kita “insan” yang berjalan di atas muka bumi dengan jisimnya dan menjelajah ke langit dengan ruhnya?

Untuk tujuan-tujuan tersebut, penulis bahagikan kajian ini kepada empat bab. Bab pertama akan membicarakan tentang insan sepintas lalu, kemudian diikuti dengan bab kedua yang membuat penganalisan tentang المؤمنون dan المسلمون dari aspek etimologi dan prinsip Islam, selepas itu dalam bab ketiga pula penganalisan tentang المحسنون dan المتقون, dan dalam bab akhir mengenai الكافرون, المشركون dan المنافقون juga daripada aspek etimologi dan perspektif Islam.

Untuk tujuan ini, maka penulis cuba perkenalkan secara lebih luas analisis-analisis dalam kajian ini dari aspek etimologi iaitu pendekatan kajian mengikut perspektif bahasa. Ini diikuti dengan perbincangan-perbincangan tentang tajuk kajian ini mengikut perspektif Islam.

Dalam usaha menyusun kajian ini, penulis berpegang sebahagian besar isinya kepada bentuk petikan, kecuali dalam beberapa topik-topik tertentu yang terpaksa disusun kembali oleh penulis mengikut keperluan kajian.

Penulis merafak syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat menyediakan kajian ini, beristighfar dan memohon ampun, sekiranya terdapat kelemahan-kelemahan atau kesilapan-kesilapan dalam penyediaannya.

Penulis juga merakamkan jutaan terima kasih kepada mahaguru-mahaguru, para cendekiawan dan pakar-pakar ilmuwan serta kawan-kawan yang telah ikut serta memberi sumbangan

kepada kajian ini fikrah dan nasihat; juga kepada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) khususnya Unit Penerbitan KUIM, yang sudi menerbitkan buku ini. Jazakumullah.

Sekian.

Ismail Abdullah Siputeh

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan yang tepu dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM, kepada Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Asin Dolah, Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan) KUIM, kepada semua mahaguru dan teman-teman yang ikut serta memberi sumbangan idea dan pemikiran dalam usaha penulis menghasilkan buku ini, kepada Encik Jasmin Jaimon, Ketua Pustakawan KUIM yang terus menerus meniup semangat penulis untuk terus menulis; kepada Puan Hariza Mohd Yusof, Pegawai Penerbitan KUIM yang terlibat dalam penyusunan dan penyuntingan manuskrip sehingga menjadi sebuah buku yang sempurna dan kepada semua mereka yang terlibat dalam kerja-kerja penghasilan dan penerbitan buku ini. Jazakumullah khairan kathira.

INSAN DALAM PELBAGAI PERSPEKTIF

Pendahuluan

Sebelum membicarakan tentang tajuk : "Mengkaji istilah-istilah al-Quran kepada perjenisan dan tingkatan insan dari aspek etimologi dan perspektif Islam – rujukan khas kepada : *المنافقون, المشركون, الكافرون, المتقون, المحسنون, المسلمون, المؤمنون*" -" adalah perlu membicarakan tentang **Insan** (إنسان) itu sendiri. Bermula dengan konsep **Insan** itulah akan melahirkan bentuk insan yang sesuai dengan keinsanannya (Insaniyahnya) atau tidak, atau akan melahirkan Insan yang mirip kepada sifat-sifat kemalaikatan atau persis sifat-sifat kehaiwanan. Dalam kata lain, apakah ia akan melahirkan dirinya sebagai insan berbentuk insan itu sendiri mengikut fitrahnya, sehingga dia akan menonjol sebagai insan muslim, mukmin, muttaqi dan muhsin, atau sebaliknya dia mengingkari fitrahnya sehingga menjadi insan yang kufur, syirik atau munafik dan hipokrit.

Justeru itu, dalam fasal ini penulis akan menganalisis tentang insan dari aspek etimologi iaitu dari aspek asal dan sejarah perkataan itu sendiri mengikut kajian bahasa; khususnya Bahasa Arab; kemudian dalam fasal kedua, secara sekilas pandang tentang insan mengikut pembahagian ras, kelas sosial dan kasta; kemudian akhirnya mengenai insan mengikut perspektif Islam.

Insan dari aspek Etimologi

Perkataan Insan (manusia) adalah kata nama umum dalam bentuk tunggal, tetapi digunakan untuk lelaki dan wanita. Ini bererti tidak terdapat perkataan "Insanah" (manusia perempuan). Malah perkataan tersebut tidak pernah digunakan (Lane 1968: 1: 113).

Kalau adapun sebutan demikian, tentunya dalam bahasa pasar (dialek) dan tidak boleh dibuat pegangan dengan perkataan tersebut. Namun begitu ada seorang penyair menggunakan perkataan إنسانة Insanah dalam syairnya yang berbunyi:

إِنْسَانَةٌ فَتَانَةٌ بَدْرُ الدُّجَى مِنْهَا حَجَلٌ

*Seorang wanita yang begitu mempersona
Purnama di malam gelita malu padanya*

(Abadi, 1306H, 2:198)

Perkataan Insan pada asalnya adalah disebut إنسيان. Ini berdasarkan kepada kebiasaan orang Arab menyebut انيسيان (manusia kecil) dalam bentuk تصغير *tasghir*.¹ Dengan itu dapat dimengertikan bahawa Insan adalah kata nama, berasal sama ada daripada الانس (*jinak*, lawan kepada الوحشة : *liar*), atau daripada dasar kata النسيان : *lupa, tidak ingat* (Saleeba 1:155) yang mana kedua-duanya adalah kata nama Infinitif (*Infinitive nouns*). Kata Kerja Kala Lalu bagi yang pertama (الانس) adalah انس. (Ia telah menjadi jinak, peramah, suka bergaul) dan kata Kerja Kala Lalu

¹ Iaitu kalau kata nama itu mengandungi tiga huruf (ثلاثي) maka bagi mentasghirkannya, hendaklah huruf pertama ber "baris hadapan ", huruf ke dua ber " baris di atas " kemudian ditambah huruf Ya' selepasnya berbaris mati ". Misalnya : قلم (pena) disebut قلم (pena kecil). Bagi kata nama empat huruf (رباعي) atau lebih, ia juga dibuat seperti di atas, tetapi huruf selepas Ya' tambahan hendaklah berbaris di bawah. Misalnya : درهم disebut درهم (dirham kecil). Lihat: Ibnu Malik, *Syarah Ibn. A'qil a'la al-Alfiyyah*, tanpa tarikh : 179.

bagi yang kedua النسيان adalah نَسِيَ : *dia telah lupa* (Lane 1968:1-113; Abadi 1306H, 2-198).

Insan dalam bentuk majmuk adalah الناس (Ibnu Mandzur, 1967: 6-10) Mengikuti سيبويه² bahawa perkataan الناس berasal daripada perkataan الاناس kemudian hamzah diganti dengan *alif* dan *lam*, maka jadi الناس. Namun begitu kadang-kadang juga terdapat juga penggunaan perkataan الاناس seperti yang ditulis oleh seorang penyair dalam syairnya : -

إن المنايا يظلم
ن على الاناس الآمينا
*Bahawa maut itu juga mengetuk menghuli
Terhadap manusia-manusia yang dipercayai*
(Ibnu Mandzur, 1967: 6-10).

Selain daripada الناس terdapat juga sebutan الإنس yang bermaksud : *sekumpulan manusia* di mana kata nama majmuknya adalah اناسى atau اناسى (dengan huruf di hujungnya *ى* *ya* tidak bertitik) atau juga اناس (al-Zabidi, 1386H/1966M : 98-99).

Di dalam al-Quran terdapat banyak sebutan الإنسان (al-insan) dan الناس (an-nas). Mengikuti Muhammad Fuad Abd al-Baqi (1364H/1945M :93-94) bahawa perkataan الإنسان sahaja disebut sebanyak 65 kali; 27 daripadanya berbaris di atas (*nasab*), 27 lagi berbaris di hadapan (*rafa'*) dan sebelas yang lain berbaris di bawah (*jarr*). Contohnya ialah :

² Beliau adalah Abu Basyar Umaru bin Othman bin Qanbar, seorang daripada Imam sekolah Basrah dalam keilmuan Tatabahasa Arab. Sibawaih adalah gelarannya; bermaksud : haruman epal. Beliau dilahirkan di Shiraz pada tahun 180H – Lihat Ahmad bin Mustafa, *Miftah al-Sa'adah wa Misbah al-Siyadah*, 3 juzuk, tanpa tarikh, 1 : 153–154.

i. Semasa *nasab* :

Firman Allah :

خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْقَةٍ فَإِذَا هُوَ خَصِيمٌ مُبِينٌ

Dia telah menciptakan manusia daripada mani, tiba-tiba menjadi pembantah yang nyata.

(Al-Quran. An-Nahl, 16 : 4)

ii. Semasa *jarr*:

Firman Allah :

وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِلْإِنْسَانِ خَذُولًا

Dan adalah syaitan itu tidak mahu menolong manusia.

(Al-Quran. Al-Furqan, 25 : 29)

iii. Semasa *rafa'* :

Firman Allah :

قَتَلَ الْإِنْسَانَ مَا أَكْفَرَهُ

Binasalah manusia, alangkah amat besar kekufurannya

(Al-Quran. 'Abasa, 80 : 17)

Mengikut Muhammad Fuad Abd. al-Baqi (1364H/1945M : 93-94) lagi, terdapat sebanyak 240 kali sebutan perkataan الناس di dalam al-Quran, daripada jumlah tersebut, 50 kali berbaris di atas (*nasab*), 40 kali berbaris di hadapan (*rafa'*) dan 150 kali berbaris di bawah (*jarr*). Contohnya ialah :

i. Semasa *nasab* :

Firman Allah :

وَيَكَلِّمُ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهْلًا وَمِنَ الصَّالِحِينَ

Dan dia berbicara dengan manusia dalam buaian dan ketika sudah dewasa dan dia adalah salah seorang di antara orang-orang yang soleh.

(Al-Quran. Ali Imran, 3 : 46)

ii. **Semasa rafa'**:

Firman Allah :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا الآية

Wahai manusia sesungguhnya kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu saling kenal mengenali...

(Al-Quran. al-Hujurat, 49 : 13)

iii. **Semasa jarr:**

Firman Allah :

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ
مَرْحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ

Dan janganlah kamu memalingkan muka kamu daripada manusia (kerana sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong lagi membanggakan diri.

(Al-Quran. Lukman, 31 : 18)

Di samping perkataan **الناس** (an-Nas) dan **الانسان** (al-Insan), terdapat juga perkataan seperti **انسى**, **أناسى**, **أناس**, **الانس** di dalam al-Quran di mana **الانس** disebut sebanyak 18 kali, (satu berbaris di atas, lima berbaris di hadapan dan dua belas berbaris di bawah), **أناس** sebanyak lima kali (tiga berbaris di bawah dan dua berbaris di hadapan), **أناسى** sekali sahaja dalam bentuk berbaris di atas dan **انسى** juga sekali dalam bentuk berbaris di atas (al-Baqi 1364H/1945M : 93-94). Contohnya ialah :

i. **الإنس** (berbaris di atas / *nasab*)

Firman Allah :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu (beribadat kepadaKu).

(Al-Quran. Al-Zariyat, 51 : 56)

ii. **الإنس** (berbaris di hadapan / *rafa'*)

Firman Allah :

قُلْ لَئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ
بِمِثْلِهِ الآية

Katakanlah “ Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa al-Quran ini, nescaya mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengannya”

(Al-Quran. Al-Isra', 17 : 88)

iii. **الإنس** (berbaris di bawah / *jarr*)

Firman Allah:

يَا مَعْشَرَ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَفْصَحُونَ عَلَيْكُمْ آيَاتِي
الآية

Wahai golongan jin dan manusia, apakah belum datang kepadamu rasul-rasul daripada kalangan kamu sendiri yang menyampaikan kepadamu ayat-ayat-Ku.....

(Al-Quran. Al-An'am, 6 :130)

iv. أناس (berbaris di hadapan / rafa')

Firman Allah :

أَخْرِجُوهُمْ مِّنْ قَرْيَتِكُمْ إِنَّهُمْ أَنَاسٌ يَّتَطَهَّرُونَ

Usirlah mereka (Luth dan pengikut-pengikutnya) dari kotamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang yang berpura-pura mensucikan diri.

(Al-Quran. Al-A'raf, 7 : 82)

v. أناس (berbaris di bawah / jarr)

Firman Allah :

... قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ الآية

Sesungguhnya tiap-tiap suku telah mengetahui tempat minum mereka masing-masing.....

(Al-Quran. Al-Baqarah, 2 : 60)

vi. أناسي

Firman Allah :

..... وَنَسَقِيَهُ مِمَّا خَلَقْنَا أَنْعَامًا وَأَنَاسِيَّ كَثِيرًا الآية

Dan agar kami memberi minum dengan air itu sebahagian besar dari makhluk kami, binatang-binatang ternakan dan manusia yang ramai.

(Al-Quran. Al-Furqan, 25 : 49)

vii. إنسي

Firman Allah :

... قَلَنْ أَكَلَمَ الْيَوْمَ إِنْسِيًّا

Maka aku tidak akan berbicara dengan seorang manusia pun pada hari ini.

(Al-Quran. Maryam, 19 : 26)

Berbalik kepada akar kata bagi الإنسان (al-Insan) iaitu الانس atau النسيان (kedua-duanya kata nama Infinitif) أنس atau نسي (kedua-duanya kata kerja kala lalu), maka di dalam al-Quran terdapat perkataan الانس juga أنس tetapi terdapat kata-kata imbuhan daripadanya seperti أنس (dia telah melihat) dan تستأنسوا daripada استأنس (meminta izin) juga مستأنسين yang juga daripada استأنس (Abd. al-Baqi, 1364H/1945M: 699). Contoh-contohnya ialah :

i. انس

Firman Allah :

قَالَ لِأَهْلِهِ امْكُثُوا إِنِّي آنَسْتُ نَارًا لَعَلِّي آتِيكُمْ مِنْهَا بِخَبَرٍ

Dia berkata kepada keluarganya: Tunggulah di sini, sesungguhnya aku melihat api, mudah-mudahan aku akan dapat membawa berita kepadamu dari tempat (api) itu.

(Al-Quran. Al-Qasas, 28 : 29)

ii. تستأنسوا

Firman Allah :

... لا تدخلوا بيوتنا غيرَ بيوتكم حتى تستأنسوا وتسلموا على أهلها
..... الآية

Janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumahmu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya.

(Al-Quran. Al-Nur 24 : 27)

iii. مستأنسين

Firman Allah :

... فإذا طعمتم فانثشروا ولا مستأنسين لحديث الآية

Maka apabila kamu selesai makan, keluarlah kamu tanpa asyik atau leka dengan perbualan...

(Al-Quran. al-Ahzab 33 : 53)

Di dalam al-Quran, terdapat perkataan نسي dan kata-kata terbitan daripadanya, tetapi tidak ada perkataan النسيان (Abd. al-Baqi, 1364H/1945M : 700).

Firman Allah:

وَضْرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُ قَالَ مَنْ يُحْيِي الْعِظَامَ وَهِيَ رَمِيمٌ

Dan dia membuat perumpamaan bagi kami, dan dia lupa kepada kejadiannya sambil berkata: Siapakah yang dapat menghidupkan semula tulang belulang yang telah hancur?.

(Al-Quran. Yasin 36 : 78)

Insan dari aspek pembahagian ras

Mengikuti kajian ahli-ahli kaji baka, apa yang kita panggil perbezaan-perbezaan ras di kalangan manusia itu adalah dalam bentuk *GENI*, iaitu suatu benda halus yang berpasang-pasang dalam sel benih. *GENI* yang berpasang. Sebarang ciri fizik tunggal yang kita jadikan ukuran ras – seperti bentuk rambut atau bentuk hidung, bukan diperturunkan oleh satu *GENI* tunggal, tetapi oleh gabungan beberapa banyak *GENI* (Firth, 1972 : 7).

Dari segi biologi, ras adalah suatu kelompok manusia yang mempunyai persamaan dari segi ciri fizikal seperti warna kulit, bentuk kepala, hidung, mata, bibir, telinga dan sebagainya. Ciri-ciri fizikal tersebut ditentukan oleh baka yang diwarisi dari generasi ke generasi. Penduduk dunia pernah dibahagikan kepada ras-ras yang tertentu seperti *Caucasoid*, *Mongoloid*, *Negroid* dan *Australoid* dengan berdasarkan kepada perbezaan fizikal (Peh, 1979 : 100).

Pembahagian seumpama ini hanya pembahagian secara kasar. Oleh yang demikian pembahagian ini dianggap masih kurang memuaskan, kerana terdapat setengah golongan yang tidak termasuk di dalam pembahagian ini. Sebagai contoh, penduduk *Veddoid* di India tidak dapat dimasukkan ke dalam mana-mana golongan ras tersebut. Demikian juga dengan penduduk *Bushmen* dan *Hottentot* di Afrika yang tidak dapat digolongkan sebagai *Negroid* (Peh, 1979 : 100).

Tambahan lagi pengelasan ras kepada *Caucasoid*, *Mongoloid* dan *Negroid*, telah diselar oleh beberapa orang yang pakar, yang menganggap ke dua-dua pengelasan yang pertama itu tergolong dalam satu kelompok daripada segi kaji hayatnya. Walau bagaimanapun, setelah manusia tersebar serta bercampur-baur dalam beberapa kurun yang lalu, menyebabkan tidak ada satu kawasan pun yang terkecuali. Malah sebenarnya tidak ada ras yang mutlak. Orang yang berkulit cerah yang dikelaskan

sebagai *Negro* di *Amerika Syarikat*, mungkin dianggap sebagai "orang putih" di negara lain, dan orang Jepun yang mempunyai ciri *Caucasoid*, dikenali sebagai "orang timur" hanya kepada mereka yang mengenalinya (Maciver & Page, 1972 : 650-651).

Keadaan ini berlaku kerana manusia adalah makhluk yang paling *mobile*, dan perkahwinan campur sering berlaku di antara satu dengan lain. Proses ini menghasilkan golongan yang mempunyai keturunan campuran yang tidak dapat digolongkan ke mana-mana golongan ras. Jadi istilah ras tidak mempunyai suatu takrif yang tegas, malah ia amat mengelirukan (Peh, 1979 :100).

Insan dari aspek pembahagian kelas sosial dan kasta

Kelas sosial sering dikaitkan dengan pembahagian jantina yang menjadi pengertian besar dalam bidang sosiologi. Salah satu ciri unggul dalam susunan kelompok masyarakat primitif ialah pembahagian kepada kumpulan umur. Tetapi jenis asas susun lapis sosial khasnya dalam peradaban yang lebih maju, dilihat dalam gejala kelas. Kelas sosial sama seperti kelompok masyarakat itu sendiri yang memperlihatkan sikap-sikap sosial. Sistem kelas adalah terbit daripada cara hidup dan fikiran dalam lingkungan kelompok masyarakat (Maciver & Page, 1972 : 100).

Adalah sukar untuk mendefinisikan dengan tepat takrif kelas sosial dalam kehidupan sehari-hari. Konsep ini mungkin bermakna segolongan individu yang mempunyai kedudukan yang sama daripada segi kuasa politik, kekayaan, pendapatan, martabat, pekerjaan atau hubungan dengan punca-punca pengeluaran. Bagi Karl Marx,³ kelas sosial adalah kategori

³ Karl Marx adalah seorang filasuf siasah dan mengasaskan "Saintifik Sosiolisma" di mana doktrinnya dikenali sebagai "Marxisma", asas kepada fahaman Komunis Internasional. Beliau dilahirkan pada tahun 1818 di bandar "Trier" di Prussian Rhineland daripada satu keluarga Yahudi. Beliau mendapat ijazah kedoktoran dari Universiti *Jena* dalam tahun

individu yang mempunyai hubungan dan kaitan yang sama dalam punca-punca pengeluaran (*Means of production*) serta hubungan pengeluaran seperti sistem pengagihan dan pertukaran (Peh, 1979 : 52). Masyarakat moden mengikut Marx, terbahagi kepada dua kelas iaitu kelas *Proletariat* dan kelas *Bourgeoisie* (Abdul Rauf, 1971 : 17). Dua golongan ini mempunyai nilai yang bertentangan dalam masyarakat kapitalis. Kelas *Bourgeoisie* memiliki punca-punca pengeluaran, pengagihan serta pertukaran sedangkan kelas *Proletariat* tidak memiliki faktor-faktor tersebut melainkan tenaga kerah (Peh, 1979 : 52). Keadaan ini semakin kabur setelah pengaruh fahaman komunis dunianya semakin menghilang.

Fenomena kelas dalam masyarakat moden telah dianalisa secara terperinci oleh Lloyd Warner berdasarkan kajiannya di kota Yankee di Amerika Syarikat. Beliau mendapati bahawa sistem stratifikasi di kota tersebut terdiri daripada enam kelas : kelas atasan atas, kelas atasan bawah, kelas menengah atas, kelas menengah bawah, kelas bawahan atas dan kelas bawahan bawah. Namun begitu beliau terlalu banyak menekankan dimensi prestij sehingga tidak menyentuh dimensi stratifikasi yang lain seperti kuasa (Peh, 1979 : 53).

Kajian tentang masyarakat Eropah pula, merupakan sistem sosial *Oer – Komunisma* yang tidak lebih daripada satu hipotesis tanpa bukti yang memuaskan. Ia merupakan satu hipotesis yang menggambarkan satu babak dari sejarah manusia yang keluar daripada pre – kehaiwanan. Masyarakat Eropah telah melalui zaman perhambaan di mana empayar Rom pernah membahagikan penduduknya kepada dua golongan, iaitu manusia merdeka terdiri daripada $\frac{1}{4}$ penduduk dan golongan hamba mencakupi selebihnya (Syed Qutub, 1975: 11).

1841. Bukunya yang dianggap teragung ialah *Das Kapital*. Beliau meninggal di London dalam tahun 1883. Lihat: *The Encyclopedia Americana*, 30 vol. 1972 18 : 345– 450; dan Talal Jarjis, *Marx wa al-Khulk*, tanpa tarikh: 28 – 31.

Apabila sistem hamba terhapus, maka muncul *sistem Feudal* yang mengelaskan manusia kepada golongan tuan-tuan tanah dan golongan petani dengan pelbagai tingkatnya. Di antara tingkat ini, mereka mengelaskannya kepada petani murni dan ada pula buruh tani dan para budak. Pengkelasan kedua yang terakhir, semakin lama semakin susut jumlahnya (Syed Qutub, 1975: 11); malah boleh dianggap tidak wujud lagi dalam alaf baru ini.

Ketika fajar Islam menyingsing di Semenanjung Arab, kerajaan Roman menganut sistem campuran antara sistem perhambaan dan sistem Feudal. Sedangkan Semenanjung Arab pada waktu itu umumnya menganut sistem campuran antara pengembara (Asli / *nomad*) iaitu Badwi dan perhambaan tetapi tidak mengenali sistem Feudal (Syed Qutub, 1975 : 13).

Selepas sistem Feudal, masyarakat Eropah mengenali satu sistem lain iaitu sistem Kapitalisma, yang melahirkan kelas *borjuis* (Syed Qutub, 1975: 13). Kelas kaum *Proletar* menjadi asas ilham kepada Karl Marx dalam mengemukakan teori-teorinya dan mahu menjadikan kelas *Proletar* sebagai kelas pilihan, saduran daripada الشعب المختار (umat pilihan) dalam agama Yahudi (Jarjis, tanpa tarikh: 38 & 47). Tetapi disebaliknya itu, bukanlah tujuan sebenar menjadikan kaum *Proletar* itu الشعب المختار, bahkan mereka mahu menghancurkan seluruh agama-agama di dunia melalui kelas pilihan tersebut.

Kelas sosial boleh terbentuk, dan ia akan terbentuk di dalam lingkungan pembahagian-pembahagian kasta yang lebih luas. Masyarakat Amerika Syarikat contohnya, dapat dilihat dalam kasta masyarakatnya seperti golongan Negro dan lain-lain kelompok yang terasing oleh rintangan-rintangan kuat terhadap pergaulan sosial (Meciver & Page, 1972 : 604).

Persoalan kasta juga dikaitkan dalam masyarakat Hindu. Hal ini timbul akibat kesombongan bangsa Arya yang berkulit putih.

Mereka merasa lebih tinggi dan lebih mulia daripada bangsa Dravida yang berkulit hitam. Sistem ini menjadi ciri bagi agama Barhama dan Hindu. Pembahagiannya ialah : -

- i. Golongan Brahman iaitu kasta tertinggi yang terdiri para pendita dan ulama.
- ii. Golongan Ksatria iaitu golongan perwira, raja, para bangsawan dan kerabat raja-raja.
- iii. Golongan Weisia, yang terdiri daripada petani, pedagang, peladang dan lain-lain.
- iv. Golongan Sudra, iaitu mereka yang mempunyai pekerjaan kasar dan orang yang hina (Sukarji, 1973 1:72)

Terdapat satu golongan lain yang di luar kasta iaitu golongan Paria / Parayan. Mereka adalah orang yang melakukan pekerjaan yang hina seperti mengemis dan meminta-minta. Golongan ini mengikut bangsa Arya bukan golongan manusia lagi. Mereka dianggap sangat jijik dan najis, penuh kotoran rohani dan jasmani (Sukarji, 1973 1 : 72-73).

Situasi ini pernah berlaku di India dan mungkin masih berlaku, tetapi sebenarnya sistem kasta ini juga berlaku di negara-negara yang kononnya pendukung hak asasi manusia seperti Amerika Syarikat. Mengikut *Raymond Firth F.B.A* beliau pernah singgah di sebuah pelabuhan di bahagian selatan Amerika Syarikat dan duduk-duduk sementara menunggu ketibaan feri. Di hadapannya terdiri sebuah bangunan besar diperbuat daripada kayu, dicat putih dan bersih. Ada sebuah papan tanda terpampang bertulis dengan perkataan "Bilik tunggu orang berkulit putih". Bila beliau beredar ke tempat lain, beliau ternampak sebuah papan tanda lain pula yang bertulis "Bilik tunggu orang berkulit hitam" (Firth, 1972 : 2).

Mengikut beliau lagi, di sana terdapat kenderaan-kenderaan khas yang mesti dinaiki oleh orang *Negro* sewaktu mengembara dalam negeri. Mereka tidak dibenarkan memasuki hotel, restoran dan tempat-tempat hiburan yang dihaskan untuk orang berkulit

putih. Walaupun setiap warganegara Amerika mempunyai hak-hak kewarganegaraan sepenuhnya, namun orang *Negro* dikenakan ujian-ujian tertentu untuk mendapatkan hak-hak itu (Firth, 1972:3). Namun begitu, sebagai sebuah negara yang mendukung hak asasi manusia, perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku.

Kewujudan kasta yang lebih jelik dapat dilihat dengan jelasnya di Persekutuan Afrika Selatan pada satu masa dulu, khususnya dalam perbezaan warna kulit (Firth, 1972: 3), walaupun pada hakikatnya orang kulit hitam adalah peribumi negara tersebut. Perbezaan kasta ini semakin pupus dengan perubahan bentuk pemerintahan di sana setelah Nelson Mandela mengambil alih kuasa di Afrika Selatan. Kewujudan kasta di negara itu, kini semakin pupus.

Pandangan dunia dan masyarakat tertentu telah meletakkan **insan** dalam kelas-kelas dan kasta-kasta tertentu. Bagaimana pula pandangan Islam mengenainya? Di manakah kedudukan Insan sepatutnya? Bagaimanakah pula gambaran sebenar “Masyarakat Islam”?

Insan dari aspek perspektif Islam

Firman Allah:

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَالِقٌ بَشَرًا مِّن طِينٍ ۖ فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ ۝

(Ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku akan menciptakan manusia dari tanah. Maka apabila telah Aku sempurnakan kejadiannya dan Kutup kepadanya ruh (ciptaanKu) maka hendaklah kamu tunduk bersujud kepadanya.

(Al-Quran. Sad 38 : 71 – 72)

Insan mengikut Tasawur Islami adalah kejadian yang berbentuk daripada dwi pola yang berlainan tetapi bercampur dalam satu kejadian, iaitu segumpal tanah dan satu tiupan ruh daripada Allah. Segumpal tanah yang terkandung dalamnya unsur-unsur tanah yang berbentuk metarial, iaitu *oxygen, hydrogen, carbon. Calcium, phosphorus* dan sebagainya, serta mengandungi keperluan-keperluan tanah dan perkara-perkara yang diperlukannya. Satu tiupan ruh daripada Allah yang mengandungi di dalamnya pancaran ruh yang suci, kekuatan pemeliharaan dan pentadbiran yang matang dan tenaga jiwa yang berkemahuan (Qutub, Muhammad, 1973 : 48).

Himpunan di antara dwi pola ini membuat insan itu kadangkadangkang dikuasai oleh salah satu daripada unsur-unsur tersebut. Apabila dia menjadi jasad sepenuhnya maka dia terjerumus ke alam haiwan; dan apabila dia menjadi sepenuhnya sebagai ruh untuk hidup di sebalik alam mahsusat (nyata, yang boleh disentuh oleh pancaindera), maka dia tidaklah Insan sepenuhnya tetapi dia cuba menjadi sejenis makhluk yang lebih mulia mengikut fikirannya daripada Insan, tetapi dia tidak akan sampai kepada hakikat kemuliaan tersebut (Qutub, Muhammad, 1973 : 49).

Kehidupan insan di dunia ini, tidak mungkin dipisahkan daripada segumpal tanah dan satu tiupan ruh. Hasil daripada percampuran dua unsur ini mengikut Islam, maka manusia perlulah menggunakan keperluan-keperluan ketahanan (kehaiwanan) itu melalui jalan Insan, bukan mengikut jalan haiwan, dan mentahkikkan keperluan-keperluan kerohanian (ruhiyyah) kemalaikatan itu mengikut jalan Insan hakiki, bukan jalur lalu malaikat (Qutub, Muhammad 1973 : 49).

Firman Allah :

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا

Dan carilah pada apa yang telah Allah anugerah kepadamu (kebahagiaan) akan negeri akhirat dan

janganlah kamu melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) duniawi.

(Al-Quran. Al-Qasas 28: 77)

Sabda Nabi Muhammad SAW:

"عن انس رضى الله عنه قال : جاء ثلاثة رهط الى بيوت أزواج رسول الله صلى عليه وسلم يسألون عن عبادته فلما أخبروا كأنهم تقالوه : فقالوا : أين نحن من النبي صلى الله عليه وسلم؟ قد غفرله ما تقدم من ذنبه وما تأخر، فقال أحدهم : أما أنا فإنا أصلى الليل أبدا وقال آخر : أنا أصوم الدهر ولا أفطر، وقال آخر : أنا اعتزل النساء فلا أتزوج أبدا. فجاء إليهم رسول الله صلى عليه وسلم فقال : أنتم الذين قال كذا وكذا؟ أما والله أني لأخشاكم لله وأتقاكم له لكني أصوم وأفطر وأصلي وأرقد وأتزوج النساء، فمن رغب عن سنتي فليس مني"

Diriwayatkan daripada Anas r.a., beliau berkata: Sekumpulan tiga orang lelaki telah datang ke rumah isteri-isteri Rasulullah SAW. bertanya tentang ibadat baginda, dan apabila diberitahu kepada mereka, lalu mereka menganggap ibadat itu kurang, maka mereka berkata: Di manakah kedudukan kita jika dibandingkan dengan Rasulullah sedangkan baginda telah diampunkan segala dosanya yang dahulu dan yang kemudian. Maka seorang daripada mereka berkata: saya akan sembahyang malam selama-lamanya; yang seorang lagi berkata: Saya akan berpuasa terus menerus sepanjang masa dan tidak akan berbuka, dan yang lain berkata: Saya akan menyisihkan diri daripada wanita, tidak akan berkahwin selama-lamanya. Tiba-tiba datang Rasulullah SAW kepada mereka dan baginda bersabda: Kamu sekaliankah yang berkata begini-begini? Demi Allah sesungguhnya saya adalah orang yang paling takut dan paling bertaqwa kepada Allah di antara kamu, namun begitu saya berpuasa dan berbuka, saya sembahyang dan tidur, dan saya mengahwini wanita-wanita. Sesiapa yang tidak

suka kepada sunnahku, maka dia bukan daripada umatku.

(Ibn Hajar, 1378H/1959 : 54)

Demikian ketinggian manusia, dia berjalan di atas muka bumi dengan dengan jisimnya dan menjelajah ke alam samawi dengan ruhnya (Qutub, Muhammad 1393/1973: 54)

Firman Allah :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ۝ وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ۝ قَالَ يَا آدَمُ أَنْبِئْهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ فَلَمَّا أَنْبَأَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ۝ وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ ۝ وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ فَآذَاهُمَا الشَّيْطَانُ عَثَّهَا أُخْرِجَهُمَا مِمَّا كَانَا فِيهِ وَقُلْنَا اهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَاعٌ إِلَى حِينٍ ۝ فَتَلَقَى آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ۝ قُلْنَا اهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا فَمَا يَأْتِيكُمْ مِنِّي هُدًى فَمَنْ تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفَ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ۝ وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ۝

Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seoraang khalifah di muka bumi, mereka berkata: Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu?, orang yang akan membuat kerosakan padanya dan akan menumpahkan darah padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau? Tuhan berfirman : Sesungguhnya Aku lebih mengetahui akan apa yang kamu tidak ketahui.

Dan Dia mengajar Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, Kemudian mengemukakan kepada para

malaikat lalu berfirman: Sebutkan kepada aku nama benda-benda itu jika kamu memang orang yang benar.

Mereka menjawab: Maha suci Engkau, tidak ada yang kami ketahui selain daripada apa yang telah Engkau ajar kepada kami, sesungguhnya Engkaulah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Allah berfirman: Hai Adam! Beritahu mereka nama benda-benda itu. Maka setelah dia memberitahu mereka nama benda-benda itu, Allah berfirman: Bukankah sudah Aku kata kepadamu bahawa sesungguhnya Aku mengetahui rahsia langit dan bumi dan mengetahui apa yang kamu lahirkan dan apa yang kamu sembunyikan.

Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam! Maka sujudlah mereka kecuali Iblis; dia enggan dan takbur, dan dia adalah daripada golongan orang kafir.

Dan Kami berfirman: Hai Adam, diamlah olehmu dan isterimu syurga ini, dan makanlah makanan-makanannya yang banyak lagi baik di mana sahaja, yang kamu sukai, dan janganlah kamu dekati pohon ini, yang menyebabkan kamu termasuk di kalangan orang yang zalim.

Lalu keduanya digelincirkan oleh syaitan dari syurga itu. Dan kedua-duanya dikeluarkan daripada keadaan semula, dan Kami berfirman: Turunlah kamu! Sebahagian kamu menjadi musuh bagi yang lain, dan bagimu ada tempat kediaman di bumi dan kesenangan hidup sampai waktu yang ditentukan.

Kemudian Adam menerima beberapa kalimah daripada Tuhannya, maka Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.

Kami berfirman: Turunlah kamu semua dari syurga itu! Kemudian jika datang petunjuk kepadamu, maka barang siapa yang mengikut petunjuk, nescaya tidak ada kekhawatiran atas mereka, dan tidak (pula) mereka

bersedih hati. Adapun orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami, mereka adalah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.”

(Al-Quran. Al-Baqarah, 2: 70-79)

Begitulah kisah Nabi Adam yang disebut dalam al-Quran dari awal hingga akhir, membayangkan detik demi detik hayat insan lain di muka bumi ini. Insan adalah makhluk yang punya kurniaan, punya kekuatan dan punya gerakan yang baik, tetapi terdapat di dalam dirinya satu faktor “kelemahan” yang berkekalan iaitu naluri cintanya terhadap keinginan-keinginan (syahwat) (Qutub, Muhammad 1393/1973 : 55-56).

Firman Allah :

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ
الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَآبِ

Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini iaitu wanita-wanita, anak-anak, harta-harta yang banyak daripada jenis emas, perak, kuda-kuda pilihan, binatang-binatang ternakan dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup dunia, dan di sisi Allah adalah tempat kembali yang baik (syurga).

(Al-Quran. Ali Imran, 3 : 14)

Dia kadang-kadang tunduk kepada syahwat dan menjadi kuda tunggangannya sehingga tidak mampu menguasai dirinya serta tidak mampu melepaskannya daripada belenggu syahwat, sehingga terjebak ke lembah kehinaan dan kebinasaan. Sekiranya dia menentang syahwat dan menguasai dirinya daripada tunggangan syahwat, maka dia berada di dalam peningkatan yang tinggi hasil daripada daya usaha dan persediaannya. Kadang-kadang dia terjerumus dek syahwat tetapi dapat menguasai

dirinya kembali lalu bertaubat, maka Allah akan menerima taubatnya (Qutub, Muhammad 1393/1973 : 56).

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَاحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ
وَمَنْ يَغْفِرَ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٥٠﴾ أُولَٰئِكَ
جَزَاءُهُمْ مَغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّاتٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَبِئْرَ
أَجْرِ الْعَامِلِينَ ﴿٥١﴾

Dan (juga) orang yang apabila mengerjakan perbuatan keji dan menzalimi diri sendiri, mereka ingat akan Allah, lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka dan siapa lagi yang dapat mengampuni dosa-dosa selain daripada Allah?. Dan mereka tidak meneruskan perbuatan keji itu, sedang mereka mengetahui. Mereka itu balasannya ialah keampunan daripada Tuhan mereka dan syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, sedang mereka kekal di dalamnya, dan itulah sebaik-baik pahala terhadap orang yang beramal.

(Al-Quran. Ali Imran, 3 : 135-136)

Dalam situasi peningkatan dirinya yang lebih tinggi, dan keadaan berdaya menguasai dirinya dan menentang syahwat, Insan berada hampir dengan Allah SWT. Tetapi bila keadaan sebaliknya, maka dia berada di dalam gengaman syaitan. Namun begitu, Allah amat mengasihani hamba-hambanya. Dia tidak menyekat nikmat-nikmat-Nya selagi manusia hidup di muka bumi. (Qutub, Muhammad 1393/1973: 56).

Firman-Nya :

قَالَ اهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَاعٌ إِلَىٰ حِينٍ

Dan kamu mempunyai tempat kediaman dan kesenangan (tempat mencari kehidupan) di muka bumi hingga kepada waktu yang telah ditentukan.

(Al-Quran. Al-A'raf, 7 : 24)

Tetapi Allah mengadakan perenggan di antara kesenangan (المتاع) dan keinginan (شهوة) seperti mana yang Dia (Allah) jelaskan di dalam perlembagaannya, agar diikuti, semoga berjaya mendapat nikmat-nikmat yang dicari (Qutub, Muhammad 1393H/1973: 56).

Firman-Nya :

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Dan sesungguhnya kami telah muliakan anak cucu Adam, kami angkat mereka di daratan dan lautan, kami beri mereka rezeki yang baik-baik, dan kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah kami ciptakan.

(Al-Quran. Al-Isra' 17 : 70)

Kedudukan Insan mengikut tasawwur Islami adalah mulia dan tinggi di sisi Allah. Kemuliaan itu akan berterusan di samping Allah, selagi dia berhubung rapat dengan-Nya dan patuh mengikut petunjuk-Nya. Insan itu ditugas melakukan amalan soleh iaitu setiap pekerjaan yang dilakukannya kerana Allah; ibadat, amal dan bekerja (Qutub, Muhammad 1393H /1973 : 57-61).

Insan mengikut konsep Islam bukanlah dua bahagian yang terpisah seperti pendapat yang mengatakan bahagian yang dijadikan daripada tanah itu, merupakan bahagian fizikal untuk bekerja membanting tulang dan bahagian samawi (ruh) itu beribadat. Tetapi ibadat itu adalah amal (pekerjaan) dan amal itu dalam ibadat. Walaupun Insan mengandungi dua bahagian yang berlainan, tetapi dia adalah satu, kerana sejak lahirnya adalah segumpal tanah dan satu tiupan ruh yang sepadu tidak terpisah (Qutub, Muhammad 1393H/1973 : 56).

Kata **الناس** (kata nama majmuk yang bermaksud manusia-manusia) adalah bersaudara tentang kemanusiaan, kerana mereka dijadikan daripada jiwa yang satu (**نفس واحدة**) dan berkongsinya mereka tentang punca kelahiran atau “tempat tumpah darah” juga tempat kembali. Firman-Nya :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ ... الآية

Wahai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptamu daripada seorang diri (jiwa/ ruh yang satu)....

(Al-Quran. Al-Nisa' 4 : 1)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah mencipta kamu sekalian lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha mengenal.

(Al-Quran. Al-Hujurat, 49 : 13)

Persaudaraan ini bukanlah kata-kata teori indah yang disimpan di dalam alam misalan dan impian tetapi ia adalah hakikat sebenar di dalam hayat manusia. Justeru itu manfaat daripada harta benda hendaklah dikongsi bersama- sama (Qutub, Muhammad 1393H/1973 : 62).

... كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ... الآية

Supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang kaya sahaja di kalangan kamu.

(Al-Quran. Al-Hasyr, 59: 7)

Justeru itu keamanan dan kesejahteraan juga adalah hak bersama dan milik semua (Qutub, Muhammad 1393H/1973: 56) di samping manfaat harta benda dikongsi bersama.

Sabda Rasulullah SAW:

كل المسلم على المسلم حرام : دمه وماله وعرضه ⁴

Adalah diharamkan kepada orang Islam membunuh orang Islam yang lain, memakan hartanya dan menodai maruahnyanya.

Firman Allah:

... مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا...
الآية

Sesiapa membunuh seorang manusia bukan kerana orang itu membunuh orang lain, atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya.

(Al-Quran. Al-Maidah 5:32)

Dengan itu dapat dibuat kesimpulan bahawa – mengikut Islam - tidak ada kasta dan tidak ada perbezaan ras di dalam masyarakat manusia universal. Namun begitu ini bukanlah bererti tidak wujud lapisan atau kelas (kalau boleh di namakan kelas) di dalam masyarakat manusia, tetapi kelas yang boleh dinikmati bagi sesiapa yang berusaha ke arah tersebut. Lapisan-lapisan tersebut kadang-kadang di dalam ilmu pengetahuan dan fadhilat. seperti apa yang diutarakan oleh Mahmud Abbas al-'Aqqad (1969 : 41). Pendapat ini bersumberkan kepada Firman Allah:

⁴ Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim. Lihat Muslim, al-Imam Abu al-Husain Muslim bin Hajjaj bin Muslim; *al-Jami' al-Sahih* 5 juzuk, 1960, 8:11

.... هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ..... الآية

Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?

(Al-Quran. Al-Zumar 39 : 9)

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ... الآية

(Nescaya) Allah akan meninggikan (darjat) orang yang beriman di antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan, beberapa darjat.

(Al-Quran. Al-Mujadalah 58 : 11)

Mereka saling meninggi dan merendah di dalam jihad ruhi dan daya melakukan islah dan kebajikan (al-‘Aqqad, 1969 : 41).

Firman Allah :

تِلْكَ الرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ مِنْهُمْ مَنْ كَلَّمَ اللَّهُ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَاتٍ

Rasul-rasul itu, Kami lebihkan sebahagian daripada mereka ke atas sebahagian yang lain. Di antara mereka ada yang Allah berkata-kata (langsung dengan mereka) dan sebahagiannya Allah meninggikan beberapa darjat.

(Al-Quran. Al-Baqarah, 2:253)

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً..... الآية

Tidaklah sama di antara orang yang duduk (tidak turut berperang) yang tidak mempunyai keuzuran dengan orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka; Allah memberi kelebihan kepada orang yang berjihad atas orang yang duduk (tidak berjihad) satu darjat.

(Al-Quran. Al-Nisa, 4 : 95)

Bagi mereka berlainan tingkat dalam rezeki dan punca-punca penghidupan (al-'Aqqad, 1969 : 41).

Firman-Nya:

..... نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُمْ مَعِيشَتَهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ
بَعْضٍ دَرَجَاتٍ الْآيَةَ

.....kami telah menentukan di antara mereka penghidupan mereka di kehidupan dunia, dan kami telah meninggikan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain beberapa darjat.
(Al-Quran. Al-Zukhruf, 43 : 32)

وَاللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ فِي الرِّزْقِ الْآيَةَ

Dan Allah melebihkan sebahagian kamu atas sebahagian yang lain dalam hal rezeki...

(Al-Quran. Al-Nahl, 16 : 71)

Walau bagaimanapun keadaan tinggi rendah yang wujud ini tidak boleh dibuat alasan untuk melahirkan rasa taksub kepada kumpulan atau fanatik terhadap keluarga, kerana tidak pernah wujud perbezaan di antara Insan dengan Insan, antara satu umat dengan satu umat yang lain, antara kabilah dengan kabilah dan individu dengan individu (al-'Aqqad, 1969 : 42).

Sabda Rasulullah SAW:

لا فضل لعربي على أعجمي ولا لعجمي على عربي ولا لأحمر على أسود
ولا لأسود على أحمر إلا بالتقوى⁵

Seorang Arab itu tidak lebih daripada seorang bukan Arab dan seorang bukan Arab daripada seorang Arab; begitu juga tidak lebih seorang berkulit merah terhadap

⁵ Ibn Hanbal, Abu Abdullah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, 6 juzuk, 1969 5 : 411.

seorang berkulit hitam, begitu juga sebaliknya kecuali dengan taqwa.

Sabda Baginda lagi :

إِسمَعُوا وَأَطِيعُوا وَإِنِ اسْتَعْمَلَ عَلَيْكُم عَبْدٌ حَبَشِيٌّ كَانَ رَأْسُهُ زَبِيْبَةً
مَا أَقَامَ فِيكُمْ كِتَابَ اللَّهِ تَعَالَى

Dengarlah dan patuhlah walaupun kamu dipimpin oleh seorang hamba Habsyi yang kepalanya seolah-olah buah anggur, selagi mana dia menjalankan hukum-hukum Allah dikalangan kamu.

(Ibn Hajar al-'Asqalani, 1398H / 1959, 2:328)

Semasa Saidina Umar al-Khattab berbicara tentang saidina Abu Bakar al-Siddiq, beliau mengisyaratkan kepada Bilal al-Habsyi ⁶ dan berkata: “*Beliau - Bilal - adalah penghulu kami dan telah dimerdekakan oleh penghulu kami Abu Bakar*” (al-'Aqqad, 1969: 42).

Dalam Islam, tidak wujud perbezaan penilaian terhadap insan, kecuali satu iaitu taqwa (التقوى)

Firman Allah :

..... إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ الآية

Sesungguhnya orang paling mulia di antara kamu ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu.

(Al-Quran. Al-Hujurat, 49 : 13)

Ini dikuatkan lagi dengan hadis sebelum ini yang menerangkan bahawa taqwa sahaja yang menetapkan kelebihan seorang manusia itu.

⁶ Abu Abdullah Bilal bin al-Rabah, muazzin Rasulullah. Di antara orang yang terawal memeluk Islam. Meninggal di Damsyik pada tahun 20H / 28H, lihat al-'Alami; al-Syeikh Muhammad Hussein al- Syeikh Sulaiman, *Daerah al-Ma'arif*, juzuk 3, (1385H / 1965M, 3 : 222 – 223).

Kesimpulan

Apabila menyebut taqwa tentulah ketaqwaan itu tidak lahir daripada orang kafir (الكافر / الكفار / الكافرون), musyrik (/ المشركون / المشرك) atau orang munafik (المنافقون/ المنافق) kerana taqwa itu dihaskan kepada orang Islam (المسلمون), orang-orang yang beriman (المؤمنون), dan orang muhsin (المحسنون) juga orang yang bertaqwa (المتقون). Tetapi siapakah المسلمون, المؤمنون, المحسنون dan المتقون serta siapakah pula الكافرون, المشركون dan المنافقون? Analisis terperinci akan dibuat di dalam bab-bab dan fasal-fasal berikut; insya Allah.

INSAN SELARI DENGAN FITRAH

Pendahuluan

Perbincangan telah dibuat mengenai konsep Insan dari aspek etimologi, pembahagian ras, pembahagian kelas sosial dan juga kasta, serta konsep Insan dari aspek perspektif Islam. Dalam bab kedua ini, “Insan Selari Dengan Fitrah”, akan memfokuskan pembicaraan kepada al-Mukminun, dan al-Muslimun. Tumpuan pembicaraan terhad kepada terma-terma tersebut dari aspek etimologi dan perspektif Islam. Penulis menumpukan tulisannya dalam fasal kedua tentang al-Mukminun dari aspek etimologi dan perspektif Islam; diikuti dengan al-Muslimun dari aspek etimologi dan perspektif Islam.

AL-MUKMINUN

A. Dari aspek etimologi

Al-Mukminun (المؤمنون) adalah kata Patisif Aktif / *Jama' Muzakkar Salim* جمع مذكر سالم (*The Sound Masculine Plural*) bagi perkataan al-Mukmin المؤمن (orang yang beriman) yang berasal daripada akar kata Iman إيمان (dalam bentuk Masdar atau Infinitif, dan bermaksud keimanan), atau berasal daripada akar kata *aamana* آمن (dalam bentuk kata Kerja Kala Lalu, yang

bermaksud ia telah beriman)¹. Perkataan المؤمنون adalah kata Patisif Aktif majmuk untuk orang-orang lelaki yang beriman.² Sedangkan المؤمن adalah kata Patisif Aktif Tunggal yang dikhaskan kepada seorang lelaki mukmin. Dua orang lelaki yang beriman disebut *mu'minaani* مؤمنان ketika *Rafa'* (Naminatif) atau مؤمنين ketika *Nasab* (Akusatif) dan ketikan *Jarr* (Genetif).

Di samping itu ia akan menjadi المؤمنات (dalam bentuk *Rafa'*) dan المؤمنات (dalam bentuk *Nasab* atau *Jar*) apabila disandarkan kepada pengertian wanita-wanita yang beriman yang lebih daripada dua orang. Perkataan-perkataan dalam bentuk ini dikenali sebagai *Jama' Muannath Salim* / جمع مؤنث سالم (The Sound Feminine Plural) ia akan menjadi مؤمنات semasa *rafa'* رفع dan مؤمنتين ketika *nasab* dan *jar*, untuk dua orang wanita yang beriman sedangkan untuk seorang wanita yang beriman disebut مؤمنة (semasa *Rafa'*) مؤمنة (semasa *nasab*) dan مؤمنة (semasa *jarr*)

Contoh dari ayat-ayat al-Quran :

a. i. المؤمنون (ketika *Rafa'*):

وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

Dan hanyalah kepada Allah, orang-orang beriman wajib bertawakal.

(Al-Quran. Ali Imran, 3 : 160)

¹ Mengikut al-Kufiyyun bahawa akar kata dalam Bahasa Arab adalah *masdar* / infinitif (dari *masdar*, sedangkan al-Basariyun pula مشتق) adalah kata terbitan (فعل kata kerja) dan *masdar* adalah الفعل berpendapat bahawa akar kata dalam Bahasa Arab adalah kata kerja kata terbitan daripadanya. Lihat al-Anbari; Abu al-Barakat Abd. Al-Rahman bin Muhammad bin Abi Sa'id, al-Insaf fi Masail al-Khilaf, 3 juzuk, 1961, 1:235.

² Biasanya perkataan al-Mu'minin merangkumi lelaki dan wanita kecuali di tempat-tempat yang disertai dengan perkataan al-Mu'minat المؤمنات selepasnya. Firman Allah : أولياء بعض والمؤمنون والمؤمنات بعضهم Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah menjadi penolong) bagi sebahagian yang lain.(Al-Quran. Al-Taubah 9: 71) .

ii. المؤمنين (ketika *nasab* :

إِن فِي ذَلِكَ لآيَةٌ لِّكُمْ إِن كُنتُمْ مُّؤْمِنِينَ

Sesungguhnya pada yang demikian terdapat tanda bagimu, jika kamu orang-orang yang beriman.

(Al-Quran. Al-Baqarah 1 : 248)

iii. المؤمنين (ketika *jarr*) :

..... وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ

Dan Allah adalah pelindung semua orang yang beriman.

(Al-Quran. Ali Imran 3 : 68)

b. i. مؤمن (ketika *Rafa* '):

..... وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمُ الآية

Sesungguhnya hamba yang mukmin lebih baik daripada orang musyrik, walaupun dia (musyrik itu) memikat hatimu.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 221)

ii. مؤمنا (ketika *Nasab*) :

وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُّتَعَمَّدًا فَجِزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيهَا الآية

Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahannam dan kekal di dalamnya selama-lamanya.

(Al-Quran. Al-Nisa', 4 : 93)

iii. مؤمن (ketika *Jarr*) :

..... وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ

Dan kamu sekali-kali tidak akan percaya kepada kami, sekalipun kami adalah orang yang benar.

(Al-Quran. Yusuf, 12 : 17)

c. i. مؤمنان (ketika *Rafa'*): Tidak ada disebut di dalam al-Quran.

ii. مؤمنين (ketika *Nasab*)

وَأَمَّا الْغُلَامُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤْمِنِينَ الآية

Dan adapun anak muda itu, maka kedua orang tuanya orang mukmin.

(Al-Quran. Al-Kahf, 18:80)

iii. مؤمنين (ketika *Jarr*): Tidak ada disebut di dalam al-Quran.

d. i. المؤمنات (ketika *rafa'*):

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ الآية

Dan orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain.

(Al-Quran. Al-Taubah, 9 : 71)

ii. المؤمنات (ketika *Nasab*):

إِنَّ الَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ الْغَافِلَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ لَعُنُوا ... الآية

Sesungguhnya orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik, yang lalai (daripada berzina) lagi beriman, mereka itu dilaknati.

(Al-Quran. Al-Nur, 24 : 23)

iii. المؤمنات (ketika *Jarr*):

... وَالْمُحْصَنَاتِ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ الآية

(Dan dihalalkan mengahwini) wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara wanita-wanita yang beriman...

(Al-Quran. Al-Maidah, 5 : 5)

e. i. مؤمنة (ketika *Rafa'*)

..... وَالْأَمَةُ مُؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ الآية

Sesungguhnya hamba wanita yang beriman adalah lebih baik daripada wanita musyrikah walaupun dia memikat hatimu.

(Al-Quran. Al-Baqarah, 2: 221)

ii. مؤمنة (ketika *nasab*) : Tidak disebut di dalam al-Quran.

iii. مؤمنة (ketika *Jarr*):

..... وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَاً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٌ الآية

Dan sesiapa membunuh seorang mukmin kerana tersalah (tidak sengaja) hendaklah memerdekakan seorang hamba sahaya yang beriman.

(Al-Quran. Al-Nisa', 4 : 92)

Daripada kajian di atas, didapati bahawa semua perkataan tadi ada disebut di dalam al-Quran kecuali perkataan مؤمنان (ketika *Rafa'*, yang bermaksud: dua orang lelaki yang beriman), مؤمنين (ketika *Jarr*, yang bermaksud dua lelaki yang beriman); مؤمنتان (ketika *Rafa'* yang bermaksud: dua orang wanita yang beriman), مؤمنتين (ketika *Nasab* dan *Jarr*, juga bermaksud: dua orang wanita yang beriman), juga مؤمنة (ketika *Nasab*, yang bermaksud: seorang wanita yang beriman).

Mengikuti Abd. Al-Baqi (1364H/1945: 89-93) jumlah perkataan tersebut di dalam al-Quran dalam pelbagai kasus adalah seperti berikut :-

- i. مؤمن (berbaris dua di hadapan)
10 kali.
- ii. مؤمنا (berbaris dua di atas)
7 kali.
- iii. مؤمن (berbaris dua di bawah)
4 kali.
- iv. المؤمن
(berbaris di hadapan dengan imbuhan pada awalan kata)
1 kali
- v. مؤنين (dalam bentuk *musanna*³ dan *nasab*)
1 kali.
- vi. مؤمنون (kata nama majmuk dalam bentuk *rafa'*)
6 kali.
- vii. مؤمنين (kata nama majmuk dalam bentuk *nasab*)
3 kali.
- viii. مؤمنين (kata nama majmuk dalam bentuk *jarr*)
7 kali.
- ix. المؤمنون (Kata nama majmuk dalam bentuk *Rafa'* dengan imbuhan ال pada awalan kata)
29 kali.
- x. المؤمنين (kata nama majmuk dalam bentuk *Nasab* dengan imbuhan ال pada awalan kata)
27 kali
- xi. المؤمنين (kata nama majmuk dalam bentuk *Jarr* dengan imbuhan ال pada awalan kata)
80 kali.

³ *Al-Mutanna* (duaan) ialah setiap kata nama yang menunjukkan kepada dua (terletak di antara kata nama tunggal dan kata nama majmuk) dengan menambahkan *alif* dan *nun* (yang berbaris di bawah) ketika *rafa'*, dan menambahkan *ya* dan *nun* yang berbaris di atas ketika *nasab* dan *jarr* di akhirnya, lihat: al-Hasyimi al-Sayyid Ahmad, *al-Qawaid al-Asasiyyah li al-Lughah al-'Arabiyyah*, 1354H, hal. 55.

Berbalik kepada akar kata bagi perkataan المؤمنون, maka kata nama tunggal perkataan tersebut ialah المؤمن, sedangkan المؤمن pula adalah kata nama terbitan daripada perkataan آمن (kata Kerja Kala Lampau yang bermaksud: dia telah beriman) atau إيمان (Masdar /Infinitif, yang bermaksud: iman atau keimanan).⁴

Perkataan آمن berasal daripada perkataan آمن dengan dua hamzah permulaannya, kemudian dilembutkan sebutan hamzah kedua, maka jadilah bunyinya آمن iaitu kata kerja kala lampau, sedangkan إيمان adalah masdar / Infinitif. يؤمن pula kata kerja kala kini yang bermaksud : dia sedang beriman, dan مؤمن pula kata nama tunggal yang bermaksud : seorang yang beriman (Ibn. Mandzur, 1388H / 1967, 13 : 23).

Contoh ayat-ayat Quran yang menyebut perkataan آمن, يؤمن dan إيمان ialah :

- i ... وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ ... الآية : آمن :

Sekiranya ahli Kitab beriman, tentulah lebih baik bagi mereka...

(Al-Quran. Ali Imran, 3 : 110)

- ii. ... وَيُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِينَ وَرَحْمَةٌ لِلَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ الآية : يؤمن :

Dan mempercayai (beriman) bagi orang mukmin dan menjadi rahmat bagi orang yang beriman di antara kamu...

(Al-Quran. Al-Taubah, 9 : 61)

- iii. وَمَنْ يَكْفُرْ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبِطَ عَمَلُهُ الآية : إيمان :

Sesiapa yang kafir sesudah beriman (tidak menerima hukum-hukum Islam) maka terhapuslah amalannya...

(Al-Quran. Al-Maidah, 5 : 5)

⁴ Lihat pendapat " al-Basriyyun " dan " al-Kufiyyun " mengenai akar kata : hal. 29.

Kata dasar bagi **أمن** dan **إيمان** ialah **أمن** (kata kerja kala Lalu yang bermaksud : telah aman atau amanah). Daripada perkataan ini terbitlah perkataan-perkataan lain seperti: **الأمن** yang bermaksud: keamanan, lawan perkataan takut atau ketakutan, **الأمانة** yang bermaksud : jujur, lawan perkataan khianat atau curang, **الإيمان** iaitu keimanan, lawan kufur atau kekufuran, **الايمان** yang bermaksud : tasdiq lawan pendustaan, **الامنة** sama maksud dengan **الأمن** dan kadang-kadang bermaksud: penjaga **الامين** atau **الأمن** yang bermaksud: orang yang amanah atau yang dipercayai; **مؤتمن** (orang yang dipercayai dan dijadikan sebagai pemegang amanah dan penjaga), **المؤمن** (orang yang beriman), **المؤمن** (satu daripada nama Allah SWT.), **أمين** (Ya Allah! Perkenankanlah doaku) (Ibn. Mandzur, 1388H/1967: 21) dan lain-lain perkataan yang membayangkan hubungan yang padu di antara satu dengan yang lain yang menunjukkan keimanan itu sendiri. Ini akan diterangkan oleh penulis dengan lebih jelas dalam kajian pengertian **المؤمنون** (al-Mukminun) mengikut perspektif Islam serta dengan dalil-dalil konkrit daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW.

B. Dari aspek perspektif Islam.

Iman (**إيمان**) adalah asas paling utama kepada setiap orang mukmin (**مؤمن**); tanpa iman seseorang individu tidak boleh dianggap sebagai mukmin. Berdasarkan kepada keterangan ini, pengertian **مؤمن**, tidak akan dapat difahami, melainkan setelah definisi Iman (**إيمان**) itu sendiri difahami secara terperinci terlebih dahulu. (Rejab, Ishak Muhammad 1979 : 20).

Definisi Iman

Iman bererti **تصديق** (tasdiq: membenar atau meyakini sesuatu perkara). Ini adalah kata sepakat pakar-pakar pengetahuan bahasa dan lain-lain, dengan bersandarkan kepada firman Allah :

قَالَتِ الْأَعْرَابُ آمَنَّا قُلْ لَمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قَوْلُوا اسْلَمْنَا الآية

Orang-orang Arab badawi itu berkata: "Kami telah beriman", katakanlah (kepada mereka): Kamu belum beriman, tapi katakanlah: Kami telah tunduk.

(Al-Quran. Al-Hujurat, 49 : 14)

Ini membuktikan bahawa iman adalah amalan hati. Apabila ianya amalan hati maka tentulah lebih tepat kalau dikatakan bahawa pengertian iman adalah tasdiq.

Mengikut Ibn. Kathir (Tanpa Tarikh, 1:40) iman mengikut pengertian bahasa adalah tasdiq semata-mata. Beliau memberikan beberapa contoh ayat-ayat al-Quran yang memberi pengertian iman ke arah tersebut; di antaranya ialah Firman Allah :

..... يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَيُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِينَ الآية

Dia beriman kepada Allah dan mempercayai orang mukmin.

(Al-Quran. Al-Taubah, 9 : 61)

Seperti mana kata saudara-saudara Nabi Yusuf kepada ayahanda mereka, Nabi Allah Yaakub:

..... وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ

Dan kamu sekali-kali tidak akan percaya kepada kami, sekalipun kami orang yang benar.

(Al-Quran. Yusuf, 12 : 17)

Demikian juga maksudnya bila digunakan bersama dengan amal:

..... إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ الآية

Kecuali orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh...

(Al-Quran. Al-'Asr, 103 : 3)

Sehubungan dengan ini, Imam al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1387H/1967,1:158) mengatakan: Sebenarnya iman adalah tasdiq, beliau bersandar kepada firman Allah (Al-Quran. Yusuf, 12 : 17) *وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ*: di mana perkataan mukmin di dalam ayat ini adalah bermaksud *مصدق* (orang yang membenar atau menyakini).

Namun demikian, ada juga pentafsir-pentafsir yang mengatakan bahawa pengertian iman dari segi bahasa ialah *خشية* . Mereka bersandarkan kepada firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ الآية

Sesungguhnya orang yang takut kepada Tuhan mereka yang tidak nampak oleh mereka.....

(Al-Quran. Al-Mulk, 67 : 12)

Firman-Nya lagi :

مَنْ خَشِيَ الرَّحْمَنَ بِالْغَيْبِ وَجَاءَ بِقَلْبٍ مُنِيبٍ

(Iaitu) orang yang takut kepada Tuhan yang Maha Pemurah sedang Dia tidak kelihatan (olehnya) dan dia datang dengan hati yang bertaubat.

(Al-Quran. Qaf, 50 : 33)

Perasaan takut adalah teras iman dan ilmu.(Ibn. Kathir Tanpa Tarikh: 1:40). Firman Allah:

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ الآية

Sesungguhnya antara hamba Allah yang takut kepadaNya (Allah) adalah ulama.

(Al-Quran. Fathir, 35 : 28)

Kadang-kadang takut kepada Allah (*خشية الله*) termasuk di dalam makna iman yang bermaksud: tasdiq perkataan dengan

amal (al-Tabari, 1378H, 1:235) Tetapi Mu'ammarr al-Zuhri mengatakan bahawa iman adalah amal (Ibn. Kathir, Tanpa Tarikh, 1:40). Jadi pengertian iman dalam aspek bahasa, ada tiga, iaitu tasdiq, takut (خشية) dan amal.

Pendapat yang terbaik daripada semua pendapat ini mengikut al-Alusi, (1960 1: 111) ialah pendapat yang mengatakan bahawa iman itu tasdiq. Ini dikuatkan dengan kata-kata saidina Ali كرم الله وجهه : “Bahawa iman adalah (pengenalan) dan makrifah adalah taslim (penyerahan) dan taslim adalah tasdiq” dan beberapa ayat al-Quran yang menguatkan lagi pendapat ini. Di antaranya ialah firman Allah:

..... أَوْلَيْكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ..... الآية

Mereka itulah orang-orang yang telah ditanamkan oleh Allah keimanan ke dalam hati mereka.

(Al-Quran. Al-Mujadalah, 58 : 22)

..... وَلَمَّا يَدْخُلُ الْإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ .. الآية

Kerana iman itu belum masuk ke dalam hatimu.

(Al-Quran. Al-Hujurat, 49 : 14)

..... وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ

Dan hatinya tetap tenang di dalam iman...

(Al-Quruan. Al-Nahl, 16 : 106)

Ini membuktikan bahawa iman adalah amalan kalbu dan iman adalah tasdiq (al-Alusi, 1960 1 : 111).

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Yahya ibnu Umar daripada Abdullah ibnu Umar daripada Umar ibnu al-Khattab, Rasulullah SAW menjawab soalan Jibril tentang iman dengan sabdanya :

أن تؤمن بالله وملائكته وكتبه ورَسُوله و اليوم الآخر وتؤمن بالقدر خيره
وشره

Iaitu kamu beriman dengan Allah, dengan malaikat-malaikatNya, dengan kitab-kitabNya, dengan rasul-rasulNya dan dengan hari akhirat juga anda beriman dengan qada' dan qadar, untung baik dan untung jahat (datangnya daripada Allah Ta'ala).

(al-Nawawi, tanpa tarikh, 1 : 157)

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Syu'bah⁵ daripada Abi Jamrah daripada Ibnu Abbas, Rasulullah SAW menerangkan kepada rombongan 'Abd al-Qais⁶ dari kaum Rabi'ah⁷ yang datang mengunjunginya, tentang beriman kepada Allah, dengan sabdanya:

أتدرون ما الإيمان بالله وحده؟ وقالوا : الله ورسوله أعلم. قال : شهادة أن لا إله إلا الله , وأن محمدا رسول الله، وإقام الصلاة، وإيتاء الزكاة، وصيام رمضان، وأن تعطوا من المغنم الخمس

Adakah kamu semua mengetahui apakah iman hanya dengan Allah semata-mata? Mereka menjawab: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui. Maka jawab Nabi: Mengucap syahadah (لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله), mendirikan solat, mengeluarkan zakat berpuasa Ramadhan dan mengeluarkan (memberi) satu perlima daripada harta rampasan.

(al-Baghawi, 1390H / 1971, 1: 44)

⁵ Syu'bah ialah Ibnu Al-Hujjaj bin al-Ward. al-Wasithi, meninggal pada tahun 160H, lihat : Abu Muhammad al-Hussein bin Masud al-Fara' al-Baghawi, *Syarah al Sunnah* , 1390H / 1971M Juzuk 1 : 45.

⁶ Kumpulan ini terdiri dari empat belas orang, dipimpin oleh al-Syeikh al-Munzir bin al-Harith al-'Asri. Untuk keterangan selanjutnya, lihat : *Sahih Muslim bisyarah al-Nawawi*, Juzuk 1 : 181.

⁷ Keturunan Rabi' bin al-Harith al-Ansari – Lihat : al-Sam'ani, Abu Sa'ad Abd. al-Karim 1966, 6 : 83.

Daripada maksud dua hadith ini, maka lahirlah beberapa definisi tentang iman. Di antaranya ialah :

- i. Iman ialah menzahirkan penundukan (الخضوع) dan penerimaan terhadap syariat dan segala yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW., mempercayainya dan mentasdiqkannya di dalam hati (Ibn. Mandzur 1388H / 196,7 juzuk 13:23).
- ii. Iman adalah tasdiq (تصديق) dengan apa yang diketahui datangnya daripada Nabi, dengan tidak dapat tidak, secara terperinci terhadap perkara-perkara yang perlu diketahui dengan detail, dan secara ringkas terhadap perkara-perkara yang perlu diketahui dengan ringkas. Ini adalah mazhab *Jumhur al-Muhaqqiqin* (al-Alusi, 1960, juzuk 1 : 110).
- iii. Iman mengikut pandangan syarak ialah tasdiq dengan hati dan beramal dengan anggota, dan bila ditafsirkan demikian, maka tentulah berlaku pertambahan atau pengurangan iman.

Namun begitu, ulama berbeza pendapat, apakah iman itu semata-mata keyakinan di dalam hati atau keyakinan di dalam hati dan ikrar dengan lidah, atau keyakinan di dalam hati dan ikrar dengan lidah, serta beramal dengan anggota?

Al-Asy'ari dan pengikut-pengikutnya berpendapat adalah memadai dengan definisi yang ke tiga iaitu tasdiq dengan hati dan beramal dengan anggota, kerana ia adalah apa yang dimaksudkan, sedangkan ikrar untuk mengetahui kewujudannya (iman), kerana ia perkara batin, perkara dalaman, dan hukum-hukum tersebut berlaku ke atasnya, maka sesiapa yang mentasdiqkan dengan hati dan meninggalkan ikrar (pengakuan dengan lidah tentang keimanan), sedangkan ia boleh melakukannya kalau ia mahu, maka dia pada pandangan syarak – adalah mukmin, dan tempatnya adalah syurga. (al-Alusi, 1960, 1: 111). Ertinya dia tidak terus kekal di dalam neraka, kerana Rasulullah SAW telah bersabda :

يخرج من النار من كان قلبه مثقال ذرة من إيمان

Akan keluar dari neraka sesiapa yang ada di dalam hatinya iman walaupun sebesar zarah.

(al-Alusi 1960, 1: 111)

Tetapi Ibnu ai-Humam menerangkan bahawa pengikut-pengikut mazhab ini sependapat, apabila orang itu diminta membuat pengakuan (إقرار) tentang keimanan, maka dia perlu melakukannya. Sekiranya ikrar tersebut tidak dilakukannya maka dia ingkar dan kufur. Manakala Imam Abu Hanifah serta majoriti pengikutnya pula berpendapat bahawa ikrar atau apa yang termasuk kategorinya seperti isyarat orang bisu, adalah suatu yang mesti. Al-Karamiyyah pula berpendapat iman pada syarak ialah pengakuan seseorang yang menyebut dua kalimah syahadah, tidak lebih daripada itu (al-Alusi, 1960 : 1 : 111).

Dari sini kita dapat ada beberapa definisi dan takrif iman mengikut istilah syarak, ulama-ulama berbeza pendapat mengenainya.

Mengikut al-Syeikh al-Maulawi Muhammad A'la bin Ali al-Tahanawi, (1966, 1: 94-95) bahawa pendapat ulama-ulama ini bolehlah dirumuskan kepada empat kumpulan:

1. Kumpulan yang pertama berpendapat bahawa iman adalah amalan hati semata-mata. Pendapat ini boleh dibahagikan kepada dua kategori :
 - i. Iman adalah tasdiq khas iaitu tasdiq dengan hati terhadap Rasulullah SAW dan percaya bahawa segala perkara yang disampaikan kepada manusia adalah datangnya daripada Allah SWT. Justeru itu, siapa yang tasdiq dengan wahdaniyah Allah (keesaan Allah) melalui dalil (Naqli) tetapi tidak mempercayai bahawa dalil tersebut yang dibawa oleh Rasulullah SAW datangnya dari Allah, maka tidaklah dianggap beriman. Ini adalah definisi iman

mengikuti *jumhur al-Asya'irah* (جمهور الأشاعرة), *al-Maturidiyyah* (الماتريدية) dan sebahagian besar ulama-ulama terkemuka seperti *al-Qadi*, *al-Hussein bin Al-Fadl* dan dipersetujui oleh *al-Salihi* dan *Ibn al-Ruwandi Ulama Mu'tazilah*.

ii. Bahawa iman itu adalah makrifah Allah / mengenal Allah (معرفة الله) serta mentauhidkan-Nya dengan hati. Ini adalah pendapat *Jahm bin Safwan* (جهم بن صفوان).

2. Kumpulan ke dua pula menganggap bahawa iman itu pengakuan dengan lidah sahaja. Pendapat ini boleh di kategorikan kepada :

i. Ikrar dengan lidah adalah iman, tetapi disyaratkan dengan terdapatnya makrifah di dalam hati. Jadi, makrifah adalah syarat untuk membolehkan ikrar dengan lidah itu sebagai iman. Ini adalah pendapat *Ghayalan bin Muslim al-Dimasyqi*.

ii. Iman ialah semata-mata berikrar dengan lidah. Ini adalah pendapat *al-Karamiyyah*. Mereka mengatakan bahawa orang munafik adalah mukmin pada zahirnya tetapi kafir pada batinnya. Dengan itu mereka tertakluk kepada hukum muslimin di dunia dan hukum kafir di akhirat. Ertinya dijalanakan ke atas mereka di dunia hukum-hukum yang dikenakan ke atas orang yang beriman. Manakala di akhirat pula mereka dikenakan hukuman seperti yang dikenakan ke atas orang kafir.

3. Kumpulan ke tiga pula berpendapat bahawa iman adalah amalan hati dan lisan, yang bermaksud bahawa iman ialah *tasdiq* dengan hati dan ikrar serta mengaku dengan lidah, dan juga boleh diertikan sebagai membenar dengan lidah dan hati, iaitu ke dua-duanya sekali. Pendapat ini boleh di bahagikan kepada tiga kategori :

- i. Iman adalah ikrar dengan lisan dan makrifah dengan hati. Ini adalah pendapat Imam Abu Hanifah.⁸ sebahagian besar para fuqaha dan sebahagian ahli ilmu kalam.
- ii. Bahawa iman adalah tasdiq dengan hati dan lisan. Ini adalah pendapat Abu al-Hasan al-Ash'ari.⁹ Justeru itu sesiapa yang mentasdiq dengan hatinya tetapi tidak pernah sekalipun melakukan ikrar dengan lidah, adalah tidak berdosa, tidak berhak masuk syurga dan tidak berhak kekal di dalam neraka. Tetapi walau bagaimanapun pendapat ini adalah bertentangan dengan hadith : -

يخرج من النار من كان قلبه مثقال ذرة من إيمان

Maksudnya: *Dikeluarkan dari neraka siapa yang terdapat di dalam hatinya iman walaupun sebesar zarah.*

- iii. Iman adalah ikrar dengan lidah dan ikhlas dengan hati, selepas itu makrifah (juga dengan hati).
4. Kumpulan keempat ini menegaskan bahawa iman adalah perbuatan hati, lisan dan seluruh anggota. Ini adalah pendapat Ashab al-Hadith, pendapat Imam Malik,¹⁰ al- Syafi'e,¹¹ Ahmad bin Hambal¹² dan al-Awza'i.¹³

⁸ Imam Abu Hanifah Nu'man bin Thabit dilahirkan di kota Kufah pada tahun 80H bersamaan 699M. Beliau keturunan Parsi. Beliau adalah imam kepada mazhab Hanafi, iaitu salah satu mazhab empat yang terkemuka sehingga kini. Wafat dalam tahun 150H (767M) dan di makamkan di Baghdad. Lihat :H.Munawwar Khalil, 1965 : 15, 63 & 69.

⁹ Beliau adalah Abu al-Hasan Ali bin Ismail al-Ash'ari, dilahirkan di Basrah dalam tahun 260H (873/4M) dan meninggal di Baghdad dalam tahun 324H (935/6M) Beliau adalah murid al-Jubbaa-i, dan pengasas mazhab al-Asy'ari – Lihat : H. A. Gibb, *The Encyclopaedia of Islam*, (London : Luzac & Co, 1960) vol. 1 : 694

¹⁰ Beliau adalah Imam Malik bin Anas, imam mazhab Maliki. Beliau dilahirkan di kota Madinah dalam tahun 93H / 712 dan meninggal dalam tahun 179H 798 (H. Munawwar Khalil, 1965 : 74 dan 118).

Daripada definisi-definisi yang berlainan tentang iman, timbul pertanyaan adakah iman itu bertambah dan berkurangan?

Sekiranya pengertian iman itu adalah tasdiq dengan hati semata-mata, maka tentulah ia tidak bertambah dan tidak berkurangan, kerana tasdiq tidak boleh dibahagi-bahagi atau dipisah-pisah. Dengan itu tidak boleh bertambah sekali dan berkurangan pada lain kali. Tetapi apabila iman itu tasdiq dengan hati, ikrar dengan lidah dan amal dengan anggota, maka pastinya wujud pertambahan dan kekurangan iman (*Sahih Muslim bi Syarh an-Nawawi*, tanpa tarikh, 1 : 146) mengikut kerja dan amal pemiliknnya.

Dalil-dalil yang menunjukkan tentang keadaan tersebut ialah firman Allah:

..... وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ

Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, bertambahlah iman mereka (keranaNya) dan kepada Tuhanlah mereka bertawakal.

(Al-Quran. Al-Anfal, 8 : 2)

Sabda Rasulullah SAW :

إن من أكمل المؤمنين إيمانًا، أحسنهم خلقًا وألطفهم بأهله

Sesungguhnya di antara orang mukmin yang paling sempurna iman mereka ialah mereka yang paling tinggi

¹¹ Al-Syafi'e ialah Muhammad bin Idris bin Abbas bin Othman bin Syafi'; Imam Mazhab Syafi'e. Dilahirkan dalam tahun 150H / 768; meninggal dalam tahun 204H / 802 di Mesir (Ibid, 133, 134 dan 200.

¹² Beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal al-Syaibani, Imam Mazhab Hanbali Di lahirkan di Baghdad dalam tahun 164H / 780; wafat dalam tahun 241AH / 855 (Ibid, 224 dan 274.

¹³ Abu Amru Abd. Al-Rahman bin Amru al-Awza'i; dilahirkan di Damsyik; meninggal di Beirut pada tahun 157H / 774 – Lihat : Gibb H. A. R.1960 : 1 : 772 – 773.

dan baik pekerti dan amat lemah lembut terhadap keluarga.

(Ibn Surah, 1385H/1965, 5:9)

Sekiranya kita mengkaji ayat-ayat al-Quran, kita akan mendapati penggunaan perkataan al-Iman (الإيمان) dalam al-Quran pada ayat-ayat tertentu menunjukkan kepada pengertian “pengakuan secara terang-terang dengan lidah” (al-Damighani, 1970 : 47). Firman Allah :

..... ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ آمَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا فَطُبِعَ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ

Yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka telah beriman (yakni mengaku) kemudian mereka menjadi kafir (lagi), lalu hati mereka dikunci mati, kerana itu mereka tidak dapat mengerti.

(Al-Quran. Al-Munafiqun, 63 : 3)

Di dalam ayat yang lain pula perkataan iman menunjukkan kepada tasdiq sama ada secara sulit dan terang. (al-Damighani, 1970 : 47). Firman Allah :

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh, mereka adalah sebaik-baik makhluk

(Al-Quran. Al-Bayyinah, 98 : 8)

Selain daripada itu, terdapat juga ayat-ayat al-Quran yang mana iman menunjukkan kepada tauhid (al-Damighani, 1970: 47). Firman Allah :

.... وَمَنْ يَكْفُرْ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبِطَ عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Dan sesiapa yang kufur sesudah beriman (tidak menerima hukum-hukum Islam), maka hapuslah

amalannya dan dia di akhirat termasuk kalangan orang yang rugi.

(Al-Quran. Al-Maidah, 5 : 5)

Di samping itu perkataan iman dalam aspek lain pula menunjukkan kepada kepercayaan yang disertai dengan amalan-amalan syirik kepada Allah. (al-Damighani, 1970 : 47). Firman Allah :

... وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُمْ بِاللَّهِ إِلَّا وَهُمْ مُشْرِكُونَ

Dan sebahagian besar daripada mereka tidak beriman kepada Allah melainkan dalam keadaan menyekutukannya.

(Al-Quran. Yusuf, 12 : 106)

Mengikut pandangan Islam, iman itu adalah asas kepada seorang mukmin. Tanpa iman seorang individu itu tidak dianggap sebagai mukmin. Berdasarkan kepada logik ini dapatlah dirumuskan bahawa mukmin yang sebenar mengikut perspektif Islam ialah mereka yang mempunyai iman yang sebenar, iaitu iman yang merangkumi kepercayaan yang ikhlas, yang tidak berbelah bahagi kepada Allah, rasul-rasul-Nya termasuk Nabi kita Muhammad SAW dan pengajaran-pengajarannya. Kepercayaan itu disertai pula dengan pengakuan dan direalisasikan dengan amalan-amalan praktikal (Ishak M. Rejab 1976 : 23-24). Ini dijelaskan oleh Allah di dalam firman-Nya :

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّعْوِ
مُعْرِضُونَ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ إِلَّا
عَلَىٰ أَرْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ فَمَنْ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ
ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ أُولَئِكَ هُمُ
الْوَارِثُونَ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman. (yaitu) orang yang khusyuk di dalam solat mereka, dan orang yang menjauhkan diri daripada (perbuatan dan perkataan) yang tidak baik, dan orang yang menunaikan zakat, dan orang yang menjaga kemaluan mereka, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba yang mereka miliki, maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela. Sesiapa mencari sebaliknya, maka mereka itulah orang yang melampau batas; dan orang yang memelihara amanah (yang mereka pikul) dan janji-janji mereka, dan orang yang memelihara solatnya, mereka itulah orang yang akan mewarisi syurga firdaus, mereka kekal di dalamnya.

(Al-Quran. Al-Mu'minun, 23 : 2-11)

Dan Firman-Nya :

إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ
زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ
يُنْفِقُونَ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ
كَرِيمٌ

Sungguhnyalah orang-orang yang beriman itu adalah mereka yang apabila disebut (nama) Allah, gementarlah hati mereka. Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatnya (Allah) bertambahlah iman mereka (kerananya) dan kepada Tuhanlah mereka bertawakal. (Iaitu) orang-orang yang mendirikan solat dan membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka, itulah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya, mereka akan memperolehi beberapa darjah ketinggian di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta rezeki (nikmat) yang mulia.

(Al-Quran. Al-Anfal, 8 : 2-4)

Jadi keimanan yang asas di dalam Islam, bahkan seluruh agama-agama langit ialah keimanan dengan sepenuh jiwa kepada Allah dan mengikuti-Nya. Tetapi iman mengikut perspektif Islam bukan terhad semata-mata kepada Allah, tetapi juga kepada rasul-rasul-Nya, kitab-kitab-Nya, kepada apa sahaja yang berhubung dengan kudrat dan iradat-Nya serta lain-lain ciri terpenting iman. Iman dalam Islam perlulah mencakupi seluruhnya, tidak mungkin iman dengan sebahagian daripadanya tetapi kufur dengan sebahagian yang lain. Keimanan tidak diterima sekiranya hanya tertumpu kepada syariat Nabi Musa atau Nabi Isa, tetapi kufur dengan syariat Nabi Muhammad SAW. (Ghallab, 1973 : 41, 42, 48 & 45).

Firman Allah:

..... أَفْتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضِ ... الآية

Apakah kamu beriman pada sebahagian al-Kita (Taurat) dan ingkar terhadap sebahagian yang lain?

(Al-Quran. Al-Baqarah, 2 : 85)

Apabila keimanan itu adalah asas kepada orang mukminin, maka mereka tidak mungkin dapat dianggap benar-benar beriman tanpa sungguh-sungguh menyerahkan diri mereka dalam khidmat amal ibadat sebagai seorang muslim, tanpa tasdiq yang diisbatkan dengan kalbu dan akal dan yang diikrarkan oleh lisan serta tidak pula diiringi dengan usaha amal ibadat. Tidak mungkin seorang itu dapat dianggap sejati taat setianya kepada Allah tanpa mentaati secara setia dan ikhlas kepada Rasul-Nya Muhammad SAW, dan tidak mungkin penerimaan seseorang itu kalimah syahadah, dapat dianggap benar-benar menyaksikan bagi pihak dirinya kebenaran bahawa tiada tuhan melainkan Allah tanpa turut terima secara sungguh-sungguh hati bahawa Muhammad itu Rasul Allah (al-Attas, 1977 : 33 – 34).

Sifat orang mukmin adalah rangkai berangkai dengan keimanan serta keamanan dan kejujuran (amanah), beralir terus

sehingga menjadi jiwa mutmainnah (مطمئنة) menuju ke alam ketuhanan menghadapi al-Mukmin (المؤمن : Allah yang mengurniakan keamanan) setelah berbicara dan bertindak sebagai seorang yang memohon diperkenankan doanya dengan sebutan آمين (amin).

Apabila seorang itu mengaku bahawa beliau adalah mukmin, maka tentulah dia seorang yang amanah kerana orang yang tidak amanah adalah termasuk di dalam golongan orang munafik. Ini bersandarkan kepada sabda Nabi Muhammad SAW. :

أربع من كن فيه كان منافقا و ان كانت خصلة منهن فيه كانت فيه
خصلة من النفاق حتى يدعها : من اذا حدث كذب، واذا وعد أخلف،
واذا خاصم فجر، واذا عاهد غدر

Sesiapa yang ada padanya empat; jadilah ia seorang munafik dan jika ada padanya satu dari perkara-perkara tersebut bererti ada padanya satu dari sifat munafik sehingga ia meninggalkannya iaitu : orang yang apabila bercakap ia berdusta, apabila berjanji ia memungkiri, apabila berkelahi ia melampaui batas dan apabila berjanji ia menipu.

(Ibn. Surah, 5 : 19 - 20)

Jadi orang mukmin perlulah seorang yang amanah yang mana mengikut al-Damighani (1970 : 46) bahawa amanah bermaksud amalan-amalan fardu dalam Islam (الفرائض), firman Allah :

..... لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرُّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ الآية

Janganlah kamu mengkianati Allah dan Rasulnya (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkianati amanah-amanah yang dipercayakan kepadamu.

(Al-Quran. Al-Anfal, 8 : 27)

Amanah juga bermaksud الودائع (amanah terhadap benda-benda yang diamanahkan). (al-Damighani, 1970 : 46). Firman Allah :

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا الآية

Sungguhny Allah memerintahkan kamu semua supaya menunaikan amanah kepada yang berhak menerimanya.

(Al-Quran. Al-Nisa 4 ; 58)

Selain daripada itu amanah juga bererti العفة (bersih hati). Firman Allah:

إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيَّ الْأَمِينُ

Sesungguhnya orang-orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja (dengan kita) ialah orang yang paling kuat lagi dapat dipercayai.

(Al-Quran. Al-Qasas 28 : 26)

Apabila keimanan melahirkan amanah dan dipercayai, maka tentulah akan wujud keamanan dan tidak wujud rasa bimbang dan takut. Firman Allah :

الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ

Orang-orang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman, mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk.

(Al-Quran. Al-An'am, 6 : 82)

Apabila keamanan menyelubungi seluruh masyarakat, maka akan lahirlah negara aman yang berfungsi sebagai مكة .

Firman Allah :

وَهَذَا الْبَلَدِ الْأَمِينِ

*Dan demi negeri (Mekah) ini yang aman.
(Al-Quran. Al-Tiin, 95 : 3)*

yang mana di sana terdapat Baitullah, tempat berkumpul bagi manusia dan tempat yang aman damai, tempat tuju mukminin mukminat kerana menunaikan fardhu haji sekurang-kurangnya seumur hidup sekali, iaitu kefardhwaan yang diperintahkan oleh *المؤمن* al-Mukmin (Tuhan yang mengurniakan keamanan).
Firman Allah :

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ ... الآية

Dialah Allah yang tiada tuhan selain Dia, Raja, Yang Maha Suci, Yang Maha Sejahtera dan Yang mengurniakan keamanan...

(Al-Quran. Al-Hasyr, 59 : 23)

Di sini perintah-Nya dilakukan dengan jiwa yang setenang-tenangnya. Akhirnya jiwa yang luhur tenang ini akan kembali kepada-Nya sesuai dengan firman-Nya :

يَا أَيَّتُهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَةً فَادْخُلِي فِي عِبَادِي
وَادْخُلِي جَنَّتِي

Hai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang redha lagi diredhai, maka masuklah ke dalam jemaah hamba-hamba-Ku, dan masuklah ke dalam syurga-Ku.

(Al-Quran. Al-Fajr, 89 : 27 – 30).

Jiwa yang tenang ini (jiwa yang mutmainnah) adalah jiwa seorang mukmin tulin, mukmin sejati, mukmin yang telah kita bicarakan pengertiannya di atas tadi.

AL-MUSLIMUN

A. al-Muslimun dari aspek Etimologi

Al-Muslimun المسلمون adalah kata Patisif Aktif Majmuk (*Jama' Muzzakar Salim / The Sound Masculine Plural*) bagi perkataan Muslim (المسلم) yang berasal daripada akar kata أسلم (kata Kerja Kala Lalu), yang bermaksud : telah menyerah atau telah memeluk Islam) atau daripada إسلام (dalam bentuk *Masdar / Infinitif*) yang mana perkataan المسلمون (dalam bentuk *Rafa' / Nominatif*) dan المسلمين (dalam bentuk *Nasab / Akusatif dan Jarr / Genetif*) adalah kata majmuk bagi orang lelaki yang beragama Islam.¹⁴ Sedangkan المسلم (tidak kira sama ada berbaris di hadapan, di atas atau di bawah) adalah kata Patisif Aktif Tunggal yang dikhaskan kepada seseorang lelaki yang beragama Islam atau seseorang muslim. المسلمان (dalam bentuk *Rafa'*) atau المسلمین (dalam bentuk *Nasab* atau *Jarr*) adalah kata nama musanna (Duaan) yang dikhaskan untuk dua orang muslim.

Di samping itu ia akan menjadi المسلمات (dalam bentuk *rafa'*) dan المسلمات (dalam bentuk *Nasab* dan *Jarr*) apabila menjadi kata nama majmuk yang dikhaskan untuk muslimat. Ini dikenali sebagai *Jama' Muannath Salim* (The Sound Feminine Plural). Sedangkan Kata Duaannya ialah مسلمتان (semasa *Rafa'*) dan مسلمتین (semasa *Nasab* dan *Jarr*), dan kata Patisif Aktif Tunggal untuk seorang wanita Islam ialah مسلمة (ketika *rafa'*) مسلمة (ketika *nasab*) dan مسلمة (ketika *jarr*).

¹⁴ Biasanya perkataan " المسلمون " dan " المسلمين " merangkumi pengertian lelaki dan wanita Islam, kecuali bila perkataan-perkataan ini disertai dengan perkataan " المسلمات " selepasnya. Lihat firman Allah : "إن المسلمين" " والمسلمات ... الآية " Maksudnya : " Sesungguhnya orang Islam lelaki dan perempuan ... " (Al-Quran. Al-Ahzab, 33:35).

Contoh daripada ayat-ayat a-Quran:

- a. i. المسلمون (ketika *Rafa'*) Firman Allah :

.... آمَنَّا بِاللَّهِ وَأَشْهَدُ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

Kami telah beriman dengan Allah dan saksikanlah bahawa kami adalah muslimun.

(Al-Quran. Ali Imran 3 : 52)

- ii. المسلمين (ketika *Nasab*),
Firman Allah:

رُبَّمَا يَوَدُّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْ كَانُوا مُسْلِمِينَ

Orang-orang kafir seringkali (nanti di akhirat) mahu kiranya mereka dahulu (di dunia) adalah muslimin.

(Al-Quran. Al-Hijr 15 : 2)

- iii. المسلمين (ketika *Jarr*)
Firman Allah :

وَأْمُرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Dan aku disuruh supaya aku termasuk di kalangan orang muslimin.

(Al-Quran. Al-Naml 27 :91)

- b. i. المسلمان (ketika *rafa'*)
(Tidak ada sebutannya di dalam al-Quran).

- ii. المسلمين (Ketika *Nasab*).
Firman Allah :

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُسْلِمَةً لَكَ الْآيَةَ

*Ya tuhan kami! Jadikanlah kami berdua **orang yang tunduk patuh** kepada engkau, dan di antara anak cucu kami umat yang tunduk patuh kepada engkau.*

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 128)

- iii. المسلمین (ketika *Jarr*)
(Tidak di sebut di dalam al-Quran).
- c. i. المسلم (ketika *rafa'*)
(Tidak disebut di dalam al-Quran).
- ii. المسلم (ketika *nasab*).
Firman Allah :
مَا كَانَ إِبْرَاهِيمَ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَكِنْ كَانَ حَنِيفًا مُّسْلِمًا
Ibrahim bukanlah seorang Yahudi dan bukan pula seorang Nasrani, tetapi dia adalah seorang yang hanif (lurus), muslim.
(Al-Quran. Ali Imran 3 : 67)
- iii. المسلم (ketika *jarr*)
(Tidak disebut di dalam al-Quran)
- d. i. المسلمات (ketika *rafa'*)
(Tidak disebut di dalam al-Quran).
- ii. المسلمات (ketika *nasab*)
Firman Allah :
إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْآيَةَ
Sesungguhnya lelaki dan perempuan yang muslim dan lelaki dan perempuan yang mukmin....
(Al-Quran. Al-Ahzab 33 : 35)
- iii. المسلمات (Ketika *Jarr*)
(Tidak disebut di dalam al-Quran).
- e. i. مسلمة (ketika *rafa'*).
(Tidak disebut di dalam al-Quran).
- ii. مسلمة (ketika *nasab*).

Firman Allah :

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُسْلِمَةً لَكَ الآية

*Ya tuhan kami! Jadikanlah kami berdua yang tunduk patuh kepada Engkau dan di antara anak cucu kami umat yang **tunduk patuh** kepada Engkau.*

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 128)¹⁵

iii. مسلمة (ketika *jarr*)

(Tidak disebut di dalam al-Quran).

Begitu juga tidak ada disebut perkataan مسلمتان (ketika *Rafa'*), مسلمتين (ketika *Nasab* dan *Jarr*), di dalam al-Quran.

Daripada contoh-contoh di atas, jelaslah bahawa di dalam al-Quran hanya terdapat perkataan مسلمون (ketika *Rafa'*), مسلمين (ketika *Nasab* dan *Jarr*), مسلمين (ketika *Nasab*), مسلما (berbaris di atas), مسلمات (ketika *Nasab*) dan مسلمة (ketika *nasab*).

Mengikut Muhammad Fuad Abd. al-Baqi (1364H / 1945: 355-357) bahawa jumlah perkataan tersebut di dalam al-Quran dalam pelbagai jenis dan kasus adalah seperti berikut :

i. مسلما (Kata Nama Tunggal ketika *nasab*)

2 kali

ii. مسلمين (Kata Nama *Musanna* ketika *Nasab*)

1 kali

iii. مسلمون (Kata Nama *Jama' Muzakkar Salim* ketika *rafa'*)

15 kali

iv. مسلمين (Kata Nama *Jama' Muzakkar Salim* ketika *Nasab*)

12 kali

¹⁵ Maksud مسلمة di sini bukanlah seorang wanita muslim tetapi yang *tunduk patuh*.

- v. مسلمين (Kata Nama *Jama' Muzakkar Salim* ketika *Jarr*)
9 kali
- vi. مسلمة (Kata Nama Tunggal berbaris dua di atas)
1 kali
- vii. مسلمات (Kata Nama *Jama' Muannath Salim* ketika *Nasab*)
2 kali

Ini bererti tidak ada sebutan perkataan مسلم (kata nama tunggal berbaris di hadapan untuk seorang muslim lelaki), مسلمة (kata nama tunggal berbaris di bawah), مسلمان kata nama musanna ketika *rafa'* untuk dua orang muslim lelaki, مسلمين (kata nama *Musanna* ketika *Jarr*), مسلمة (Kata Nama tunggal berbaris di hadapan untuk seorang wanita Islam), مسلمة (Kata Nama tunggal berbaris di bawah), مسلمات Kata Nama *Jama'* ketika *rafa'*, untuk lebih dua orang wanita Islam) dan مسلمات (Kata Nama *Jama'* ketika *Jarr*).

Berbalik kepada akar kata perkataan المسلمون kita dapati bahawa kata nama tunggal bagi perkataan tersebut ialah المسلم yang mana kedua-duanya adalah kata terbitan daripada perkataan أسلم (kata kerja kala Lalu yang bermaksud: dia telah menyerah atau dia telah memeluk Islam) atau daripada perkataan إسلام (Masdar ata' u Infinitif, yang bermaksud: penyerahan atau Islam)

Mengikut Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas (1977 : 23-24) bahawa istilah yang mengandungi makna penyerahan diri kepada kehendak Allah SWT yang sama maksudnya dengan taat kepada perintahnya, yakni penyerahan sejati adalah istilah أسلم sebagaimana dijelaskan maksudnya oleh firman Allah :

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ

Dan siapalah yang terlebih baik agamanya daripada dia yang menyerahkan wajahnya kepada Allah.

(Al-Quran. Al-Nisa' 4 : 125)

Mengikut Sidi Ghazalba (1974 : 11) pula, bahawa Islam adalah kata terbitan Arab, asalnya daripada kata **أسلم**. Akar katanya ialah **سَلِمَ** yang memberi erti sejahtera, tidak tercela, tidak cacat. Daripada kata itu terbit perkataan **سَلَامَة**, **سَلَمٌ** dan **سِلْمٌ** (yang bererti kedamaian, kepatuhan dan penyerahan diri kepada tuhan). Sedangkan kata terbitan **أسلم** pula bererti patuh, menerima atau menganut Islam. Islam bererti memasuki **سَلَمٌ** (kepatuhan). Orang yang melakukan **أسلم** atau masuk Islam itu dinamakan muslim, yang bererti patuh menerima kerana Allah. Kepatuhan kepada Allah itu bergantung keharmonian, kedamaian dan keselamatan. Jadi perkataan **مسلم** adalah kata terbitan dari **أسلم** sedangkan **أسلم** pula terbit daripada perkataan : **سلم**

Mengikut Lane, Edward William (1968, 4 : 1412), daripada perkataan **سلم** lahirlah kata terbitan seperti **سَلَامَة** (selamat), **سَلَام** (perdamaian / salam) **سَلَم** (penyerahan), **سَلْم** (perdamaian) dan **سَلْم** (Islam); yang mana **سلم** adalah kata kerja kala lalu yang bermaksud: dia telah selamat, sejahtera atau melepaskan diri daripada segala jenis kerosakan, keburukan, bebas daripada bala sengsara, bebas daripada sesuatu perkara atau bebas daripada aib, celaan dan kejahatan.

Di samping perkataan-perkataan itu, lahir juga perkataan **سلم** : *Dia telah menyelamatkan, membebaskan daripada kemusnahan, kejahatan atau daripada sesuatu perkara.* Daripada kata dasar ini terbitlah perkataan **تَسْلِيم** yang bermaksud: *tunduk patuh, mengucapkan selamat dengan doa untuk keselamatan, kesejahteraan atau kebebasan daripada segala kejahatan dan keburukan terhadap agama dan diri seseorang.* (Lane, 1968, 4 : 1412)

Selain daripada perkataan-perkataan tadi, terbit juga perkataan imbuhan **أسلم** (Kata kerja Kala Lalu) yang bermaksud: *menyerah atau memberi, meninggalkan (musuh atau orang lain) atau menjauhkan diri daripada membantunya atau membiarkannya di dalam kebiasaan.* Perkataan ini sama

dengan استسلم apabila diertikan dengan : *dia telah menyerahkan diri kepada Allah atau ikhlas setulus hati terhadap agamanya tanpa bermuka-muka, berpura-pura atau munafik.* Dan أسلم yang bermaksud : *menjadi seorang Islam atau memeluk agama Islam;* yang terbit daripadanya perkataan (Lane, 1968, 4 : 1413) اسلام yang mana pengertiannya akan kita analisa di dalam tajuk Islam & Muslimun dari aspek perspektif Islam.

Di samping perkataan-perkataan tadi, terbit juga perkataan-perkataan تسلم yang bermaksud: *dia telah mengisytiharkan dirinya bebas (dari sesuatu) atau dia telah menerima (benda yang diberi kepadanya), تسالما : kedua-duanya telah membuat perdamaian, استلم : bersetuju untuk berdamai, mengucap atau membuat isyarat mengucap (al-Hajar al-Aswad) yang sama dengan sebutan استلام , atau الاستلام sedangkan batu itu juga disebut سلمة . (Lane,1968, 4:1413).*

Daripada perkataan سلم terbit perkataan تسلم ; yang bermaksud: *dia memanggil dirinya seorang muslim;* perkataan التسليم, dan السلم : *Tunduk patuh atau mengucap selamat,* الإسلام dan السلم (Agama Islam) atau السلم bermaksud: *Perdamaian dan سلام : Ucapan salam, سلامة : Selamat dan bebas; dan مسلم : seorang Islam (Lane,1968, 4: 1414-1416).*

Al-Abrasyi, Muhammad 'Atiyyah (1967:19) pula memcatitkan beberapa kata terbitan daripada kata dasar سلم Jika dilihat kepada perkataan الاسلام daripada aspek etimologi. Mengikut beliau bahawa سلم bermaksud :*dia telah menyamak (kulit binatang) dengan السلم (sejenis pokok), dan bermaksud: selesai daripada urusannya.* Sedangkan سلم bermakna : *selamat daripada keburukan atau kejahatan; dan سلم : memberi atau menyerahkan sesuatu; dan juga تسلم : menerima atau mengambil sesuatu.*

التسليم pula adalah: *patuh dengan perintah atau ucapan salam,* أسلم: *tunduk patuh, menyerah, menjadi seorang muslim atau*

meninggalkan (musuh), تسالما bererti: kedua-duanya membuat perdamaian atau berdamai, *المسالمة* adalah perdamaian; *استسلم* sama ertinya dengan *أسلم* iaitu menyerah dan tunduk patuh (kepada perintah Allah), *السلام* adalah perdamaian dan *السلام* : selamat daripada segala keaiban, sedangkan *السلام* adalah satu daripada nama Allah SWT (al-Abrasyi 1967: 19-20) .

Di dalam al-Quran, mengikut Abd. al-Baqi, (1364H / 1965 : 355 – 357) terdapat perkataan *سَلَّمَ* (kata kerja Kala Lalu) dan kata-kata terbitan yang membawa erti : *menyelamatkan, memberi (pemberian), memberi salam, menerima* dan bererti: *mengucapkan salam kehormatan, tunduk patuh dan tidak cacat.*

Di bawah ini penulis sertakan contoh ayat-ayat al-Quran yang membawa kepada pengertian tersebut, firman Allah :

- i. وَلَكِنَّ اللَّهَ سَلَّمَ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ
...Akan tetapi Allah telah menyelamatkan kamu.
Sesungguhnya Allah maha mengetahui segala isi hati.
(Al-Quran. Al-Anfal 8 : 43)
- ii. فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُم بِالْمَعْرُوفِ ... الْآيَةِ
Maka tidak berdosa bagimu apabila kamu memberikan pemberian menurut yang patut .
(Al-Quran. Al-Baqarah, 2 : 233)
- iii. لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْذِنُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَى أَهْلِهَا ... الْآيَةِ .
Janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumahmu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya
(Al-Quran. Al-Nur 24 : 27)

- iv. ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
Kemudian mereka tidak merasa di alam hati mereka sesuatu keberatan terhadap putusan yang kamu berikan dan mereka menerima dengan sepenuhnya penerimaan.
(Al-Quran. Al-Nisa' 4 : 65)
- v. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
Wahai orang yang beriman berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepada baginda.
(Al-Quran. Al-Ahzab 33 : 56)
- vi. وَمَا زَادَهُمْ إِلَّا إِيمَانًا وَتَسْلِيمًا
Dan tidaklah menambah kepada mereka kecuali iman dan ketundukkan.
(Al-Quran. Al-Ahzab 33: 22)
- vii. تُثِيرُ الْأَرْضَ وَلَا تَسْفِي الْحَرثَ مُسَلِّمَةً لَا شَيْءَ فِيهَا الْآيَةَ
Yang tidak pernah membajak tanah dan tidak pula untuk mengairi tanaman, tidak cacat, tidak ada belangnya....
(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 71)

Di dalam al-Quran juga terdapat perkataan أسلم dan beberapa perkataan lain yang menjadi kata terbitan daripadanya (Abd al-Baqi (1364H / 1945 : 355 – 357) serta bermaksud : menyerahkan diri dengan ikhlas dan patuh, memeluk agama Islam, tunduk patuh, agama Islam, terus dalam keadaan Islam, orang Islam lelaki dan perempuan. Lihat contoh ayat-ayat al-Quran di bawah ini:

Firman Allah :

- i. بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ الآية
(Tidak demikian), bahkan sesiapa yang **menyerahkan diri** kepada Allah, sedang dia berbuat kebajikan, maka baginya pahala di sisi Tuhannya...
(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 112)
- ii. فَإِنْ أَسْلَمُوا فَقَدِ اهْتَدَوْا الآية
Maka jika mereka memeluk Islam sesungguhnya mereka telah mendapat petunjuk.
(Al-Quran. Ali Imran, 3 : 20)
- iii. وَأُمِرْتُ أَنْ أُسَلِّمَ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ
Dan aku diperintahkan supaya **tunduk patuh** kepada tuhan yang mentadbirkan semesta alam.
(Al-Quran. Ghafir 40 : 66)
- iv. إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ
Sesungguhnya (agama) yang diredhai disisi Allah hanyalah **Islam**.
(Al-Quran. Ali Imran 3 : 19)
- v. إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ... الآية
Sesungguhnya **orang Islam lelaki dan perempuan** dan orang yang beriman lelaki dan perempuan....
(Al-Quran. Al-Ahzab 33 : 35)

Di samping itu terdapat perkataan- perkataan lain, berasal daripada kata dasar سلم seperti السلم (Islam) السلم (perdamaian) السلم (perdamaian, penyerahan diri, tunduk dan patuh atau menjadi milik penuh). سالمون (sejahtera) سلام (salam, keselamatan, aman), السلام (nama Allah), سليم (yang suci

bersih) dan مستسلمون (menyerah diri). (Abd al-Baqi 1364H / 1945 : 356). Lihat firman-firman Allah di bawah ini :

- i. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً الآية
Wahai orang yang beriman, masuklah kamu semua ke dalam Islam keseluruhannya.
(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 208)
- ii. وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْتَنِحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ الآية
Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakallah kepada Allah...
(Al-Quran. Al-Anfal 8 : 61)
- iii. فَأَلْفَوْا السَّلْمَ مَا كُنَّا نَعْمَلُ مِنْ سُوءٍ الآية
Lalu mereka menyerah diri (sambil berkata) kami sekali-kali tidak akan mengerjakan sesuatu kejahatan pun.
(Al-Quran. Al-Nahl 16 : 28)
- iv. وَرَجُلًا سَلَمًا لِرَجُلٍ الآية
Dan seorang hamba yang menjadi milik penuh daripada seorang lelaki.
(Al-Quran. Al-Zumar 39 : 29)
- v. يُدْعُونَ إِلَى السُّجُودِ وَهُمْ سَالِمُونَ
Dan sesungguhnya mereka dahulu (di dunia) diseru untuk bersujud, dan mereka dalam keadaan sejahtera.
(Al-Quran. Al-Qalam 68 : 43).
- vi. وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ أَلْفَىٰ إِلَيْكُمْ السَّلَامَ لَسْتَ مُؤْمِنًا الآية

Dan janganlah kamu mengatakan kepada orang yang mengucapkan salam kepadamu: kamu bukan seorang mukmin.

(Al-Quran. Al-Nisa' 4 : 94)

vii. اَدْخُلُوهَا بِسَلَامٍ ذَلِكَ يَوْمُ الْخُلُودِ

*Masuklah kamu semua ke dalam syurga dengan **aman tenteram**; itulah hari yang kekal.*

(Al-Quran. Qaf 50 : 34)

viii. هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْآيَةُ

Dialah Allah yang tiada Tuhan selain Dia, Raja, Yang Maha Suci, Yang Maha Sejahtera....

(Al-Quran. Al-Hasyr 59 : 23)

xi. إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

Kecuali orang yang menghadap Allah dengan hati yang suci bersih

(Al-Quran. Al-Syu'ara 26 : 89)

x. بَلْ هُمْ الْيَوْمَ مُسْتَسْلِمُونَ

*Bahkan mereka pada hari itu **menyerah diri**.*

(Al-Quran. Al-Saffat : 37 : 26)

Demikianlah di antara perkataan-perkataan yang lahir dari akar kata سلم yang juga menjadi akar kata kepada إسلام itu sendiri dan kepada المسلم atau المسلمون . Semuanya membayangkan suatu himpunan yang perlu ada pada setiap muslim dan membayangkan tentang Islam itu sendiri dan hubungan di antara himpunan-himpunan ini akan penulis bicarakan nanti diakhir penganalisaan penulis tentang Islam mengikut perspektif Islam; Insya Allah.

B. Dari aspek perspektif Islam.

Konsep Mukmin, tidak dapat difahami melainkan selepas dihuraikan pengertian Iman. Begitu juga dengan pengertian Muslim yang akan dapat difahami dengan jelas apabila difahami pengertian Islam.

i. Pengertian Islam dari aspek bahasa.

Islam mengikut bahasa ialah menyerah diri, menjunjung perintah atau tunduk patuh (al-Fakhr al-Razi, 1357H / 1938 : 8 : 130). Tetapi al-Imam al-Ghazali (1387H / 1967: 1: 158) memberi definisi yang lebih panjang iaitu :

الاسلام عبارة عن التسليم والاستسلام بالإذعان والانقياد وترك
التمرد والإباء والعناد

Islam adalah penyerahan diri dengan khudu' dan menjunjung perintah serta meninggalkan keingkaran, keenggan dan bantahan.

Sedangkan para pentafsir lebih cenderung menterjemahkan perkataan أسلم (dasar kata bagi Islam) kepada pengertian Islam yang pertama iaitu menyerah diri (استسلام), menjunjung perintah (انقياد) dan tunduk patuh (خضوع) Rujuk al-Qurtubi (1387H / 1968 : 2: 75 dan 4 : 127) dan Ibnu Kathir (tanpa tarikh : 1 : 185).

ii. Pengertian Islam dari aspek istilah syarak. Sabda Rasulullah SAW,

الإسلام أن تشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله وتقيم
الصلاة وتؤتي الزكاة وتصوم رمضان وتحج البست إن استطعت إليه
سيلا ... الحديث

Islam itu ialah kamu mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa Ramadhan dan kamu mengerjakan Haji di Baitullah sekiranya kamu berdaya sampai ke sana.

(al-Nawawi, tanpa tarikh, 1 : 157)

Sabda Rasulullah lagi:

الإسلام أن تعبد الله ولا تشرك به شيئا وتقيم الصلاة المكتوبة وتؤدى
الزكاة المفروضة و تصوم رمضان ..

Islam itu ialah kamu menyembah Allah dan jangan menyekutukanNya, hendaklah kamu mendirikan sembahyang yang diwajibkan, hendaklah mengeluarkan zakat dan hendaklah kamu berpuasa Ramadan.

(al-Nawawi, tanpa tarikh, 1 : 157)

Demikianlah dua hadis Rasulullah yang membayangkan takrif Islam secara umum. Jadi apakah definisi Islam?

Mengikut al-Maududi (1976 : 4 – 5); **Islam** itu bermakna menundukkan diri di hadapan Tuhan; mengikut dan mematuhi-Nya, serta menafikan kebebasan diri masing-masing dengan menyerah diri sepenuhnya di bawah kekuasaan kebesaran-Nya; berpegang teguh kepada ajaran dan panduan yang diarahkan kepada manusia melalui rasul-Nya dan tidak dibiarkan terpesong dari ajaran itu oleh keinginan dan kemahuan dirinya sendiri.

Ibnu Manzhur (1388H / 1967, 6 : 293 – 294) pula menerangkan bahawa definisi **Islam** mengikut syarak adalah menzahirkan kepatuhan kepada Allah SWT dan menerima segala ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW iaitu tunduk dan mengikut secara lahir batin dan ikhlas segala sesuatu yang

dibawa oleh Nabi Muhammad SAW selaku Rasul Allah, dengan meyakini datangnya segala sesuatu itu melalui baginda (Zahri Hamid 1968, 1 : 26).

Dengan itu dapatlah dirumuskan bahawa pengertian Islam mengikut istilah atau syarak, terbahagi kepada empat pengertian:

- i. Menjunjung perintah dan melaksanakan amalan lahiriah sahaja sama ada dengan melafazkan kalimah syahadah ataupun menunaikan rukun-rukun Islam yang lain, (al-Tahanawi, 1966, 3 : 696) seperti yang ditegaskan oleh Rasulullah SAW di dalam sabdanya (al-Nawawi, tanpa tarikh, 1 : 158) .

الإسلام أن تشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله وتقيم الصلاة
وتؤتي الزكاة وتصوم رمضان وتحج البيت إن استطعت إليه سبيلا

Islam itu ialah mengaku bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu Pesuruh Allah, menunaikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadhan dan menunaikan Haji jika mampu untuk sampai ke sana.

Mengikut pengertian ini ternyata kepada kita bahawa **Islam** adalah berbeza daripada Iman mengikut salah satu daripada pengertian yang telah diterangkan sebelum ini, kerana mengikut pendapat tersebut, **Iman** itu ialah mempercayai kepada Allah dan Rasulullah dan perkara-perkara yang disampaikan kepada manusia adalah datangnya daripada Allah. Mengikut pendapat ini, apabila terdapat kepercayaan kepada perkara-perkara tersebut, maka secara automatiknya terdapat **Iman** walaupun tanpa diikuti dengan amalan yang disuruh oleh Allah dan menjauhi larangan-larangan-Nya (Ishak M. Rejab, 1978: 26).

- ii. Menjunjung perintah dalam melaksanakan amalan lahiriah. Di samping itu Iman mengikut pendapat golongan ini adalah asas atau jiwa kepada Islam. Iman tidak wujud tanpa Islam (al-Nawawi, tanpa tarikh, 1: 157) dan Islam tidak akan berjiwa tanpa Iman walaupun pada zahirnya Islam itu wujud (Ishak M. Rejab 1978: 26) dalam diri.
- iii. Islam dan Iman adalah dua perkataan yang mempunyai pengertian yang sama, kerana Islam mengikut kumpulan ini ialah menerima dan mematuhi segala hukum yang telah ditetapkan oleh Allah. Tindakan mematuhi segala hukum dengan tidak berbelah-bagi itu pada hakikatnya adalah kepercayaan yang sebenar (al-Tahanawi 1966, 3 : 697); kerana apabila seseorang telah mempercayai kepada sesuatu perkara, ia akan bertindak membuktikan kepercayaannya dengan amalan. Jika tidak, kepercayaan itu tidak akan memberi erti apa-apa (Ishak M. Rejab 1978 : 26).
- iv. Pengertian Islam yang dapat difahamkan daripada pendapat Abu Bakar Muhammad bin Basyar ¹⁶ adalah menyerah diri kepada urusan (suruhan) Allah dan jujur serta ikhlas di dalam melakukan ibadat terhadap-Nya (Ibnu Manzhur 1388H/ 1967, 6 : 293).

Andainya kita menganalisa perkataan al-Islam dalam al-Quran dalam pelbagai konteks, nescaya kita dapati bahawa di antara lain, perkataan ini boleh diertikan sebagai “al-Ikhlās” (ikhlas dan jujur) (al-Damighani, 1970 : 224). Firman Allah :

¹⁶ Beliau adalah Abu Bakar bin Muhammad bin Basyar bin Othman bin Daud bin Kisan al-'Abadi al-Basri, seorang penghafaz hadis yang thiqhah. Meninggal pada tahun 252H = 866M di Basrah. Lihat : al-Zarkali, *al-A'lam*, 1969, 6 : 277.

إِذْ قَالَ لَهُ رَبُّهُ أَسْلِمَ قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ

Ketika tuhanNya berfirman kepadanya : Kamu hendaklah tunduk patuh “ (Ikhlash serta jujur), Ibrahim menjawab : “Aku tunduk patuh (Ikhlash dan jujur) kepada tuhan yang mentadbirkan semesta alam”.

(Al-Quran. Al-Baqarah, 2 : 131)

Selain dari itu al-Islam juga mengandungi makna al-Ikrar iaitu pengakuan dengan lidah, untuk melaksanakan perintah Allah. (al-Damighani 1970 : 245). Firman Allah :

أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْتَغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ

Maka apakah mereka mencari agama selain agama Allah, padahal pada Dialah menyerah diri (yakni ikrar untuk mengabdikan diri kepadaNya) oleh segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan rela mahupun terpaksa, dan kepada Dia lah tempat dikembalikan.

(Al-Quran. Ali Imran 3 : 83)

Di samping itu perkataan Islam السليم mengandungi شرايع الدين (Syariat yang dibawakan oleh Nabi Muhammad SAW) (al-Damighani 1970 : 245). Firman Allah :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً الآية

Wahai orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya (yakni syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.)

(Al-Quran. Al-Baqarah, 2 : 208)

Pendapat-pendapat tentang Islam seperti yang telah diterangkan tadi umumnya bolehlah dirumuskan kepada dua kategori :

- i. Islam dalam pengertian yang sempurna dan tepat. Iaitu Islam yang berasaskan kepada iman, dan dimanifestasikan dengan mengerjakan ibadat secara ikhlas, merealisasikan hukum syarak, serta terikat dengan segala pengajaran, termasuk nilai-nilai hidup, yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW.

- ii. Islam yang tidak sempurna, iaitu melakukan amalan lahiriah sahaja, tanpa disertai dengan iman. Sekurang-kurangnya amalan lahiriah yang dilakukan oleh seseorang individu, yang merupakan titik pemisah dengan kafir ialah mengucap dua kalimah syahadah (Ishak M. Rejab 1978: 27). Rasulullah SAW bersabda (al-Nawawi, tanpa tarikh, 1: 211):

أمرت أن أقاتل الناس حتى يقول لا إله إلا الله عصموا مني دماءهم
وأموالهم إلا بحقها

Aku telah diperintah supaya memerangi manusia sehingga mereka melafazkan لا إله إلا الله, maka apabila mereka melafazkannya, terpeliharalah darah dan harta benda mereka dariku melainkan dengan haknya.”

Jadi orang yang melafazkan syahadah sudah dianggap sebagai seorang Islam. Oleh itu apakah perbezaan di antara Islam dan iman?

Walaupun ada pendapat yang mengatakan bahawa Islam dan iman itu sebenarnya adalah satu dengan bersandarkan dengan firman Allah :

فَأَخْرَجْنَا مَنْ كَانَ فِيهَا مِنَ الْمُؤْمِنِينَ فَمَا وَجَدْنَا فِيهَا غَيْرَ بَيْتٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ
Lalu kami keluarkan orang-orang yang beriman yang berada di negeri kaum Luht itu, dan tidak kami mendapati

di negeri itu kecuali sebuah rumah dari orang-orang yang berserah diri.

(Al-Quran. Al-Zariyat 51: 35-36)

Namun di sana wujud perbezaan di antara kedua-duanya, kerana seorang muslim kadang-kadang menjadi mukmin dalam beberapa hal tetapi tidak dalam beberapa hal lain. Setiap mukmin adalah muslim dan tidak setiap muslim itu mukmin. Di samping itu iman adalah tasdiq sedangkan Islam adalah penyerahan diri dan menjunjung perintah. Justeru itu kadang-kadang seseorang itu menyerah diri pada lahirnya tetapi tidak batinnya dan kadang-kadang dia adalah orang yang mentasdiq di dalam hati tetapi tidak tunduk patuh pada zahir (al-Nawawi, tanpa tarikh, 1 : 211).

Firman Allah :

قَالَتِ الْأَعْرَابُ آمَنَّا قُل لَّمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا الآية

Orang Arab Badwi itu berkata : "Kami telah beriman" Katakanlah kepada mereka: "Kamu belum beriman; tetapi katakanlah "Kami telah tunduk".

(Al-Quran : Al-Hujurat, 49:14)

Perbezaan yang jelas antara iman dan Islam ialah sabda Rasulullah SAW :

الاسلام أن تشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله وتقيم الصلاة

وتؤتي الزكاة وتصوم رمضان وتحج البيت إن استطعت إليه سبيلا

Islam itu adalah kamu mengucapkan لا إله إلا الله dan Muhammad Rasulullah, kamu mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa Ramadhan dan menunaikan Haji ke Baitullah sekiranya kamu mampu untuk sampai ke sana.

Dan sabdanya :

الايمان : ان نؤمن بالله وملائكته وكتبه واليوم الآخر وتؤمن بالقدر خيره
وشره

Iman itu ialah kamu mempercayai Allah, malaikatnya, Kitab-kitabNya, Rasul-rasulNya dan hari Akhirat, dan kamu beriman dengan Qada' Qadar, untung baik dan untung jahat (datangnya daripada Allah).

(Ibn Taimiyah, 1392H/1972 : 2)

Namun begitu tidaklah dapat dinafikan bahawa keduanya adalah saling berkait rapat dan rangkai berangkai antara satu dengan lain, apabila dilihat kepada sebuah hadis Rasulullah SAW yang berbunyi :

فقيل أى الأعمال أفضل: فقال صلى الله عليه وسلم : الاسلام , فقال :

أى الاسلام أفضل؟ فقال: الايمان

Lalu ditanya kepadanya, apakah amalan-amalan yang paling afdhal? Jawab Rasulullah: Islam, dan mereka bertanya lagi : Apakah Islam yang paling afdhal? Jawab Rasulullah: Iman

(al-Ghazali, 1387H/1967, 1 : 159)

Kedua-duanya akan menjadi satu apabila Islam itu dimengertikan sebagai menyerah dan tunduk patuh dengan kalbu dan zahir seluruhnya. Setiap penyerahan diri lahir dengan ikrar dan amal adalah hasil tasdiq batinnya dan natijahnya (al-Ghazali, 1387H/1967, 1 : 159).

Jadi, apakah pengertian Muslim? Dalam mentafsirkan firman Allah: فَكُونُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ (Al-Quran. Ali Imran, 3 : 64) al-Qurtubi menyebut pengertian “muslimun” di sini ialah orang yang beragama Islam yang tunduk patuh menjunjung perintah terhadap hukum-hukumnya, yang mengiktiraf tentang

pengurniaan–pengurniaan dan nikmat-nikmat Allah kepada kita, yang tidak mengaku atau menganggap tuhan selain-Nya, tidak Isa, tidak Uzair, dan tidak Malaikat, kerana mereka adalah makhluk seperti kita, dan tidak mengikut arahan atau fatwa al-Ruhban yang mengharamkan perkara-perkara yang Allah sendiri tidak mengharamkannya (al-Qurtubi 1387H/1967, 4 : 107).

Dalam mentafsir firman Allah :

..... لَا تَفْرُقْ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْهُمْ وَكُنْ لَهُ مُسْلِمُونَ

Kami tidak membeza-bezakan seorang pun di antara mereka dan hanyalah kepada ialah kami menyerah diri;

(Al-Quran. Ali Imran, 3 : 84)

Al-Syawkani (1383H/1964, 1: 215) menerangkan bahawa perkataan “muslimun” di sini adalah bermaksud : Orang-orang yang menyerah diri dengan tunduk patuh dan menjunjung perintah terhadap segala yang disuruh oleh Allah atau dilarang daripada mengerjakannya, atau bermakna orang yang ikhlas jujur dalam melakukan ibadat terhadap-Nya.

Muslim sebenar mengikut perspektif Islam ialah mereka yang mempunyai iman yang sebenar dan bertindak membuktikan iman mereka itu dengan mengerjakan ibadat dan merealisasikan hukum syarak serta terikat dengan segala pengajaran, termasuk nilai-nilai hidup yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW. Mereka ini menerima dengan penuh keyakinan segala pengajaran Islam yang merangkumi segala aspek kehidupan, sama ada yang bercorak peribadi, perhubungan manusia dengan Allah dan perhubungan manusia dengan manusia termasuk urusan-urusan kenegaraan dan nilai-nilai hidup bermasyarakat. (Ishak M. Rejab 1978 : 28).

Orang-orang Islam yang baik (Soleh) adalah mereka yang tunduk serta patuh kepada Allah dan menjunjung perintah-

perintah-Nya secara rela dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama, dan tunduk patuh serta menjunjung perintah-perintah secara paksa (كرها) dalam perkara-perkara yang menyalahi kemahuan semulajadi mereka seperti sakit, fakir dan sebagainya (al-Fakhr al-Razi, 1358H/1938, 8 : 130-131).

Mengikut perspektif Islam, apabila seorang itu menjadi muslim atau menganggap dirinya muslim, beliau adalah tertakluk kepada keperibadian muslim itu sendiri, keperibadian yang ikhlas dalam melakukan amal untuk Allah semata-mata, keperibadian yang menyerah diri, patuh dan menjunjung perintah Allah, sesuai dengan firman-Nya :

بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ الآية

(Tidak demikian) bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya (Ikhlas beramal kerana Allah semata-mata), sedangkan dia berbuat kebajikan, maka baginya pahala dari sisi tuhanNya....

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 112)

Firman-Nya :

..... لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ

Kami tidak membeza-bezakan seorang pun di antara mereka dan hanyalah kepada ialah kami menyerah diri (menyerah diri dengan patuh dan menjunjung perintah terhadap segala perintahnya dan larangan-Nya).

(Al-Quran. Ali Imran, 3 : 84).

Ini adalah di antara sifat-sifat keperibadian Muslim jati sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang Islam yang bertuhankan Allah " السلام " , yang muslim itu menjadi milik penuh kepada-Nya yakni kepada : -

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ
الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Dialah Allah yang tiada tuhan selain Dia, Raja, Yang Maha Suci, Yang Maha Sejahtera, yang mengurniakan keamanan, Yang Maha Memelihara, Yang Maha Perkasa, Yang Maha Kuasa, yang memiliki segala keagungan, Maha Suci Allah daripada apa yang mereka persekutukan.

(Al-Quran. Al-Hasyr, 59 : 23)

Sebagai seorang hamba yang muslim sejati yang menjadi milik penuh Tuhan, tentulah di samping mengeratkan tali kesetiaan kepada Yang Maha Kuasa, perlu berhubung rapat dengan hamba-hamba Allah yang lain khususnya dengan orang Islam, sesuai dengan sabda Rasulullah SAW:-

المسلم من سلم المسلمون من لسانه و يده

Orang muslim itu ialah siapa yang orang Islam selamat dari lidah dan tangannya.

(Ibn Surah 1357H/1937, 5 : 17)

Justeru itu, dalam usaha memperkukuh hubungan antara hamba sesama mereka dan muslim dengan muslim yang lain, Islam menggalakkan ucapan salam di antara mereka. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْنِسُوا
وَتُسَلِّمُوا عَلَى أَهْلِهَا

Wahai orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumahmu, sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya...

(Al-Quran. Al-Nur, 24 : 27)

Firman-Nya :

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا الآية

Dan apabila kamu diberi salam maka balaslah salam itu dengan yang lebih baik daripadanya atau balaslah salam itu (dengan yang serupa).

(Al-Quran. Al-Nisa' 4 : 86).

Ucapan salam itu bukan kepada orang sezamannya sahaja tetapi kepada manusia yang paling istimewa iaitu Nabi Muhammad SAW, sebagai tanda cinta kepadanya sesuai dengan firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Hai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya.

(AlQuran. Al-Ahzab, 33 : 56)

Ucapan salam akan melahirkan rasa hormat-menghormati dan kasih sayang sesama muslimin. Ini dapat difahami daripada hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah RA beliau berkata: Rasulullah SAW telah bersabda:

لا تدخلوا الجنة حتى تؤمنوا ولا تؤمنوا حتى تحابوا ألا أدلكم على

أمر إذا أنتم فعلتموه تحاببتم ؟ أفشوا السلام بينكم

Kamu tidak akan masuk syurga hingga kamu beriman, dan kamu tidak beriman sehingga kamu berkasih sayang sesama kamu. Sukakah kamu kiranya Aku tunjukkan sesuatu bila kamu lakukannya, ia akan menimbulkan kasih sayang di antara kamu? Sebarkanlah salam di antara kamu

(Ibn Surah 1357H/1937, 5 : 52)

Melalui salam yang disebarkan serta selalu diamalkan di kalangan orang Islam, ia akan menimbulkan persefahaman yang akan membawa kepada keharmonian dan perdamaian (السلام). Kedamaian serta keharmonian ini hanya akan lebih berfungsi dengan wujudnya jiwa yang bersih dan sanubari yang suci (سليم), di mana jiwa yang suci bersih ini akan kembali kepada Tuhannya (السلام) pada ketika harta dan anak-anak tidak berguna lagi.

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

(Iaitu) di hari, harta dan anak-anak tidak berguna, kecuali orang yang mengadap Allah dengan hati yang bersih.

(Al-Quran. Al-Syu'ara' 26 : 88-89)

Kembalinya jiwa-jiwa yang suci bersih (قلب سليم) ini adalah untuk menemui Tuhan (السلام) dan memasuki syurga-Nya Dar al-Salam (دار السلام). Firman-Nya :

وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى دَارِ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Dan Allah menyeru (manusia) ke Dar al-Salam (Syurga), dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus (Islam).

(Al-Quran. Yunus, 10 : 25)

Kembali menemui Allah dan menetap di tempat yang :

لَا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا إِلَّا سَلَامًا الآية

Mereka tidak mendengar perkataan-perkataan yang tidak berguna di dalamnya (Syurga) kecuali ucapan salam.

(Al-Quran. Maryam, 19 : 62)

Setiap muslim perlu meningkatkan dirinya dan peribadinya dengan menghayati Islam sebagaimana yang terdaya dilakukannya agar menjadi seorang muslim sejati yang dapat

terus meninggikan syiar Islam. Tugas ini adalah tanggungjawab setiap Muslim yang dinamakan Umat Islam (الامة المسلمة) iaitu: Satu jemaah manusia di mana penghidupan mereka, tasawwur mereka, sistem hidup mereka, cara pemikiran mereka semuanya adalah lahir dan memancar daripada manhaj Islam (Qutb, Sayyed, tanpa tarikh : 6). Tugas ini adalah tanggungjawab المجتمع الاسلامى (Masyarakat Islam) iaitu mujtamak yang mengamalkan Islam... akidah dan ibadat, syariat dan sistem masyarakat, budi pekerti dan cara hidupnya (Qutb, Sayyed, tanpa tarikh : 105).

INSAN KE TAHAP IHSAN DAN TAQWA

Pendahuluan

Setelah membicarakan tentang Insan dari aspek etimologi, Insan dari aspek pembahagian ras, Insan dari aspek pembahagian kelas sosial dan kasta, juga Insan dari aspek perspektif Islam dalam bab pertama, kemudian diikuti dengan pembicaraan tentang “Insan Selari Dengan Fitrah”, yang fokus pembicaraan tertumpu kepada al-Mukminun dan al-Muslimun; maka dalam bab ketiga ini fokus perbincangan ialah tentang “Insan ke Tahap Ihsan dan Takwa” dengan penumpuan kepada al-Muhsinin dan al-Muttaqun. Tumpuan perbincangan sama seperti bab kedua, terhad kepada terma-terma tersebut dari aspek etimologi dan perspektif Islam. Selepas pendahuluan ringkas ini, penulis menumpukan tulisannya dalam fasal kedua tentang al-Muhsinin dari aspek etimologi dan perspektif Islam; diikuti dengan al-Muttaqun dari aspek etimologi dan perspektif Islam. Kedua-dua pembicaraan ini akan menjelaskan bahawa insan yang ingin menuju ke arah insan kamil, tidak akan terhenti kepada keampuhannya dalam tahap Islam dan Iman semata-mata; tetapi meningkatkan dirinya ke tahap ihsan dan takwa atau disebut dengan terma muhsin muttaqi.

AL-MUHSINUN

A. Dari Aspek Etimologi :

Al-Muhsinun (المحسنون) adalah kata patisif aktif jamak bagi perkataan al-muhsin (المحسن): Orang yang berbuat baik, melakukan kebajikan atau orang yang ikhlas. Perkataan ini berasal daripada akar kata Ihsan (احسان): dalam bentuk masdar / (Infinitif) atau terbitan kata daripada akar kata Ahsana (أحسن): dalam bentuk kata kerja kalalalu,¹ yang mana perkataan al-Muhsinun (المحسنون) dalam bentuk Rafak / Namimatif) dan al-Muhsinin (المحسنيين); dalam bentuk Nasab / Akusatif dan Jar / Genetif) adalah kata jamak bagi ramai / lebih dua orang lelaki yang melakukan kebajikan atau kebaikan, sedangkan المحسن (al-Muhsin; tidak kira sama ada berbentuk rafak, nasab atau jar) adalah kata nama tunggal (mufrad) yang dikhaskan kepada seorang lelaki yang melakukan kebajikan. Manakala al-Muhsinani (المحسانان); dalam bentuk (rafak) dan al-Muhsinaini (المحسنيين); dalam bentuk Nasab atau (Jar) adalah kata nama musanna (duaan) yang dikhaskan untuk dua orang lelaki yang berbuat kebajikan.²

Di samping itu, ia akan menjadi al-Muhsinaatu (المحسنات); dalam bentuk (rafak) dan al-Muhsinaati (المحسنيات); dalam bentuk (nasab dan jar) apabila menjadi kata patisif aktif jamak yang dikhaskan untuk ramai atau lebih dua orang perempuan yang melakukan kebaikan. Sedangkan kata nama muthanna untuk dua orang perempuan yang melakukan kebaikan pula ialah al-muhsinataani (المحسنتان); semasa rafak dan al-muhsinatain (المحسنتين); semasa nasab dan jar, dan kata nama tunggal (mufrad) untuk seorang wanita yang melakukan kebaikan, disebut al-Muhsinatu / al-Muhsinah (المحسنة); dalam bentuk rafa', al-muhsinata (المحسنة) dalam bentuk nasab dan al-muhsinati (المحسنة) dalam bentuk jar.

¹ Lihat halaman 29

² Untuk lebih memahami maksud *Muthanna*, sila lihat halaman 33

Daripada perkataan-perkataan tersebut: Tidak termasuk perkataan: ihsan احسان dan ahsana احسن - hanya perkataan muhsin (محسن) dalam bentuk rafak tunggal, muhsinuun محسنون dalam bentuk rafak majmuk dan muhsinin (محسنين); dalam bentuk nasab dan jar majmuk) dan muhsinaatin محسنات ; dalam bentuk jar majmuk) yang terdapat di dalam al-Quran (Abd. al-Baqi, 1364H/1945 : 204–205).

Beliau menjelaskan bahawa jumlah perkataan-perkataan tersebut dalam pelbagai jenis dan kasus di dalam al-Quran, adalah seperti berikut :

- i. محسن (berbaris dua di hadapan) 4 kali
- ii. محسنون (Dalam bentuk Rafa') sekali
- iii. محسنين (Dalam bentuk Nasab) 18 kali
- iv. محسنين (Dalam bentuk Jar) 15 kali
- v. محسنات (Dalam bentuk Jar) Sekali

Contoh daripada ayat-ayat al-Quran:

- i. محسن (berbaris dua di hadapan) :

Firman Allah :

وَمَنْ يُسَلِّمْ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ
الْوُثْقَى

Dan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah, sedang dia berbuat kebaikan, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada ikatan tali yang kukuh.

(Al-Quran. Luqman 31: 22)

- ii. محسنون (dalam bentuk rafa')

Firman Allah :

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ

Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa dan mereka yang berbuat kebaikan.

(Al-Quran. al-Nahl 16 : 128)

iii. محسنين (dalam bentuk *nasab* majmuk)

وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang yang berbuat baik.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 195)

iv. محسنين (dalam bentuk *jarr*)

إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat kepada orang-orang yang berbuat baik

(Al-Quran. Al-'A'raf 7 :56)

v. محسنات (dalam bentuk *jarr* majmuk feminin) :

..... فَإِنَّ اللَّهَ أَعَدَّ لِلْمُحْسِنَاتِ مِنكُنَّ أَجْرًا عَظِيمًا

Maka sesungguhnya Allah telah menyediakan bagi sesiapa yang berbuat baik di antara kamu (wanita-wanita), pahala yang besar.

(Al-Quran. Al-Ahzab 33 : 29)

Berbalik kepada akar kata bagi المحسنون Kata Nama Tunggal bagi perkataan ini ialah المحسن (*Isim Fa'il / Patisif Aktif*), yang bermaksud: (seorang yang melakukan kebaikan atau kebajikan). Kedua-dua Patisif Aktif Jama' dan Patisif Aktif Tunggal ini adalah kata terbitan daripada perkataan أحسن (Kata Kerja Kata Lalu yang bermaksud: Dia telah melakukan kebajikan dan (kebaikan) atau berasal dari perkataan احسان (*Masdar / Infinitif*).

Namun begitu, ahli-ahli bahasa berlainan pendapat tentang akar kata bagi perkataan المحسن. Ada yang mengatakan bahawa perkataan tersebut adalah kata terbitan daripada perkataan الحسن (Baik); tetapi pendapat lain pula mengatakan bahawa ianya terbitan daripada perkataan الاحسان; justeru itu mengikut pendapat kedua; orang yang melakukan الحسن (Kebajikan) tidak boleh dianggap seorang المحسن (orang yang melakukan kebaikan)

kecuali perbuatan orang tersebut mengandung *حسن* (kebaikan) dan *احسان* (perlakuan kebaikan) itu sendiri (al-Fakh al-Razi, 1357H/1938, 5 : 151).

Tanpa melihat kepada perbezaan pendapat tadi, lebih tepat kalau dikatakan bahawa *الحَسَنُ* dan *الاحسان* adalah berasal daripada perkataan *حَسَنَ* atau *حَسْنًا* (kata kerja kalaalu yang bermaksud : Dia telah mempunyai sifat *حسن* di mana *حسن* adalah kata nama infinitif yang bermaksud: baik, cantik atau menyenangkan. Jadi kata-kata kerja kalalalu bagi perkataan ini iaitu *حَسَّنَ* dan *حَسَّنَ* adalah bermaksud: Dia telah menjadi baik, atau dia adalah cantik dan menyenangkan (Lane 1968, 2 : 570).

Daripada perkataan *حسن* , *حسن* , *حسن* (dalam bentuk kata kerja kalalalu) atau daripada perkataan *حسن* , *حسن* , *حسنا* (kata nama infinitif) sebagai akar kata, maka terbitlah perkataan-perkataan berikut :

- i. *أحسن* (dia telah melakukan kebaikan).
- ii. *تحسن* (dia telah menjadi baik).
- iii. *حسن* (dia menjadikan sesuatu itu baik, elok dan cantik).
- iv. *أحسن به / ما أحسنه* (alangkah baik, alangkah cantiknya).
- v. *حاسن* (dia menetapkan kelebihan seseorang di dalam kebaikan).
- vi. *أحسن به / أحسنه* (dia memang benar-benar mengerti, mendalam di dalam sesuatu perkara).
- vii. *تحاسن* (dia terpengaruh untuk menjadi baik) dan
- viii. *استحسن* (dia mengharap supaya seseorang itu baik) (Lane 1968, 2 : 570-571).³

Mengikut Muhammad Fuad Abd. al-Baqi (1364H/1945 : 202-203), terdapat di dalam al-Quran kata dasar atau akar kata *حسن* . Kata-kata terbitan kata nama infinitif, seperti *حسن* (ketika baris di hadapan), *حسنا* (berbaris di atas), *حسن* (Berbaris di

³ Ini adalah kata-kata dasar sahaja – untuk mengetahui kata-kata terbitan, harap rujuk bahan yang sama (Lane 1968, 2: 570-571).

bawah), **حسنا** (Berbaris di atas), **حسنة** (Ketika berbaris di hadapan, di bawah atau di atas) sebagai kata sifat tunggal dan **حسانات** (Semasa *Nasab* dan *Rafa'*) sebagai kata sifat majmuk.

Di samping itu, terbit juga perkataan **الحسنى** (kata nama, yang bermaksud: Pahala yang baik, syurga, kebaikan), dan kata nama musanna bagi perkataan tersebut, iaitu **الحسنين** iaitu dua kebaikan (al-Baqi 1364H/1945 : 202-203).

Terdapat juga perkataan-perkataan seperti : **أحسن** (lebih baik), **احسانا** (Dalam bentuk Infinitif, yang bermaksud: perlakuan kebaikan) **محسن** di dalam bentuk patisif aktif tunggal, yang bermaksud: Orang yang melakukan kebajikan **محسون** (patisif aktif majmuk yang bermaksud: Orang-orang yang melakukan kebajikan, tetapi dalam bentuk *rafa'*) dan **محسنين** (dalam bentuk nasab dan jar), juga **محسانات** (patisif aktif majmuk tetapi semasa jar, yang bermaksud: Orang-orang perempuan yang melakukan kebajikan). Perkataan-perkataan tersebut adalah terbitan daripada perkataan **أحسن** yang juga terdapat di dalam al-Quran (dalam bentuk kata kerja kalalalu, bermaksud: berbuat baik, berbuat kebajikan atau memperelokkan) (al-Baqi 1364H/1945 : 202-203).

Contoh daripada ayat-ayat al-Quran:

i. **وَحَسَنَ أَوْلِيكَ رَفِيقًا : حسن**

dan mereka itulah teman yang baik.

(Al-Quran. Al-Nisa' 4 : 69)

ii. **وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثَّوَابِ : حسن**

Dan Allah pada sisinya pahala yang baik.

(Al-Quran. Ali Imran 3 : 195)

iii. **وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حُسْنًا الآية : حسنا**

Dan kami wasiatkan manusia (berbuat) kebaikan kepada kedua ibubapanya.

(Al-Quran. Al-'Ankabut 29 : 8)

iv. حسنا & حسن :

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا بِقَبُولٍ حَسَنٍ وَأَنْبَتَهَا نَبَاتًا حَسَنًا الآية

Maka Tuhannya menerimanya (sebagai nazar) dengan penerimaan yang baik dan mendidiknya dengan pendidikan yang baik.

Al-Quran. Ali Imran 3 : 37)

v. حسنة : لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ الآية

Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu tauladan yang baik bagimu.

(Al-Quran. Al-Ahzab 33 : 31)

vi. حسنات : إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُدْهِنُ السَّيِّئَاتِ

Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu menghapuskan (dosa) perbuatan-perbuatan yang buruk.

(Al-Quran. Hud 11 : 114)

vii. الحسنی : وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَى

Dan kepada kesemua mereka, Allah menjanjikan pahala yang baik (Syurga).

(Al-Quran. Al-Nisa' 4: 95).

viii. الحسنين : قُلْ هَلْ تَرَبَّصُونَ بِنَا إِلاَّ إِحْدَى الْحُسَيْنَيْنِ

Katakanlah " Tidak ada yang kamu tunggu-tunggu bagi kami kecuali salah satu daripada dua kebaikan.

(Al-Quran. Al-Taubah 9 : 52)

ix. أحسن dan محسن :

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ الآية

Dan siapakah yang lebih baik agamanya daripada orang yang ikhlas menyerahkan dirinya kepada Allah ketika dia mengerjakan kebaikan...

(Al-Quran. Al-Nisa' 4 :125)

- x. لا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَيَالِ الْوَالِدِينَ إِحْسَانًا... الآية : احسانا
Janganlah kamu menyembah selain daripada Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibubapa.....

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 83)

- xi. إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ : محسنون
Sesungguhnya Allah beserta orang yang bertakwa dan orang yang berbuat kebaikan.

(Al-Quran. Al-Nahl 16 :128)

- xii. وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ : محسنين
Dan berbuat baiklah! Kerana sesungguhnya Allah menyukai mereka yang berbuat baik.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 195)

- xiii. فَإِنَّ اللَّهَ أَعَدَّ لِلْمُحْسِنَاتِ مِنكُنَّ أَجْرًا عَظِيمًا : المحسنات
Maka sesungguhnya Allah telah menyediakan bagi sesiapa yang berbuat baik di antara kamu (isteri-isteri Rasulullah) pahala yang besar.

(Al-Quran. Al-Ahzab 33: 29)

- xiv. وَأَحْسِن كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ... الآية : أحسن & أحسن
Dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu.

(Al-Quran. Al-Qasas 28 : 77).

Terdapat juga beberapa kata terbitan lain daripada kata dasar حسن yang disebut di dalam al-Quran, tetapi penulis tidak sertakannya di sini, kerana pengertiannya hampir sama kecuali perkataan حسنى setelah dikaitkan dengan perkataan الاسماء

(nama-nama) iaitu الأسماء الحسنی . Yang bermaksud : nama- nama yang sesuai dengan sifat Allah. Firman Allah :

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا...الآية

Allah mempunyai الأسماء الحسنی (Nama-nama yang agung serta sesuai dengan sifat-sifat Allah) maka bermohonlah kepadaNya dengan menyebut الأسماء الحسنی itu.

(Al-Quran. Al-‘A’raf 7 : 180)

Demikianlah di antara perkataan-perkataan yang lahir daripada akar kata حسن , حسن , حسن yang juga menjadi dasar kata kepada perkataan احسانا itu sendiri dan dasar kata kepada المحسن dan المحسنون . Kesemuanya mencerminkan sifat-sifat المحسنون itu juga. المحسنون itu sendiri berkait rapat dengan al-Mukminun dan al-Muslimun yang telah kita bincangkan di dalam fasal pertama dan ke dua daripada bab pertama ini.

B. Dari Aspek Perspektif Islam

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa perkataan al-Muhsinun المحسنون adalah kata nama patisif aktif majmuk bagi al-Muhsin . Untuk mengetahui definisi المحسنون perlulah diketahui pengertian al-Muhsin المحسن itu sendiri, tetapi maksud al-Muhsin المحسن tidak akan dapat difahami dengan jelas kecuali setelah definisi Ihsan إحسان difahami.

i) Ihsan Dari aspek Bahasa :

Ihsan إحسان dari aspek bahasa bermaksud perlakuan kebaikan, perbuatan kebajikan, atau ikhlas atau benar-benar mendalam pengetahuan dalam sesuatu perkara (Lane 1968, 2 : 570). Namun begitu Ihsan biasanya dimengertikan sebagai Perlakuan kebaikan atau kebajikan lawan kepada perkataan isa-ah (إساءة) iaitu perlakuan kejahatan, keburukan atau maksiat (Ibn Mndzur 1388H/ 1967, 2 : 117). Dengan itu Muhsin (محسن) adalah

bermaksud: Orang yang melakukan kebaikan atau kebajikan, orang yang ikhlas atau orang yang benar-benar mengerti di dalam sesuatu perkara.

ii) Ihsan Dari aspek Istilah Syarak

Konsep Ihsan mengikut syarak pula boleh dikaitkan dengan hadith berikut iaitu semasa Jibril bertanya Rasulullah tentang Ihsan, baginda menjawab:

... أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك..

(Ihsan itu adalah) Kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya, jika kamu tidak melihatNya maka sesungguhnya Dia (Allah) melihat kamu.

(al-Nawawi tanpa tarikh,1:157-158)

Keterangan tentang Ihsan ini adalah takwil terhadap firman Allah :

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ الآية

Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan.

(Al-Quran. Al-Nahl, 16 : 90)

dan al-Ihsan الإحسان yang disebut di dalam ayat ini adalah bermaksud: al-Ikhlas الإخلاص di mana ikhlas itu syarat sah kedua-dua iman dan Islam. Justeru itu sesiapa yang melafazkan dengan lidah dan melakukan amalan tetapi tidak ikhlas, maka dia bukanlah Muhsin محسن, walaupun imannya dianggap sah (Ibn Mandzur 1388H/ 1967, 2 : 117).

Ada setengah pendapat mengatakan bahawa yang dikehendaki dengan al-Ihsan الإحسان ialah tanda kepada pemerhatian dan kepatuhan yang baik. Oleh itu sesiapa yang sentiasa patuh dan takut kepada Allah maka lebih baiklah amalannya. Sabda Rasulullah yang disebutkan tadi iaitu:

فإن لم تكن تراه فإنه يراك

Jika kamu tidak melihatNya maka sesungguhnya Dia (Allah) melihat kamu.

dan firman Allah :

هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ

Tidak ada balasan kebaikan kecuali kebaikan (pula)
(Al-Quran. Al-Rahman 55 : 60)

Ini memberi pengertian bahawa sesiapa yang melakukan kebaikan di dunia, dia akan dibalas dengan kebaikan di akhirat (Ibn Mandzur 1388H/ 1967, 2: 117) dan kebaikan di akhirat tidak lain tidak bukan ialah Jannah (Syurga) (al-Damighani, 1970: 131).

Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas (1977 : 62) memberi definisi al-Ihsan الاحسان sebagai “Pencapaian peringkat makam budi pekerti yang luhur sempurna dalam pengabdian diri kepada Tuhan Yang Hak.” Tetapi Muhammad Qutub (1393H/1973 : 84) dalam bukunya قبسات من الرسول lebih senang memberi definisi al-Ihsan الاحسان dengan Sabda Rasulullah : ((أن تعبد الله كأنك تراه)) iaitu “*Kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya*” walau bagaimanapun, beliau kemudiannya menerangkan lebih lanjut tentang maksud al-Ihsan الاحسان. Mengikutnya, sebelum bertanya tentang makna “الاحسان”, soalan yang pertama perlu ditanya ialah tentang Islam kemudian tentang iman, selepas itu baru tentang “الاحسان”.⁴ Ini meletakkan Islam di tingkat pertama, diikuti dengan iman di darjah kedua dan tingkat yang paling tinggi ialah “الإحسان”, yang mana kedudukan Ihsan itu sendiri adalah untuk menjadikan Islam

⁴ Lihat hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Omar daripada ayahandanya Omar bin al- Khattab tentang perbualan Jibril dengan Nabi Muhammad SAW. mengenai pengertian Islam, iman dan ihsan – *Saheh Muslim bisyarah al-Nawawi*, 1 : 157 – 158.

kita baik, begitu juga dengan iman (Qutub, Muhammad 1393H/1973 : 84).

Jadi kaedah atau tapak besar yang menjadikan seluruh binaan Islam itu tegak berdiri ialah “ أن تعبد الله كأنك تراه ”. (*Kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya*). Berdasarkan asas inilah tegak seluruh sistem, perundangannya sistem politik, sistem ekonomi, sistem masyarakat, sikap individu terhadap negara Islam dan sikap negara Islam terhadap individu, sistem keluarga ... malah setiap sesuatu yang mencakupi hidup ini (Qutub, Muhammad 1393H/ 1973 : 85).

Jadi maksud “Ibadat” atau menyembah Allah dalam hadith tadi bukanlah bermaksud bahawa setiap insan perlu memutuskan seluruh perhubungannya dengan penghidupan, menyisihkan diri daripada orang ramai agar dapat menumpukan seluruh jiwa raganya kepada tuhanNya walaupun itu juga merupakan ibadat, tetapi ibadat sebenar adalah keluar dari dunia pengasingan diri, bergerak luas hingga ke segenap lautan kemanusiaan itu sesuai dengan nur (cahaya) Allah yang menerangi seluruh ceruk rantau alam yang dalam masa yang sama menerangi daerah-daerah jiwa. Ini adalah kerana Islam menjadikan ibadat itu amalan dan amalan itu ibadat. Islam mengikatkan diri dan jisim, bumi dan langit, dunia dan akhirat di dalam satu sistem (Qutub, Muhammad 1393H/1973 : 85-86).

أن تعبد الله كأنك تراه

Kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya.

Sesungguhnya Dia (Allah) adalah "dunia" yang maha luas, penuh dengan kasih sayang, taqwa, cita-cita, kegerunan dan penuh dengan cahaya. Semasa manusia menghadapi tuhanNya, tumpuan hendaklah diberikan kepada-Nya dari tiap sudut, menyelami ke daerah-daerah-Nya yang dalam; maka teranglah rahsia-rahsia kalbunya dan menetap di dalamnya. Semasa insan

menghadapi tuhanNya dengan seluruh jiwanya, seluruh anggotanya dan seluruh gerak langkahnya, lahirnya dan batinnya, akan jelas nampak segala rahsia-rahsia-Nya (Allah) dengan sejelas-jelasnya. “فإن لم تكن تراه فإنه يراك” *Sekiranya kamu tidak melihatNya, maka dia (Allah) akan melihatmu, melihatmu sama ada kamu menyediakan dirimu untuk penglihatan atau pemerhatian ini atau kamu menentangNya* (Qutub, Muhammad 1393H/1973 : 86-87).

Mengikut al-Imam al-Nawawi (1966: 23)⁵ Ihsan yang disebutkan di dalam hadith ini ialah: Kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, sekiranya kamu tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Dia melihatmu.

Menyembah Allah bermaksud mengabdikan diri kepada-Nya dengan melakukan ibadat menurut cara yang sebaik-baiknya zahir dan batin. Ibadat yang dilaksanakan menurut hakikat Ihsan hanya tertumpu kepada Allah, tidak kepada yang lain atau kerana orang lain. Itulah yang dikatakan *makam musyahadah* (مقام مشاهدة) iaitu mempersaksi tuhan dari dekat dalam ibadat. Ibadat seperti ini menyebabkan seseorang itu merasa lebih bertanggungjawab terhadap ibadatnya, dilakukan dengan penuh kejujuran sama ada di khalayak ramai atau seorang diri; kerana dalam keyakinannya bahawa segala apa yang dikerjakannya dilihat oleh Tuhan. Sebab itu dia merasa amat malu kalau ibadatnya atau amalannya sekadar hanya melepaskan tanggungjawab di dunia (al-Imam al-Nawawi, 1966 : 33-34).

Ihsan perlu beribadat kerana ia meningkatkan taraf insan kepada *makam Musyahadah* (مقام مشاهدة); dan dari makam ini meningkatkan lagi kepada *makam Siddiqin* (مقام صديقين) iaitu kepada darjah mereka yang benar lagi jujur kepada Tuhan *Rab al-'Alamin* (al-Syarqawi, 1374H/1955 , 1 : 78).

⁵ Abu Zakaria Yahya bin Syaraf bin al- Nawawi, *Matan al- Arba'in al- Nawawiyah*, terjemahan Musthofa Abdul Rahman, 1966 : 23.

Merujuk kepada definisi Ihsan yang disebutkan dalam hadith di atas, al-Syarqawi (1374H/1955,1: 78), memberi pengertiannya: beribadat sepenuh hati yakni ikhlas, penuh khusyuk dan khuduk, bersih jiwa ketika beribadat dan menumpu sepenuh perhatian kepada yang disembah sehingga dirinya dapat dikuasai untuk mencapai *Musyadah al-Haq* (مشاهدة الحق) iaitu penyaksian terhadap Allah dengan sanubarinya sehingga seakan-akan melihat yang Hak (Allah) itu dengan matanya.

Dengan itu jelaslah bahawa al-Muhsin المحسن mengikut perspektif Islam dapat digariskan sebagai “Orang yang melakukan ibadat kepada Allah atau menyembah-Nya seakan-akan melihat Allah”; **atau** “orang yang telah mencapai peringkat makam budi pekerti yang luhur sempurna dalam pengabdian diri kepada Tuhan Yang Hak” **atau** “Orang yang melakukan ibadat dengan hati tulus ikhlas, khusyuk tawaduk dengan menumpukan sepenuh pemerhatian kepada yang disembah (Allah) sehingga dirinya mencapai *Msuyadah al-Haq* (مشاهدة الحق) melalui sanubarinya sehingga seakan-akan dia melihat Yang Hak (Allah) dengan matanya.

Jadi, mengikut pandangan Islam bahawa setiap orang muhsin adalah mukmin dan setiap mukmin adalah muslim; tetapi tidak setiap muslim itu mukmin, dan tidak setiap mukmin itu muhsin (Ibn Taimiyah 1392H/1972 : 6). Justeru itu Islam serta Nabinya sentiasa menggalakkan orang Islam supaya jangan berpada dengan martabat-martabat Islam dan janganlah berpuas hati dengan martabat-martabat Iman, tetapi hendaklah berusaha untuk sampai ke martabat Ihsan (yang terangkum di dalamnya Islam dan Iman); dan usaha-usaha itu perlulah berterusan (Qutub Muhammad, 1393H/1973 : 99), kerana Allah mengasihani orang-orang yang Ihsan (al-Muhsinin).

Firman-Nya :

..... وَأَخْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 195)

..... وَيَجْزِي الَّذِينَ أَحْسَنُوا بِالْحُسْنَى

Dan Dia (Allah) memberi balasan kepada orang-orang baik dengan pahala yang lebih baik (Syurga).

(Al-Quran. Al-Najm 53 : 31)

Apabila disebut syurga (Jannah) maka al-Ihsan atau al-Husna memberi pengertian yang sama (Jannah). Firman Allah :

هَلْ جَزَاءَ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ

Tidak ada balasan kebaikan kecuali kebaikan (syurga = jannah).

(Al-Quran. Al-Rahman 55 : 60).

Dan firman-Nya :

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَى وَاتَّقَى وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَى فَسَنِّي سِرَّهُ لِلْيُسْرَى

Adapun orang-orang yang memberikan hartanya ke Jalan Allah) dan bertakwa dan membenarkan adanya pahala yang baik (syurga), maka kelak Kami akan menyiapkan baginya jalan yang mudah.

(Al-Quran. Al-Lail 92 : 6-7).

Konsep Ihsan dengan ibadat adalah konsep yang berkaitan, iaitu; ibadat itu adalah amalan dan amalan itu adalah ibadat, (al-Syarqawi, 1374H/1955,1 :78). Justeru itu bidang amalan untuk menjadi seorang “Muhsin“ adalah amat luas. Seseorang itu perlu terus menerus melakukan kebajikan.

Firman-Nya:

..... وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang yang melakukan kebajikan .

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 195).

Mereka yang melakukan kebajikan adalah juga diertikan sebagai al- Muhsinun; Di antara perkara-perkara kebaikan ialah:

i) Berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Firman Allah :

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا الآية

Dan tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia (Allah) dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa kamu sebaik-baiknya.

(Al-Quran. Al-Isra' 17 : 23).

ii) Menggauli isteri dengan baik. Firman Allah :

.... وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Dan sekiranya kamu menggauli isterimu dengan baik dan memelihara dirimu maka sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(Al-Quran. Al-Nisa' 4 : 128).

iii) Berbuat baik kepada orang ramai, seperti mana Allah telah berbuat baik kepada Muhsin itu sendiri. Firman Allah:

وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ... الآية

Dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sepertimana Allah berbuat baik kepadamu

(Al-Quran. Al-Qasas 28 : 77).

Justeru itu orang Islam perlu menjawab salam dengan jawapan yang lebih baik. Firman Allah :

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَى
كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا

Apabila kamu diberi tahiyah (ucap selamat) yakni salam, maka balaslah salam itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah salam itu (dengan yang serupa). Sesungguhnya Allah selalu membuat perhitungan atas tiap sesuatu.

(Al-Quran. Al-Nisa' 4 : 86)

Di samping melakukan kebajikan, berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan berbuat baik kepada manusia, setiap orang Muhsin adalah berusaha mencari rezeki yang halal agar sebahagian daripada rezeki tersebut disumbang kearah kebajikan dengan membelanjakannya kearah itu secara sembunyi-sembunyi atau terang-terangan. Firman Allah :

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا عَبْدًا مَمْلُوكًا لَا يَقْدِرُ عَلَى شَيْءٍ وَمَنْ رَزَقْنَاهُ مِنْ
رِزْقًا حَسَنًا فَهُوَ يُنْفِقُ مِنْهُ سِرًّا وَجَهْرًا هَلْ يَسْتَوُونَ ... الآية

Allah membuat perumpamaan dengan seorang hamba sahaya yang dimiliki yang tidak dapat mampu bertindak terhadap sesuatu pun dan seorang yang kami beri rezeki yang baik dari kami, lalu dia menafkahkan sebahagian dari rezeki itu secara sembunyi atau secara terang-terangan, adakah mereka itu sama?...⁶

(Al-Quran. Al-Nahl 16 : 75)

Jadi, adalah sesuatu yang indah apabila dia membelanjakan sebahagian daripada hartanya ke arah kebajikan, di samping tugasnya yang sedia ada iaitu menyerahkan wajahnya (seluruh

⁶ Maksud perumpamaan ini ialah untuk membantah orang Musyrikin yang menyamakan tuhan yang memberi rezeki dengan berhala-berhala yang tidak ada apa-apa kuasa.

dirinya) kepada Allah dengan mentaati-Nya dan mentaati Rasul-Nya. Apakah akan terjadi kepada orang yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya? Firman Allah :

وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا

Dan sesiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, mereka itu akan bersama dengan orang-orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah iaitu: Nabi-Nabi, Siddiqiin, Syuhada' dan orang-orang yang soleh. Dan mereka itulah sebaik-baik teman.

(Al-Quran. Al-Nisa, 4 : 69)

Seorang Muhsin akan mendapat pahala yang baik dan akan dibalas dengan الحسنى (al-Husna) iaitu syurga malah lebih daripada itu sebagai tambahan, iaitu kenikmatan melihat wajah Allah yang Maha Mulia (al-Damighani 1970: 131). Amati firman Allah yang berikut :

لَّذِينَ أَحْسَنُوا الْحُسْنَىٰ وَزِيَادَةٌ وَلَا يَرْهَقُ وُجُوهَهُمْ قَتَرٌ وَلَا ذِلَّةٌ أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Bagi orang-orang yang berbuat baik, ada pahala yang terbaik (syurga) dan tambahannya (kenikmatan melihat Allah; dan muka mereka tidak ditutupi debu hitam, dan tiada (pula) kehinaan. Mereka itulah penghuni syurga, mereka kekal di dalamnya.

(Al-Quran. Yunus 10 : 28)

Namun begitu dia tidak mungkin mencapai taraf Muhsin selama mana dia tidak menjadi seorang Mukmin, dan tidak akan mencapai taraf Mukmin selama mana dia tidak merupakan seorang Muslim sejati.

AL-MUTTAQUN

A. Dari aspek Etimologi.

Al-Muttaqun المتقون adalah kata Patisif Aktif Majmuk bagi perkataan al-muttaqi المتقي (Orang yang bertakwa, orang yang terpelihara, orang yang takut), (Abadi 1306H 4 : 401) yang berasal daripada kata dasar Ittaqa إتقى (dalam bentuk Kata Kerja Kala Lalu) atau Ittiqa' إتقاء (dalam bentuk Kata Nama Infinitif / *masdar*), yang mana perkataan al-Muttaqun المتقون (dalam bentuk *Rafa'* / Nominatif) dan al-Muttaqin المتقين (dalam bentuk *Nasab* / Akusatif dan *Jarr* / Genetif) adalah Kata Patisif Aktif Majmuk bagi orang-orang lelaki yang bertakwa, manakala perkataan al-Muttaqi المتقي adalah kata Patisif Aktif Tunggal untuk seorang lelaki yang bertakwa, dan al-Muttaqiyani المتقيان (dalam bentuk *Rafa'* atau al-Muttaqiyaini المتقيين (dalam bentuk *Nasab* dan *Jarr*) adalah kata Patisif Aktif Duaan,⁷ yang bermaksud: dua orang lelaki yang bertakwa.

Perkataan al-Muttaqun المتقون akan berubah menjadi al-Muttaqiyatu المتقيات (dalam bentuk *Rafa'*) dan al-Muttaqiyati المتقيات (dalam bentuk *Nasab* dan *Jarr*) apabila menjadi kata Patisif Aktif Majmuk yang bermaksud orang-orang perempuan yang bertakwa, manakala kata Patisif Aktif Duaan (*Muthanna*) untuk dua orang perempuan yang bertakwa ialah al-Muttaqiyatani المتقيتان (semasa *Rafa'*) dan al-Muttaqiyataini المتقيتين (semasa *Nasab* dan *Jarr*), dan dalam bentuk tunggalnya (*mufrad*) disebut al-Muttaqiyah المتقية (berbaris di hadapan / *rafa'*), al-Muttaqiyata المتقية (berbaris di atas / *nasab*) dan al-Muttaqiyati المتقية (berbaris di bawah / *jarr*) bermaksud seorang wanita yang bertakwa.

⁷ Pengertian *al-Muthanna* (duaan) telah dijelaskan sebelum ini, lihat halaman 33.

Daripada perkataan-perkataan tersebut (tidak termasuk perkataan Ittaqa إتقى dan ittiqa إتياء), beberapa perkataan sahaja yang disebutkan di dalam al-Quran iaitu al-Muttaqun المتقون (dalam bentuk *Rafa'*) sebanyak enam kali; al- Muttaqin المتقين (dalam bentuk *Nasab*) sebanyak lima belas kali dan al -Muttaqin المتقين (dalam bentuk *Jarr*) sebanyak dua puluh lapan kali (Abd al-Baqi 1364H/1945 : 721).

Di antaranya ialah :

- i. Al-Muttaqun المتقون (dalam bentuk *Rafa'*). Firman Allah:

أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ

Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya) dan mereka itulah orang-orang yang bertakwa.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 177)

- ii. Al-Muttaqin المتقين (dalam bentuk *Nasab*). Firman Allah:

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ

Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa itu berada di dalam syurga (di dekat) mata-mata air (yang mengalir) di dalamnya.

(Al-Quran. Al-Hijr 15 : 45).

- iii. Al-Muttaqin المتقين (dalam bentuk *Jar*).

Firman Allah :

وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ

“Dan ketahuilah bahawasanya Allah berserta orang-orang yang bertakwa”.

(Al-Quran. Al-Taubah 9 : 36)

Berbalik kepada dasar kata bagi perkataan al-Muttaqun المتقون Kata Patisif Aktif Tunggal baginya ialah al-Muttaqi المتقي yang

bermaksud: “Orang yang bertakwa, orang yang takut atau orang yang terpelihara”. Sedangkan kedua-duanya (المتقى dan المتقون) adalah kata terbitan daripada akar kata Ittaqa إتقى iaitu Kata Kerja Kala Lampau yang membawa pengertian: Dia telah bertakwa, dia telah terpelihara, dia telah mangawal, ia telah menjaga (Lane 1968 : 3059), atau kata terbitan daripada dasar kata Ittiqa’ اتقاء dalam bentuk Kata Nama Infinitif, yang membawa pengertian: Ketakwaan, pemeliharaan, pengawalan dan penjagaan). Kata nama bagi Ittaqa اتقى ialah al-Taqwa التقوى asalnya ialah taqya تقيا atau waqwa وقوى, tetapi ditukar kepada sebutan al-taqwa التقوى untuk membezakan di antara kata nama dan kata sifat (al-Bustani, 1930, 2 : 2280).

Ittaqa اتقى pula asalnya ialah iwtaqa اوتقى kemudian dimasukkan waw (و) ke dalam Ta (ت) dan ditasydidkan sehingga berbunyi “اتقى” (dia telah menjadi orang yang bertakwa). Perkataan ini adalah kata terbitan dari akar kata “وقى” (Kata Kerja Kala Lalu yang bermaksud: dia telah menjaga, memelihara atau telah memperbaiki) atau wiqayah وقاية (Kata Nama Infinitif yang bermaksud: Penjagaan, pemeliharaan dan pembaikan (Ibn. Mandzur 1388H/1968 : 15 : 403); sedangkan Kata Patisif Aktif Tunggal baginya ialah al-waqi الواقي di mana kata majmuknya ialah al-Warqa’ الوقاء (untuk lelaki) dan kata Patisif Aktif Tunggal (untuk wanita) ialah al-Waqiah الواقية dan kata majmuknya ialah al-Waqiyat الواقيات atau Awaq أواق (al-Bustani 1930, 2 : 2743-2744).

Dari akar kata waqa وقى lahirlah perkataan waqqa وقى (Kata Kerja Kala Lampau yang bermaksud: Memeliharakannya atau menjaganya), seperti sebutan وقاه الله السوء (Allah telah memeliharakannya daripada kejahatan), atau perkataan tawaqqa وقى : Berjaga-jaga atau berhati-hati, atau perkataan ittaqa اتقى : dia telah bertakwa atau dia telah terpelihara atau menjaga (Lane 1968, 8 : 3059). Perkataan-perkataan yang telah kita bincangkan sebelum ini seperti al-taqwa التقوى al-muttaqi المتقى al-muttaqun المتقون dan lain-lain.

Di dalam al-Quran al-Karim terdapat kata dasar waqa وقى dan beberapa kata terbitan seperti waqi واق (Kata Nama Patisif Aktif yang bermaksud : Pelindung). Terdapat juga akar kata ittaqa اتقى kata imbuhan daripada waqa وقى. Daripada perkataan ittaqa اتقى terdapat kata imbuhan seperti ittaqau اتقوا (Kata Kerja Kala Lalu Majmuk), tattaqun تتقون (dalam bentuk Kata Kerja Kala Kini Majmuk) atau yattaqun يتقون juga yattaqi يتقى, dan kata nama al-taqwa التقوى, Kata Patisif Aktif seperti al-Muttaqun المتقون (Dalam bentuk Rafa' رفع), al-muttaqin المتقين (dalam bentuk Nasab dan Jar), dan lain-lain (Abd al-Baqi 1364H/1945 : 758-761).

Contoh daripada ayat-ayat al-Quran:

- i. وقى (Waqqa) Firman Allah :

لا يذوقون فِيهَا الْمَوْتَ إِلَّا الْمَوْتَةَ الْأُولَىٰ وَوَقَاهُمْ عَذَابَ الْجَحِيمِ
Mereka tidak akan merasakan mati di dalamnya kecuali mati di dunia. Dan Allah memelihara mereka daripada azab neraka.

(Al-Quran. Al-Dukhan 44 :56).

- ii. واق (Waqi). Firman Allah :

... مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِن وَّلِيٍّ وَلَا وَاقٍ
...Maka sekali-kali tidak ada pelindung dan pemelihara bagimu terhadap (siksa) Allah.

(Al-Quran. Al-Ra'd, 13 :37)

- iii. اتقى (Ittaqa). Firman Allah :

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَاتَّقَىٰ وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَىٰ فَسَنِيْرُهُ لِلسَّرَىٰ
Adapun orang yang memberikan (hartanya di jalan Allah) dan bertakwa, dan mengaku benar adanya

pahala yang terbaik (syurga) maka Kami kelak akan menyiapkan kepadanya jalan yang mudah.

(Al-Quran. Al-Lail, 92 : 6-7)

iv. اتقوا (Ittaqau). Firman Allah :

..... ثُمَّ اتَّقُوا وَأَحْسِنُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

..... kemudian mereka (tetap juga) **bertakwa** dan berbuat kebajikan, dan Allah menyukai orang yang berbuat kebajikan.

(Al-Quran. Al-Maidah 5 : 93)

v. تتقون (Tattaqun). Firman Allah :

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

...diwajibkan ke atasmu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu agar kamu semua **bertakwa**.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 :183)

vi. يتقون (Yattaqun). Firman Allah :

وَأَنْجَيْنَا الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ

Dan Kami telah selamatkan mereka yang beriman, dan mereka itu (sentiasa) **bertakwa**.

(Al-Quran. Al-Naml 27 : 53)

vii. يتقى (Yattaqi). Firman Allah :

أَفَمَنْ يَتَّقِي بِوَجْهِهِ سُوءَ الْعَذَابِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maka apakah orang **yang menoleh** dengan mukanya menghindari azab yang buruk pada hari kiamat (sama dengan orang mukmin yang tidak kena azab)..

(Al-Quran. Al-Zumar, 39 : 24)

viii. التقوى (at-taqwa)

أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ عَلَى الْهُدَىٰ أَوْ أَمَرَ بِالْتَّقْوَىٰ

Bagaimana pandanganmu jikalau orang (yang melarang) itu berada di atas kebenaran. Atau dia menyuruh bertaqwa (kepada Allah) ?

(Al-Quran. Al-‘Alaq 96 : 11-12)

Demikianlah di antara perkataan-perkataan yang lahir dari akar kata waqa وقى dan kata dasar Ittaqa اتقى .

B. Dari aspek perspektif Islam

Adalah jelas bahawa perkataan al-Muttaqun المتقون ialah Kata Patisif Aktif Jama' bagi المتقي , sedangkan المتقي (Kata Patisif Aktif Tunggal) adalah berasal daripada akar kata اتقى (Kata Kerja Kala Lampau) atau berasal daripada kata dasar اتقاء (Kata Nama Infinitif), dan kata nama bagi اتقاء ialah التقوى . Justeru itu dalam memberi definisi al-Muttaqun المتقون perlulah diketahui pengertian المتقي, tetapi المتقي tidak akan dapat difahami kecuali setelah difahami maksud atau definisi al-Takwa التقوى itu sendiri.

Definisi al-Takwa

i. Dari aspek bahasa

Perkataan al-Takwa التقوى dari segi bahasa (lughah) adalah bermaksud : جعل النفس في وقاية مما يُخاف : Menjaga diri daripada apa yang ditakuti (al-Tahanawi 1966 : 1527), tetapi ada pendapat mengatakan bahawa asal al-Takwa di dalam bahasa ialah : قلة الكلام : sedikit bercakap (al-Bustani 1930 : 2 : 2280). Sabda Rasulullah SAW. :

التقى ملجم و المتقى فوق المؤمن والطائع

Orang yang bertakwa itu ada dikekang mulutnya, dan Muttaqi adalah di atas (lebih tinggi daripada) orang mukmin dan orang taat.

(al-Qurtubi 1387H/1967, 1: 161)

ii. Dari aspek Istilah Syarak

Mengikut al-Tahanawi (1966 : 1527), al-Taqwa mengikut syarak ialah : امتثال الاوامر واجتناب النواهي (Patuh melakukan segala perintah dan suruhan-Nya, dan menjauhkan diri daripada segala larangan-Nya), atau حفظ النفس عن الآثام وما ينجر اليها (Menjaga diri dari segala dosa dan apa-apa yang membawa kepada dosa- dosa tersebut).

Walau bagaimanapun, ada beberapa definisi lain bagi al-Taqwa التقوى, di antaranya ialah :

- i. Al-Taqwa التقوى mengikut ahl al-Haqiqah ialah

الاحتراز بطاعة الله عن عقوبته وهو صيانة النفس عما تستحق به العقوبة من فعل أو ترك

Menjaga diri dengan patuh kepada Allah kerana takut siksaanNya, iaitu dengan memelihara diri daripada apa yang sepatutnya mendapat balasan siksa kerana melakukan larangan atau meninggalkan suruhan)

(al-Bustani 1869, 2 : 2280)

- ii. Mengikut setengah pendapat lain bahawa al-Taqwa التقوى itu adalah :

الاقتداء بالنبي صلى الله عليه وسلم قولاً أو فعلاً
iaitu Mengikut cara hidup Rasulullah SAW dalam pertuturan atau perbuatan)

(al-Bustani 1869, 2 : 2280)

iii. Al-Taqwa التَّقْوَى mengikut pendapat ahli Sufi ialah :

التبرى مما سوى الله بالمعنى المعروف المقرر عندهم
*Melepaskan diri dari apa yang selain daripada Allah
mengikut pengertian yang dikenali dan ditentukan di
kalangan mereka.*

(al-Tahanawi 1966, 6 : 1527)

iv. al-Taftazani pula memberi definisi al-Takwa التَّقْوَى sebagai :

الاحتراز عما يذم به شرعا والمروة عرفا
*iaitu menjaga diri daripada melakukan apa yang
dikeji oleh syarak dan 'uruf)*

(al-Tahanawi 1966, 6 : 1527)

v. Ahl Al-Suluki pula berpendapat bahawa al-Takwa التَّقْوَى adalah :

أن لا ترى فى قلبك شيئا سواه
*(Bahawa kamu tidak melihat sesuatu di dalam
kalbumu yang lain daripadaNya).*

Demikian juga pendapat al-Imam Jaafar al-Sadiq.

(al-Tahanawi 1966, 6 : 1527)

vi. Mengikut setengah pendapat bahawa al-Taqwa التَّقْوَى adalah :

هو أن تزين سريرتك للحق كما تزين علانيتك للخلق
*(Iaitu kamu menghiaskan batinmu dengan kebenaran
seperti mana kamu menghias zahirmu dengan
perangai yang baik).*

Ada pula pendapat yang mengatakan bahawa al-Taqwa التَّقْوَى adalah : ترك ما دون الله (*Meninggalkan apa yang lain daripada Allah*). Tetapi ada pendapat

lain mengatakan bahawa al-Taqwa التَّقْوَى ialah ترك ما فيه إساءة : *perbuatan meninggalkan apa yang terdapat di dalamnya kejahatan.*

(al-Tahanawi 1966, 6 :1527).

Semasa mentafsirkan firman Allah : لعلمك تتقون (Al-Quran. al-Baqarah 2 : 21) Abu Jaafar berkata bahawa ayat itu bermaksud *Semoga kamu bertakwa* dengan melakukan ibadat terhadap tuhan yang menciptamu, mematuhi-Nya dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, dan menumpukan ibadatmu kepada-Nya semata-mata agar kamu terpelihara daripada kemarahan dan kemurkaan-Nya, dan kamu menjadi di antara orang-orang yang bertakwa yang mendapat keredhaan-Nya (al-Tabari, 1: 364).

Mengikut al-Hussein bin Muhammad al-Damighani (1970: 494), al-Taqwa التَّقْوَى di dalam al-Quran bermaksud الخشية (takut), العبادَة (Ibadah / menyembah Allah); ترك العصيان (Meninggalkan maksiat / penderhakaan), atau bermakna التوحيد / al-Tahuhid (Pentauhidan atau mentauhidkan Allah) atau الإخلاص / al-Ikhlās (Tulus ikhlās).

Contoh ayat-ayat al-Quran yang membawa maksud di atas :

i. al-Taqwa bermakna الخشية (takut); Firman Allah :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ

Wahai sekalian manusia, bertaqwalah (takutilah) kepada tuhanmu yang telah mencipta kamu daripada diri yang satu...

(Al-Quran. Al-Nisa' 4 : 1)

Dan firman-Nya :

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ نُوحٌ أَلَا تَتَّقُونَ

*Ketika saudara mereka Nuh berkata kepada mereka:
Mengapa kamu tidak bertaqwa (takut)?*

(Al-Quran. Al-Syuara' 26:106)

- ii. al-Takwa bermakna العبادَة (Ibadah);

Firman Allah:

.... أَنْ أَنْذِرُوا أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاتَّقُونِ

*Peringatkanlah olehmu sekalian, tidak ada tuhan
melainkan Aku, maka hendaklah kamu bertaqwa
(beribadah) kepada-Ku*

(Al-Quran. Al-Nahl 16 : 2)

- iii. al-Taqwa bermaksud ترك العصيان (Meninggalkan maksiat
& penderhakaan).

Firman Allah :

.... وَأَتُوا الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَأَتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

*(Dan masuklah ke dalam rumah-rumah itu melalui
pintu-pintunya, dan bertaqwalah (janganlah kamu
melakukan penderhakaan) kepada Allah, agar kamu
beroleh kebajikan.*

(Al- Quran. Al-Baqarah 2 : 189)

- iv. Al-Taqwa bermakna التوحيد (Tauhid) atau الإخلاص (Ikhlas).

Firman Allah :

.... وَأَتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ الْآيَةَ

*Dan bertaqwalah kepada Allah (tauhidkanlah Allah)
yang dengan namaNya, kamu saling meminta satu
sama lain, dan (peliharalah) hubungan
silaturrahim.....*

(Al-Quran. Al-Nisa' 4 : 1)

Dan firman-Nya :

إِنَّ الَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصْوَاتَهُمْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ لِلتَّقْوَىٰ ... الآية

Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya di sisi Rasulullah, mereka itulah orang yang telah diuji hati mereka oleh Allah untuk bertakwa (ikhlas).

(Al-Quran. Al-Hujurat 49 : 3)

Sekiranya kita amati definisi-definisi *التقوى al-Takwa* tadi, maka mengikut perspektif Islam bahawa *المتقي* (Orang yang bertaqwa) adalah seorang yang patuh melakukan segala perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya. Sekiranya dilakukan boleh membawa kepada dosa-dosa yang berhak disiksa. *المتقي* : seorang yang menumpu seluruh hidup dan matinya kepada Allah semata-mata, agar mendapat keredhaan-Nya, dan mengikut cara hidup Rasulullah SAW, sama ada di dalam pertuturan atau perbuatan.

Mengikut Abu Yazid al-Bustami : *المتقي* adalah orang yang apabila bercakap maka dia akan bercakap kerana Allah, dan apabila beramal atau bekerja, maka ia adalah beramal atau bekerja kerana Allah (al-Qurtubi 1387H/1967, 1 : 161).

Abu Sulaiman al-Darrani berkata bahawa *al-Muttaqun* adalah orang-orang yang tuhan cabutkan dari hati-hati mereka, naluri keinginan (*Hubb al-Syahawat*) (al-Qurtubi 1387H/1967, 1 : 161).

Jelas sekali bahawa *al-Taqwa* adalah pendinding yang menghalangkan *Muttaqun المتقون* (orang-orang yang bertakwa) daripada terkena seksaan Ilahi; seksaan dunia dan akhirat (al-Maraghi 1974, 1 : 40).

Perkataan المتقين (al-Muttaqin) di dalam firman-Nya :

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Kitab (al-Quran) ini, tidak ada keraguan padanya, petunjuk bagi mereka yang bertakwa.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 2)

adalah bermaksud : Mereka yang mempunyai jiwa-jiwa yang tinggi, yang terkena sentuhan hidayah dan siap sedia untuk mendapatkan cahaya yang hak, dan berusaha dalam mencapai keredhaan Allah mengikut kadar yang boleh dicapai oleh akal fikiran mereka dan sampai kepadanya oleh ijhtihad mereka (al-Maraghi 1974, 1 : 41).

Walau apapun pengertian kita terhadap perkataan *التقوى al-Taqwa* itu sendiri atau المتقي atau المتقون adalah tidak siapa dapat menafikan bahawa manusia yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa.

Firman Allah :

إِنَّ أَوْفَرَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ اتِّقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

(Al-Quran. Al-Hujurat, 49 : 13)

INSAN TERPESONG DARI FITRAH

Pendahuluan

Setelah penulis membicarakan tentang al-Mukminun, al-Muslimun, al-Muhsinun dan al-Muttaqun dari aspek etimologi dan perspektif Islam; maka dalam bab kedua ini “Insan Terpesong Dari Fitrah”, fokus pembicaraan tertumpu kepada al-Kafirun, al-Musyrikun dan al-Munafiqun. Tumpuan perbincangan terhad kepada terma-terma tersebut dari aspek etimologi dan perspektif Islam. Selepas pendahuluan ringkasan ini, penulis menumpukan tulisannya dalam fasal kedua tentang al-Kafirun dari aspek etimologi dan perspektif Islam; diikuti dengan al-Musyrikun dari aspek etimologi dan perspektif Islam dalam fasal ketiga; kemudian akhir sekali tentang al-Munafiqun dari aspek etimologi dan perspektif Islam dalam fasal ketiga.

AL-KAFIRUN

A. Dari aspek Etimologi.

Perkataan al-Kafirun الكافرون adalah kata Patisif Aktif (جمع مذكر / The Sound Masculine Plural) bagi perkataan al-Kafir الكافر (orang yang tidak beriman, orang kafir atau orang yang kufur dengan nikmat Allah)¹. Ia berasal dari akar kata Kufrun كفر atau

¹ Dan beberapa pengertian lain. Ini akan saya jelaskan kemudian. Lihat halaman 118 – 120.

Kufran **كفرا** (dalam bentuk *Masdar* atau Infinitif, yang bermaksud : Kufur atau kekufuran), atau kata terbitan daripada Kafara **كفر** (dalam bentuk Kata Kerja Kala Lalu, yang bermaksud : Dia telah kufur atau telah menjadi kafir).

Perkataan al-Kafirun **الكافرون** (dalam bentuk *Rafa'*/ Naminatif) dan al-Kafirين **الكافرين** (dalam bentuk *Nasab*/ Akusatif, dan *Jarr* / Genetif) adalah kata Patisif Aktif Majmuk yang bermaksud: orang-orang lelaki yang kufur atau orang-orang lelaki kafir. Kadang-kadang juga disebut al-kuffaru **الكفار** (semasa berbaris di hadapan), al-kuffara **الكفار** (semasa berbaris di atas) dan al-kuffari **الكفار** (semasa berbaris di bawah). Ada juga disebut al-kafaratu **الكفرة** (semasa berbaris di hadapan), al-kafarata **الكفرة** (berbaris di atas) dan al-kafarati **الكفرة** (berbaris di bawah); semuanya bermaksud: Orang-orang lelaki kafir / yang kufur.

Kata Patisif Aktif Tunggal bagi al-Kafirun **الكافرون** adalah al-Kafir **الكافر** (tidak kira sama ada berbaris di atas, di bawah atau di hadapan) yang dikhaskan dengan pengertian seorang lelaki yang kufur; dan al-Kafirani **الكافران** (dalam bentuk *Rafa'*) atau **الكافرين** (dalam bentuk *Nasab/Jarr*) adalah kata Patisif Aktif Duaan **مثنى** yang dikhaskan untuk dua orang lelaki Kafir atau dua orang lelaki yang kufur.

Di samping itu, ia akan menjadi al-kafiratu **الكافرات** (dalam bentuk *Rafa'*) dan al-kafirati **الكافرات** (dalam bentuk *Nasab* dan *Jar*) atau juga disebut al-kawafiru **الكوافر** berbentuk *Jama' Taksir* (semasa berbaris di hadapan), al-kawafira **الكوافر** (berbaris di atas) dan al-kawafiri **الكوافر** (berbaris di bawah) apabila berbentuk kata Patisif Aktif Majmuk; yang membawa pengertian: orang-orang perempuan yang kufur atau wanita-wanita kafir (al-Bustani 1869, 2 : 1863) sedangkan kata Patisif Aktif *Muthanna* untuk dua orang perempuan yang kufur ialah al-kafiratan **الكافراتان** (sewaktu *Rafa'*) al-kafirataini **الكافرتين** (sewaktu *Nasab* dan *Jarr*), dan Patisif Aktif Tunggal untuknya ialah al-kafiratu **الكافرة** (sewaktu

berbaris di hadapan), al-kafirata الْكَافِرَةَ (sewaktu berbaris di atas) dan al-kafirati الْكَافِرَةَ (sewaktu berbaris di bawah) iaitu seorang wanita kafir atau yang kufur.

Daripada perkataan tersebut (tidak termasuk perkataan كُفْر dan كُفْرَان (كُفْرَان) terdapat dalam al-Quran perkataan-perkataan الْكَافِرُ (berbaris di hadapan) sebanyak 4 kali, الْكَافِرِ (berbaris di bawah) sekali sahaja, الْكَافِرُونَ (semasa Raza') sebanyak 36 kali, الْكَافِرِينَ (semasa Nasab) sebanyak 31 kali, الْكَافِرِينَ (dalam bentuk Jar) sebanyak 67 kali, الْكَافِرَةُ (berbaris di hadapan) sekali sahaja dan al-Kawafir (berbaris di bawah) juga sekali sahaja. Begitu juga dengan perkataan al-Kafarah (berbaris di hadapan) sekali sahaja, الْكُفْرَانِ (berbaris di hadapan) sebanyak 8 kali, الْكُفْرَانِ (berbaris di atas) juga 7 kali, الْكُفْرَانِ (berbaris di bawah) lima kali, dan كُفْرَانًا (berbaris dua di atas) sekali (Abd al-Baqi, 1364H/1945: 610-612).

Contoh dari ayat-ayat al-Quran :

- i. الْكَافِرِ (berbaris di hadapan)

وَيَقُولُ الْكَافِرُ يَا لَيْتَنِي كُنْتُ تُرَابًا

Dan orang Kafir berkata : " Alangkah baik sekiranya aku dahulu menjadi tanah " .

(Al-Quran, Al-Naba' 78 : 40)

- ii. الْكَافِرِ (berbaris di bawah)

وَأْمِنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أَوَّلَ كَافِرٍ بِهِ

Dan berimanlah kamu kepada apa yang telah Aku turunkan (Al-Quran) yang membenarkan apa yang ada pada kamu (Al-Taurat) dan janganlah kamu menjadi orang pertama, yang kafir kepadanya...

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 41)

iii. الكافرون (semasa *Rafa'*)

.... وَمَا يَخُذُ بآيَاتِنَا إِلَّا الْكَافِرُونَ

Dan tidak ada yang mengingkari ayat-ayat Kami selain orang-orang kafir.

(Al-Quran. Al-'Ankabut, 29 : 47)

iv. الكافرين (semasa *Nasab*)

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ الآية

Janganlah orang mukmin mengambil orang kafir menjadi wali dengan meninggalkan orang-orang mukmin....

(Al-Quran. Ali Imran 3 : 28)

v. الكافرين (semasa *Jarr*)

وَأَتَّقُوا النَّارَ الَّتِي أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ

Dan peliharalah dirimu daripada api neraka yang disediakan untuk orang-orang kafir.

(Al-Quran. Ali Imran 3 : 131)

vi. الكافرة (berbaris di hadapan)

قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِئَتَيْنِ الْتَقَتَا فِئَةٌ تُقَاتِلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُخْرَى كَافِرَةٌ

.... الآية²

Sesungguhnya telah ada tanda bagi kamu dua golongan yang telah bertemu (bertempur), segolongan berperang pada jalan Allah dan (segolongan) yang lain, kafir.

(Al-Quran. Ali Imran 3 : 13)

² Perlu diingat bahawa "Kafirah" di sini bukanlah bermaksud wanita yang kufur tetapi kata sifat bagi فئَة (kumpulan/golongan).

vii. الكوافر (berbaris di bawah)

.... وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَنْ تَنْكِحُوهُنَّ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ وَلَا تُمْسِكُوا بِعِصَمِ
الْكُوفِرِ..... الآية

Dan tidak dosa atasmu mengahwini mereka apabila kamu bayar kepada mereka maharnya, dan janganlah kamu berpegang dengan ikatan-ikatan perkahwinanmu dengan perempuan-perempuan kafir (semasa kamu juga kafir).

(Al-Quran. Al-Mumtahinah 60 : 10)

viii. الكفرة (berbaris di hadapan)

أُولَئِكَ هُمُ الْكُفْرَةُ الْفَجْرَةُ

Mereka adalah orang-orang kafir yang derhaka

(Al-Quran. 'Abasa 80 : 42)

ix. الكفار (berbaris di hadapan)

.... وَسَيَعْلَمُ الْكُفَّارُ لِمَنْ عَقِبَى الدَّارَ

.....dan orang-orang kafir akan mengetahui untuk siapa tempat kesudahan yang baik itu.

(Al-Quran. Al-Ra'd 13 : 42)

x. الكفار (berbaris di atas)

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَاغْلُظْ عَلَيْهِمْ ... الآية

Wahai Nabi! Perangilah orang-orang kafir dan orang-orang Munafik dan bersikap keraslah terhadap mereka.

(Al-Quran. Al-Taubah 9 : 73)

xi. الكفار (berbaris di bawah)

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ... الآية

Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengannya adalah keras terhadap orang-orang kafir tetapi berkasih sayang sesama mereka... (Al-Quran. Al-Fath 48: 29)

xii. كفارا (berbaris dua di atas)

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّوكُمْ مِّنْ بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِنْدِ أَنفُسِهِمْ مِّنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ الآية

Sebahagian besar ahli kitab menginginkan agar mereka dapat mengembalikan kamu kepada kekafiran setelah kamu beriman, kerana dengki yang (timbul) daripada diri mereka sendiri setelah nyata bagi mereka kebenaran....

(Al-Quran Al-Baqarah 2:109)

Berbalik kepada akar kata الكافرون, kata Patisif Aktif Tunggal baginya ialah الكافر yang bermaksud orang yang kufur/orang kafir. Manakala kedua-duanya iaitu الكافرون dan الكافر adalah kata terbitan daripada perkataan kafara كفر (Kata Kerja Kala Lalu yang bermaksud: Dia telah menjadi kafir, atau dia telah kufur, dia telah menutup, dia tunduk menyembah, atau dia telah lepas tangan (al- Bustani 1869 : 1863); atau berasal daripada perkataan kufrun كفر (Masdar / Infinitif) yang bermaksud: Kufur atau kekufuran, lawan kepada keimanan atau iman (Lane 1968 :7 : 2620), atau kufran كفران juga masdar yang bermaksud: kufur nikmat Allah (al-Bustani 1869 : 1863).

Daripada perkataan kafara / kufrun كفر, terbitlah perkataan-perkataan lain seperti al-kafr الكفر yang bermaksud: tempat yang jauh dari manusia, perbuatan tunduk sembah seorang Parsi kepada rajanya, kegelapan malam, tanah, kayu keras yang pendek atau tongkat pendek. Kata majmuk baginya ialah kafur كفور (al-Bustani 1869 : 1863).

Beberapa perkataan lain terbit daripada kata Kerja ini (kafara كُفِرَ). Di antaranya ialah al-kafaru الكُفْر (seksaan), al-kafiru الكُفْر (puncak gunung) dan al-kafratu الكُفْرَة yang bermaksud pahit dan gelap gelita. Ini adalah di antara bentuk-bentuk masdar infinitif yang terbit daripada kafara كُفِرَ di samping sebutan كُفِرَ kufrun atau kufran كُفْرَان . Tetapi Patisif Aktifnya adalah sama iaitu al-kafir الكَافِر yang bermaksud: orang kafir, orang yang kufur terhadap nikmat Allah, malam yang gelap gelita, lautan, wadi atau sungai yang besar: awan yang gelap pekat (al- Bustani 1869: 1863 – 1864), pekebun yang menutup benih dengan tanah atau bermakna awan menutup langit (Lane 1968, 7 : 2620).

Daripada perkataan kafara كُفِرَ juga terbit perkataan-perkataan kaffara كُفِرَ kata kerja kala lalu yang bermaksud: mengkafirkan, menghapuskan, membayar denda kifarah, atau tunduk menyembah (kepada raja – yakni bukan kepada Allah-dengan meletakkan tangan di atas dada dan menundukkan kepala sebagai tanda mengagungkannya) (al- Bustani 1869 : 1863); perkataan takaffara تَكْفَرُ yang bermaksud: Dia melindungi dirinya (dengan senjata) atau menutup dirinya (dengan kain); akfara أَكْفَرُ (sama maksud dengan kaffara كُفِرَ : Dia telah mengkafirkan; dan كَافِر: dia tidak mengaku atau dia mengingkari (Lane 1968, 7 : 2621).

Di dalam al-Quran terdapat kata dasar kafara كُفِرَ dan kata-kata terbitan berbentuk masdar / Infinitif seperti al-kufru الكُفْر (berbaris di hadapan), al-kufra الكُفْر berbaris di atas), al-kufri الكُفْر (berbaris di bawah) dan kufran كُفْرَان (berbaris dua di atas). Terdapat juga kata-kata terbitan berbentuk Patisif Aktif Tunggal dan Patisif Aktif Majmuk (Abd. Al-Baqi 1364H/1945 : 605-612) yang telah kita bincangkan sebelum ini. Perkataan lain yang berimbunan iaitu kaffara كُفِرَ (kata Kerja Kala Lalu sebagai kata dasar), juga perkataan akfara أَكْفَرُ (Abd. Al-Baqi 1364H/1945 : 610).

Contoh dari ayat-ayat al-Quran :

i. **كفر**

..... وَمَنْ شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّي غَنِيٌّ كَرِيمٌ

Dan sesiapa yang bersyukur maka sesungguhnya dia bersyukur untuk (kebaikan) dirinya sendiri dan sesiapa **yang engkar**, maka sesungguhnya tuhanku Maha Kaya lagi Maha Mulia.

(Al-Quran. Al-Naml 27:40)

..... وَلَنْ كَفَرْتُمْ إِنَّا عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Dan sekiranya **kamu mengengkari** (nikmatKu) maka sesungguhnya azabKu amat pedih.

(Al-Quran. Ibrahim 14 : 7)

ii. **الكفر**

إِنَّ الَّذِينَ اشْتَرُوا الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ لَنْ يَضُرُّوا اللَّهَ شَيْئًا

Sesungguhnya orang-orang yang menukar iman dengan **kekafiran**, sekali-kali mereka tidak dapat memberi mudarat kepada Allah sedikit pun.

(Al-Quran. Ali Imran 3 : 177)

iii. **كفرا**

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ ثُمَّ اِزْدَادُوا كُفْرًا لَنْ نَقْبَلَ تَوْبَتَهُمْ الآية

Sesungguhnya orang-orang yang **kufur** sesudah beriman, kemudian bertambah **kekufuran** mereka; sekali-kali tidak diterima taubat mereka.

(Al-Quran. Ali Imran 3 : 90)

iv. **كفر**

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْكِتَابِ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَكَفَرْنَا عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ ... الآية

Dan sekiranya ahli Kitab beriman dan bertakwa tentulah kami tutup (hapuskan) kesalahan-kesalahan mereka.

(Al-Quran. Al-Ma'idah 5:65)

v. أَكْفَرُ

قَتَلَ الْإِنْسَانَ مَا أَكْفَرَهُ

*Binasalah manusia, alangkah amat besar
kekufurannya?*

(Al-Quran. 'Abasa : 80 : 17)

Terdapat juga beberapa kata terbitan lain daripada kata **كفر** yang disebut di dalam al-Quran tetapi tidak perlu dijelaskan di sini kerana pengertiannya hampir sama.

Demikianlah di antara perkataan-perkataan yang lahir dari akar kata **كفر** iaitu kata Kerja Kala Lalu yang bertindak sebagai induk kepada perkataan **كفر** dan **الكافر** juga **الكافرون**. Semuanya membayangkan dengan jelas sifat-sifat hubungan dan kaitan antara kalimat-kalimat tersebut dengan definisi **الكافرون** yang menjadi topik kajian dalam fasal ini.

B. Dari aspek perspektif Islam.

Penulis telah menjelaskan sebelum ini bahawa al-kafirun **الكافرون** adalah kata majmuk bagi al-kafir **الكافر**, sedangkan al-kafir **الكافر** adalah berasal daripada akar kata kafara **كفر** yang mana masdar/Infinitif bagi kata Kerja Kala Lalu tersebut adalah kufrun **كفر**; Jadi, di dalam memberi definisi kepada al-kafirun **الكافرون** perlulah diketahui makna al-kafir **الكافر** itu sendiri, tetapi maksud al-kafir **الكافر** tidak akan dapat difahami kecuali setelah difahami definisi al-kufr **الكفر** itu sendiri.

Definisi al-Kufr **الكفر**

i. Dari aspek bahasa :

al-Kufur **الكفر** dari aspek bahasa adalah :

ستر الشيء وتغطيته تغطيته تستهلكه (al-Maraghi: 1974:1:45 & Ibn Mandzur 1388H / 1967 : 5 : 145), iaitu menutup sesuatu dengan melindunginya yang bertujuan merosakkannya.

Dengan itu dapatlah difahami bahawa الكافر daripada segi bahasa bermaksud: orang yang kufur atau mempunyai kekufuran iaitu orang yang mempunyai tutupan di hatinya atau hatinya tertutup dengan kekufuran. Dalam bahasa Arab disebut :

الكافر ذو كفر أي ذو تغطية لقلبه بكفره
(Ibn Mandzur 1388H / 1967: 5:146)

ii. Dari aspek istilah syarak :

Al-Kufr (الكفر) mengikut syarak ialah lawan bagi al-Iman الإيمان (al-Tahanawi 1966 : 5 : 1251) atau lawan al-Syukr الشكر : syukur atau berterima kasih (Ibn Mandzur 1388H / 1967 : 5 : 144). Mengikut al-Asya'irah الأشاعرة pula: الكفر ialah tidak membenarkan dengan hati sebahagian daripada perkara-perkara yang diterima secara mudah yang dibawa oleh Rasulullah yang datangnya dari Allah; tetapi pendapat ini tidak dipersetujui oleh al-Tahanawi, kerana kalau الكفر di takrifkan sedemikian rupa, maka golongan Nasrani dan ahli Zimmah (Kafir yang ada perjanjian dengan negara Islam) adalah tidak termasuk kumpulan orang-orang kafir, disebabkan ia adalah orang yang benar-benar mempercayai semua perkara yang dibawa oleh Rasul (al-Tahanawi 1966 : 5 : 1251).

Tetapi ada pendapat lain yang mengatakan bahawa الكفر adalah tidak mengenali Allah atau jahil mengenai-Nya, dan kumpulan lain pula mengatakan bahawa الكفر adalah bermaksud al-Maksiyah المعصية (maksiat). Ahli Khawarij berpendapat bahawa setiap maksiat itu kufur, dan ahli Mu'tazilah pula mengatakan maksiat itu terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu bahagian yang menunjukkan tidak mengetahui atau jahil terhadap Allah, jahil dengan risalah Rasulnya seperti membuang mushaf atau al-Quran

di dalam tempat-tempat kotor, dan mengeluarkan kata-kata yang menunjukkan ke arah tersebut seperti memaki hamun Rasul. Ini adalah maksiat yang membawa kepada kufur. Sedangkan bahagian ke dua ialah maksiat yang tidak membawa pelakunya kepada kufur tetapi pelaku tersebut tidak termasuk di dalam kategori beriman (منزلة بين المنزلتين) seperti membunuh orang dengan sengaja, dan maksiat yang termasuk di dalam bahagian ke tiga tidak membawa pelakunya keluar daripada iman atau menjadi kufur seperti aurat dan lain-lain (al-Tahanawi 1966 : 5 : 1251).

Di dalam al-Quran, Perkataan al-kufr الكفر bermaksud al-inkar الإنكار : keingkaran atau lawan kepada makrifah معرفة : pengenalan; al-Juhud الجحود : keingkaran lawan kepada ikrar; kufur al-ni'mah كفر النعمة (kufur nikmat atau tidak bersyukur), atau al-Bara-ah البراءة : suci atau lepas tangan (al-Damighani 1970 : 405).

- i. Al-Kufr الكفر bermaksud al-inkar الإنكار : ingkar. Firman Allah :

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أُنذِرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Sesungguhnya orang-orang kafir (yang engkar); sama sahaja bagi mereka, kamu beri peringatan atau tidak, mereka tidak akan beriman.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 6)

- ii. al-Kufr الكفر bermaksud الجحود . Firman Allah :

..... فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ

Maka setelah datang kepada mereka apa yang telah mereka ketahui, lalu mereka engkar (جدوا) kepadanya. Maka laknat Allah ke atas orang-orang yang engkar itu.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 89)

- iii. al-Kufr الكفر bermaksud كفر النعمة (Kufur nikmat).
Firman Allah:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ

Maksudnya : *Kerana itu, maka ingatlah kamu kepadaKu, nescaya Aku ingat (pula) kepadamu, dan bersyukurlah kepadaKu, dan janganlah kamu mengengkari nikmatKu.*

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 152)

- iv. al-Kufr الكفر bermakna البراءة . Firman Allah:

.... إِنِّي كَفَرْتُ بِمَا أَشْرَكْتُمُونِ مِنْ قَبْلُ... الآية

Sesungguhnya aku tidak membenarkan (lepas tangan daripada) perbuatanmu mempersekutui aku (dengan Allah) sejak dahulu.

(Al-Quran. Ibrahim 14 : 22)

Merujuk kepada maksud al-kufr الكفر itu sebagai tidak beriman atau lawan kepada perkataan Iman dan Kufur nikmat atau tidak bersyukur, maka dapatlah dirumuskan bahawa kufur itu ada dua jenis, iaitu kufur terhadap dasar-dasar keimanan dan kufur terhadap satu daripada cabang-cabang Islam. Amalan-amalan kufur juga mempunyai dua iaitu kufur dengan nikmat Allah dan kedua ialah mendustakan Allah (Ibn Mandzur 1388H/1967 : 5 : 144).

Selain daripada itu, kufur juga berlaku dalam empat jenis, iaitu: Pertama : Kufur al-inkar كفر الانكار bermaksud kufur dengan hati dan lisan, tidak mengenali Allah pada dasarnya dan tidak mengakui-Nya, dan tidak mengenali apa itu tauhid (Ibn Mandzur 1388H/1967 : 5 : 144). Ini adalah bertepatan dengan firman Allah :

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أُنذِرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْتَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Sesungguhnya orang-orang kafir (yang kufur ingkar dengan tauhidnya Allah) sama sahaja bagi mereka kamu

beri peringatan atau kamu tidak beri peringatan, mereka tidak akan juga beriman.

(Al-Quran. al-Baqarah 2 : 6)³

Kedua: Kufr al-Juhud كُفْرُ الْجُودِ iaitu wujud pengingkaran dengan hati tetapi tidak berikrar dengan lidah, seperti kufurnya Iblis dan kufurnya أمية بن أبي الصلت (Ibn Mandzur 1388H/1967 : 5 : 144). Firman Allah :

....فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ...الآية

Maka setelah datang kepada mereka apa yang telah mereka ketahui, mereka lalu ingkar dengannya.

(Al-Quran. al-Baqarah : 2 : 89).

Ketiga : Kufr al-Mu'anadah كُفْرُ الْمُعَانَدَةِ iaitu terdapat pengenalan mengenai Allah dengan sanubari dan berikrar dengan lisan tetapi tidak mengetahui; akibat rasa dengki dan jahat. Ini seperti kufurnya Abu Jahal dan kunci-kuncunya, atau kufr al-mu'anadah كُفْرُ الْمُعَانَدَةِ adalah bermaksud wujudnya pengiktirafan dengan sanubari dan berikrar dengan lidah tetapi enggan menerimanya, seperti kufurnya Abu Talib (ayah saudara Nabi Nuhammad). Beliau pernah bermadah :

ولقد علمت بأن دين محمد × من خير أديان البرية دينا
لولا الملامة أو حذار مسبة × لوجدتني سمحا بذاك مبينا

*Sesungguhnya kutahu bahawa agama Muhammad,
Adalah satu-satunya agama yang terbaik,
Kiranya tidak kerana kutukan, takut cemuhan,
Nescaya anda dapati diriku penganutnya jua.*
(Ibn Mandzur 1388H/1967 : 5 : 144)

³ lihat juga Al-Quran. Al-Hajj, 22 : 25, 55 & 72 dan Al-Quran. Muhammad, 47 : 1, 8 & 12, bagi mendapat maksud dan pengertian yang sama.

Keempat : *Kufr al-Nifaq كُفر النفاق* iaitu berikrar dengan lidah tetapi kufur serta tidak beriktikad dengan hati (Ibn Mandzur 1388H/1967 : 5 : 144).

Di samping itu kufur juga terbahagi kepada beberapa bentuk. Di antaranya ialah kufur syirik iaitu menyekutui Allah, kufur terhadap Kitab Allah dan Rasul-Nya, kufur dengan mendakwa bahawa Allah mempunyai anak, dan kufur yang mengaku Islam tetapi melakukan amalan-amalan yang dilarang oleh Allah dan melakukan kerosakkan di muka bumi juga membunuh diri yang diharamkan tanpa alasan yang mengharuskannya (Ibn Mandzur 1388H/1967 : 5 : 145).

Daripada keterangan-keterangan tadi, jelaslah mengikut perspektif Islam bahawa orang kafir adalah orang yang tidak beriman dengan Allah, kufur terhadap dasar-dasar keimanan atau satu daripada rukun dan hukum-hukum Islam, seperti mendustai Allah, mengingkari-Nya dan tidak mempercayai dan membenarkan dengan hati sebahagian daripada ajaran yang disampaikan oleh Nabi yang diketahui ajaran-ajaran itu datangnya daripada Allah SWT.

Orang kafir, sekiranya dia menzahirkan keimanannya tapi sebenarnya tidak beriman, maka dia munafik; jika dia menzahirkan kekufurannya selepas beriman, maka dia murtad; sekiranya dia berkata kepada sesuatu yang menyekutui Allah, maka dia musyrik; jika dia beragama dengan salah satu agama samawi dan berpegang dengan Kitab-kitab yang dimansuhkan maka dia adalah seorang Kitabi (ahli Kitab); jika dia berpendapat bahawa alam itu kekal dan menyandarkan sesuatu peristiwa kepadanya, maka ia adalah al-Dahari (الدهري) iaitu orang yang mempercayai bahawa alam maya ini kekal, tiada penciptanya; dan sekiranya di samping pengiktirafannya terhadap kenabian Nabi Muhammad SAW dia berbicara dengan akidah-akidah yang membawa kepada kekufuran, maka ia adalah seorang Zindik زنديق (al-Bustani 1286H/1870, 2 : 1825).

Itulah bentuk kufur yang mana kata Patisif Aktif Tunggalnya ialah al-kafir الكافر dan kata majmuknya ialah al-kafirun الكافرون. Di samping itu terdapat juga kata majmuknya yang berbunyi : al-kuffar الكفار yang selalunya digunakan untuk mereka yang tidak beriman, dan al-Kafarah (الكفرة) yang lebih banyak digunakan untuk mereka yang kufur nikmat (al-Bustani 1286H/1870, 2: 1825).

Mengikut Ahlul-Ma'ani أهل المعاني bahawa Allah telah menggambarkan hati orang kafir dengan sepuluh sifat iaitu Al-khatm الختم (tutup rapat) : الختم على القلوب (penutupan terhadap nubari) iaitu tidak mahu menerima kebenaran; الختم على السمع (penutupan terhadap pendengaran) yang bermaksud : ketidak-fahaman mereka terhadap al-Quran apabila dibaca kepada mereka atau diserukan kepada mentauhidkan-Nya; dan الختم على الإبصار (penutupan terhadap penglihatan) yakni tidak mendapat hidayah dalam pemandangannya terhadap ciptaan Allah dan keajaiban ciptaan-Nya (al-Qurtubi 1387H/1967, 1: 186).⁴

Sifat-sifat lain ialah al-taba' الطبع : tertutup rapat, al-dhaiq الضيق : sempit, al-maradz المرض : sakit, al-rayn الرين : tertutup akibat banyak dosa, al-maut الموت : mati, al-qasawah القساوة : keras hati, al-insiraf الإنصراف : berpaling, al-himiyah الحمية : sakit tenat dan al-inkar الإنكار : ingkar.⁵

Apabila disebut kufur, maka terbayanglah kepada kita pengertian yang berbeza-beza tetapi merangkumi sifat kufur itu sendiri iaitu tidak beriman, atau kufur terhadap nikmat Allah, persis malam yang gelap gelita, malam yang ditutupi oleh

⁴ Dan maksud : tertutup rapat sehingga yang di dalamnya tidak boleh keluar dan yang di luar tidak boleh masuk – rujuk Ibn. Manzhur, *Lisan al-Arab*, 1388H/1967 : 12 : 163.

⁵ Maksud al-tab'u ialah (hatinya) tertutup dan tidak menerima perkara yang baik; dan الرين pula adalah (hatinya) tertutup rapat dek terlalu banyak dosa sehingga dosa-dosa tersebut menggelapkan hatinya. Rujuk Ibn. Mandzur, *Lisan al-Arab*, 1388H/1967 : 8 : 232 & 13 : 192.

kegelapan umpama langit yang ditutupi oleh awan gelap pekat yang tidak dapat dilihat lansung cahaya cakrawalanya.⁶

Kufur adalah persis angin yang menutup kesan-kesan lukisan dengan debu, umpama bumi yang jauh daripada manusia, dan kayu keras tetapi pendek atau tongkat kontot, malah kekufuran umpama kepahitan dan kegelapan (Ibn Mandzur 1388H/1967 : 13 : 192).

AL-MUSYRIKUN

A. Dari aspek Etimologi

Al-Musyrikun **المشركون** adalah kata Patisif Aktif Majmuk bagi perkataan al-musyrik **المشرك** (orang menyekutui, menduakan atau orang musyrik), berasal daripada akar kata asyaraka **أشرك** dalam bentuk kata Kerja Kala Lalu yang bermaksud: dia telah syirik. Perkataan al-Musyrikun **المشركون** (dalam bentuk *rafa'* / Nominatif) dan al-Musyrikin **المشركين** (dalam bentuk *Nasab* / akusatif, dan *Jarr* / genitif) adalah kata Patisif Aktif / *Jama' Muzakkar Salim* **جمع مذكر سالم** (The Sound Masculine Plural) bagi orang-orang lelaki yang musyrik, sedangkan al-musyrik **المشرك** pula, tidak kira sama ada berbaris di hadapan, di atas atau di bawah adalah kata Patisif Aktif Tunggal bermaksud: seorang lelaki musyrik; dan al-musyrikan **المشركان** (dalam bentuk *Rafa'*) atau al-musyrikan al-musyrikain **المشركين** (dalam bentuk *Nasab* atau *Jarr*) adalah Patisif Aktif *Muthanna* (Duaan)⁷ yang bermaksud: dua orang lelaki musyrik.

Perkataan ini akan menjadi al-musyrikatu **المشركات** (dalam bentuk *Rafa'*) dan al-musyrikati **المشركات** (dalam bentuk *Nasab*)

⁶ Rujuk pengertian al-Kafir **الكافر** dan al-kufr **ال كفر** oleh Buthrus al-Bustani, *Qatr al-Muhit*, 1867 :2 : 1863, dan William Lane, *Arabic-English Lexicon*. 1968: 7 : 262.

⁷ Pengertian al-Muthanna telah dijelaskan sebelum ini. Lihat halaman 30.

dan *Jarr*) apabila menjadi kata Patisif Aktif Majmuk / *Jama' Muannath Salim* (The Sound Feminine Plural) yang dikhaskan untuk orang-orang perempuan musyrik, sedangkan Patisif Aktif Duaan bagi dua orang perempuan musyrik ialah al-musyrikatani *المشركتان* (semasa *Rafa'*) dan al-musyrikatani *المشركتين* (semasa *Nasab* atau *Jarr*), dan dalam bentuk tunggal pula ialah al-musyrikatu *المشركة* (berbaris di hadapan) al-musyrikata *المشركة* (berbaris di atas) dan al-musyrikati *المشركة* (berbaris di bawah).

Dalam al-Quran terdapat sekali sahaja perkataan musyrikun *مشرِك* (berbaris dua di hadapan) begitu juga perkataan musyrikin *مشرِك* (berbaris dua di bawah) enam kali perkataan al-musyrikuna *المشركون* (semasa *Rafa'*), al-musyrikina *المشركين* (semasa *Nasab*) lapan kali; al-musyrikina *المشركين* (dalam bentuk *Jarr*) sebanyak dua puluh lapan kali, musyrikatan *مشرِكَة* (berbaris dua di atas) sekali sahaja musyrikatin *مشرِكَة* (berbaris dua di bawah) juga sekali, dan al-musyrikati *المشركات* (semasa *Nasab*) sebanyak tiga kali (Abd al-Baqi 1364H/1945 : 380-381).

Contoh daripada ayat-ayat al-Quran :

- i. Musyrikun *مشرِك* (kata tunggal berbaris dua di hadapan) Firman Allah :

.... وَالزَّانِيَةُ لَا يَنْكِحُهَا إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ وَحُرْمٌ ذَلِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ
 Dan perempuan yang berzina tidak akan dikahwininya melainkan oleh lelaki yang berzina atau lelaki yang musyrik, dan yang demikian itu diharamkan ke atas mukminin.

(Al-Quran. Al-Nur 24:3)

- ii. Musyrikin *مشرِك* (kata tunggal berbaris dua di bawah)

.... وَلَعِبَادٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ... الآية

Dan sesungguhnya hamba lelaki yang beriman adalah lebih baik daripada orang musyrik walaupun dia (musyrik itu) menarik minatmu.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 221)

iii. al-Musyrikuna المشركون (kata majmuk semasa *Rafa'*)

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُمْ بِاللَّهِ إِلَّا وَهُمْ مُّشْرِكُونَ

Dan sebahagian besar daripada mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka itu dalam syirik (mempersekutunya).

(Al-Quran. Yusuf 12 : 106)

iv. al-Musyrikina المشركين (kata majmuk dalam bentuk *Nasab*)

.... وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ

Dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana mereka serangi kamu semuanya, dan ketahuilah bahawasanya Allah beserta orang yang bertakwa.

(Al-Quran. Al-Taubah 9 : 36)

v. al-Musyrikina المشركين (Kata majmuk dalam bentuk *jarr*)

فَاصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ

Maka sampaikanlah olehmu secara terang-terangan segala apa yang dipertahankan (kepadamu) dan berpalinglah daripada orang musyrikin.

(Al-Quran. Al-Hijr 15 : 94)

vi. مشركة (semasa berbaris dua)

الرَّانِي لَا يَنْكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً الآية

Lelaki yang berzina tidak mengahwini melainkan perempuan yang berzina atau perempuan musyrik.

(Al-Quran. Al-Nur 24 : 3)

vii. مشركة (dalam bentuk berbaris dua di bawah)

..... وَلَا أَمَّةٌ مُؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ الآية

Dan sesungguhnya hamba wanita yang beriman adalah lebih baik daripada wanita musyrik walaupun dia menarik hatimu.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 221)

viii. المشركات (semasa Nasab)

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَاتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ الآية

Dan janganlah kamu menikahi wanita-wanita musyrik sebelum mereka beriman.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 221)

Berbalik kepada perkataan al-musyrikun المشركون, kata Patisif Aktif Tunggal baginya ialah al-musyrik المشرك yang bermaksud: orang yang menyekutui Allah atau menduakanNya atau orang musyrik. Sedangkan kedua-duanya iaitu al-musyrikun المشركون dan al-musyrik المشرك adalah kata terbitan daripada asyraka أشرك (Kata Kerja Kala Lalu yang membawa erti : dia telah syirik atau menyekutui) di mana kata namanya / infinitifnya ialah asy-syirk الشريك (al-Bustani 1286H / 1870 : 1034); dan asyraka أشرك pula adalah kata kerja berimbuhan di mana akar katanya ialah syarika شرك (Kata Kerja Kala Lalu yang bermaksud : dia telah berkongsi, turut serta, mengambil bahagian atau ia telah menjadi rakan kongsi). Masdarnya (infinitif) ialah syirk شرك syarik شرك

syirkah شركة atau syarikah شركة yang bermaksud: *perkongsian*; sedangkan Pasitif Aktif baginya ialah syarik شريك kata tunggal yang bermaksud (*rakan kongsi*), dan kata majmuknya ialah syuraka' شركاء (Lane, 1968 : 1541).

Daripada akar kata syarika شرك , terbit perkataan syaraka شارك yang maksudnya adalah sama dengan akar kata baginya / dia telah sama berkongsi; cuma kata nama infinitifnya ialah musyarakah مشاركة dan kata pasitif aktifnya ialah musyarik مشارك (Lane, 1968 : 1541)

Kata Al Nabighah Al-Ju'di (al-Bustani, Butrus, 1: 1078).

وشاركنا قريشاً في تقاها # وفي أحسابها شرك العنان

Dan kami telah berkongsi dengan Quraisy dalam ketaatannya. Dan dalam segala hak kehormatan bak berkongsi hartabenda.

Selain daripada itu kata kerja asyraka أشرك (*dia telah menyekutui atau telah syirik*) biasanya dikaitkan dengan Allah; iaitu menyekutui-Nya. Kata nama / infinitif bagi perkataan ini ialah asy-syirk الشرك : *menjadikan sesuatu atau seseorang sebagai sekutui Allah dalam rububiyah / ketuhanan* (Ibn Mandzur, 1388H / 1968 : 449). Firman Allah (menceritakan tentang hambanya Lukman yang berpesan kepada anaknya):

..... يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

....Hai anakku ! Janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah kezaliman yang besar

(Al-Quran. Lukman, 31 : 13)

Dan firman-Nya:

.... وَأَنْ تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ

(Mengharamkan) kamu mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak menurunkan hujah untuk itu dan (mengharamkan) kamu mengada-adakan terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui .

(Al-Quran. Al-A'raf 7 : 33)

Daripada perkataan asyaraka اشرك terbit perkataan-perkataan seperti musyrik مشرك (orang musyrik, orang yang menyekutui Allah) dalam bentuk pasitif aktif tunggal, dan musyrikun مشركون atau مشركين (orang-orang yang menyekutui Allah atau orang-orang musyrik) dalam bentuk Pasitif Aktif Majmuk (Lane 1968, 4 :1542)

Di samping kata-kata terbitan di atas, isytaraka إشتراك (sama-sama berkongsi, sama-sama mengambil bahagian atau sama-sama menjadi ahli perkongsian) juga kata terbitan daripadanya, tetapi apabila disebut isytarak al- amr إشتراك الأمر maka ianya bermaksud : perkara itu telah menjadi keliru (Lane 1968, 4 :1542). Kata nama infinitif bagi isytaraka إشتراك ialah al-isytirak الإشتراك.

Selain daripada itu terdapat juga perkataan seperti tasyaraka تشارك yang mana pengertiannya adalah sama dengan isytaraka إشتراك . Terdapat juga perkataan syarika شرك yang mana kalau disebut syariktu bainahum شركت بينهم maka ianya bermaksud: saya telah menjadikan mereka rakan kongsi saya (Lane 1968, 4:1542) dan masdar / infinitifnya ialah at-tasyrik التشریک (al-Bustani, 1869 : 1:1079).

Berbalik kepada perkataan al-isytirak الإشتراك, maka pengertiannya mengikut pakar-pakar Ilmu Badi' (علم البديع), ialah:

penyebutan satu perkataan yang terdapat di dalamnya dua maksud, lalu pendengarnya memahami maksud yang tidak dikehendaki oleh yang menyebutnya; kemudian datang selepasnya sebutan yang menunjukkan kepada makna yang dikehendaki.

Di dalam Al-Quran terdapat perkataan asyraka أَشْرَكَ (Kata Kerja Kata Lalu) yusyriku يَشْرِكُ (Kata Kerja Kata Kini) asy-syirk الشَّرِكُ (Kata nama Infinitif / masdar) syarik شَرِيكَ musyrik مشرِك dan musyrikah مُشْرِكَةٌ (yang berbentuk Pasitif Aktif Tunggal), syuraka' شُرَكَاءُ, musyrikun مُشْرِكُونَ (semasa rafa'), musyrikin (semasa nasab dan Jar) al-musyrikati مُشْرِكَاتُ (semasa nasab) dan musytarikun مُشْتَرِكُونَ (kesemuanya katanama pasitif aktif majmuk) daripada akar kata isytaraka إِشْتَرَكَ (Abd al-Baqi 1364H/1945 : 279-281).

Contoh dari ayat-ayat Al-Quran :

i. أَشْرَكَ

.... لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Jika kamu mempersekutukan (Tuhan) nescaya akan terhapuslah amalan kamu, dan tentulah kamu termasuk ke dalam golongan orang-orang yang rugi.

(Al-Quran. Al-Zumar 39 : 65)

ii. يَشْرِكُ

..... وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا

Dan sesiapa yang mempersekutukan (sesuatu) dengan Allah, maka sesungguhnya ialah telah tersesat sejauh-jauhnya.

(Al-Quran. Al-Nisa 4 : 116)

iii. الشرك :

يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah kezaliman yang besar.

(Al-Quran. Lukman 31 : 13)

iv. شريك

لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ

Tiada sekutu baginya (Allah) dan demikian itulah yang diperintahkan kepada aku dan aku adalah orang yang pertama menyerahkan diri (kepadaNya)

(Al-Quran. Al-An'am 6 : 163)

v. شركاء

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ وَخَرَقُوا لَهُ بَنِينَ وَبَنَاتٍ بِغَيْرِ عِلْمٍ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُصِفُونَ

Dan mereka (orang musyrik) menjadikan jin itu sekutu bagi Allah) pada hal Allah lah yang mencipta jin-jin itu, dan mereka membohongi (dengan mengatakan): "Bahawasanya Allah mempunyai anak lelaki dan anak perempuan" tanpa (berdasarkan kepada) ilmu pengetahuan, dan Maha Suci dan Maha Tinggi Allah daripada apa yang mereka sifatkan.

(Al-Quran. Al-An'am 6 : 100).

vi. مشتركون

فَأَيْتَهُمْ يَوْمَئِذٍ فِي الْعَذَابِ مُشْتَرِكُونَ

Maka sesungguhnya mereka pada hari itu mereka bersekutu dalam azab.

(Al-Quran. Al-Saffat 37 : 33)

Perlu diambil perhatian di sini bahawa penulis tidak menyebut contoh-contoh daripada ayat Al-Quran Karim untuk perkataan *مشرک*, *مشرکون*, *مشرکین*, *مشرکة* dan *المشركات* kerana contoh-contoh tersebut telah disebutkan sebelum ini.

Perkataan-perkataan tersebut lahir dari akar kata syarika *شرك* yang membayangkan dengan jelas sifat-sifat syirik *الشرك*, musyrik *المشرك* dan musyrikun *المشركون*.

B. Dari Aspek Perpektif Islam

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa musyrikun *المشركون* adalah kata pasitif aktif majmuk bagi perkataan al-musyrik *المشرك* (Pasitif Aktif Tunggal) sedangkan musyrik *المشرك* berasal daripada akar kata asyraka *أشرك* (kata kerja kala lalu) atau asy-syirk *الشرك* (Kata Nama Anitif / مصدر). Jadi untuk memberi definisi kepada musyrikun *المشركون* perlulah difahami makna musyrik *المشرك* tetapi ianya tidak akan difahami kecuali setelah difahami definisi asy-syirk *الشرك* itu sendiri.

Definisi al-syirk *الشرك*

i. Dari aspek bahasa

مخالطة الشريكين dari segi bahasa bermaksud : perkongsian di antara dua orang (al-Zabidi 1386H/1966, 7 : 148) atau bermaksud : kufur *كفور* (al- al- Jauhari 1376H/1976, 4 : 1093) di mana kalau disebut *أشرك بالله* maka ia bermaksud : *كفر وجعل له شريكا* : telah kufur dan telah menjadikan sesuatu atau seseorang itu sebagai rakan kongsi bagi Allah (al-Bustani 1930, 1: 1078).

ii. Dari aspek Istilah Syara'

أن يجعل لله شريكا في ربوبيته : menjadikan sekutu bagi Allah di dalam rububiyah-Nya yakni ketuhanan-Nya (Ibn Mandzur 1388H/1968 : 449).

Mengikut para ulama bahawa syirik itu ada 4 kategori iaitu syirik dalam masalah ketuhanan, syirik dalam aspek *وجوب الوجود* (wajib ada); syirik dalam pentadbiran dan syirik dalam ibadat (Al-Tahanawi 1966, 3 : 771).

Dalam kategori pertama dan kedua, iaitu syirik dalam masalah ketuhanan dan dalam aspek *وجوب الوجود* (wajib ada); maka kumpulan yang menganutnya ialah al-Thanawiyah *التثنوية* iaitu dualist atau mereka yang menganggap bahawa tuhan itu dua, iaitu kumpulan yang menetapkan terdapatnya rakan sekutu bagi Allah yang menyamainya di dalam al-uluhiyah *الالوهية* (ketuhanan) dan *وجوب الوجود*. Mereka mengatakan bahawa di sana terdapat dua tuhan iaitu tuhan yang bijak yang melakukan kebajikan dan tuhan yang dungu yang melakukan kemusnahan atau kejahatan, di mana tuhan pertama bernama Yazdan *يزدان* dan yang kedua bernama Ahrama *أهرمن* iaitu syaitan (Al-Tahanawi 1966 , 3 : 771).

Sedangkan kumpulan-kumpulan yang menganut ke dalam kategori ketiga dan keempat iaitu syirik dalam ibadat dan syirik dalam pentadbiran ialah dua kumpulan tersebut iaitu :

- i. Kumpulan yang terdiri daripada penyembah bintang-bintang di mana sebahagian daripada mereka menganggap bahawa Allah SWT mencipta bintang-bintang sebagai pentadbir dunia (*العالم السفلى*). Justeru itu, bintang-bintang tersebut perlu disembah sebagai membuktikan pengabdian kepada Allah. Dan sebahagian lagi berpendapat bahawa cakerawala-cakerawala dan bintang-bintang adalah jisim-jisim yang kekal abadi yang

mentadbir hal-ehwal dunia, dan mereka tidak mempercayai adanya pencipta (tuhan).

- ii. Kumpulan kedua terdiri daripada mereka yang menyembah berhala atau menyembah Al-Masih المسيح (Al-Tahanawi 1966, 3 : 771).

Mengikut Al-Asfahani (1373H/1932:259) bahawa syirik di dalam agama terbahagi kepada dua :

- i. Al-Syirik al-‘Adzim الشرك العظيم (syirik besar): iaitu menentukan adanya rakan sekutu bagi Allah. Ini adalah kufur yang paling besar . Firman Allah :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ
فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا

*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa-dosa syirik, dan Dia mengampuni dosa yang selain daripada (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendakinya. Sesiapa yang mempersekutu Allah, maka sesungguhnya dia telah berbuat dosa yang paling besar.*⁸

(Al-Quran.Al-Nisa 4 : 48)

- ii. Al-Syirik al-Saghir الشرك الصغير (syirik kecil) iaitu memberi perhatian atau mengambil kira kepada yang lain di samping Allah dalam setengah-setengah perkara seperti riya' dan nifaq (Al-Asfahani 1373H/1932 : 260) seperti yang diterangkan oleh Allah di dalam firman-Nya.

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُمْ بِاللَّهِ إِلَّا وَهُمْ مُشْرِكُونَ

Dan sebahagian besar daripada mereka tidak beriman kepada Allah, melainkan dalam keadaan

⁸ Rujuk juga surah al-Nisa' 4 : 116 dan surah al-Ma'idah 5 : 72

mempersekutunya (dengan penyembahan-penyembahan lain)
(Al-Quran. Yusuf 12 : 106)

Dan sabda Rasulullah SAW :

الشرك في هذه الأمة أخفى من ريب النمل على الصفا

Perbuatan syirik di kalangan umat ini adalah lebih tersembunyi daripada berjalannya semut-semut di atas batu yang licin.

(Al-Asfahani 1373H/1932 : 260)

Perkataan al-syirk الشرك di dalam Al-Quran, di antaranya bermaksud: al- syirku bilLahi Ta'ala الشرك بالله تعالى (iaitu menyamakan sesuatu atau seseorang dengan Allah); bermaksud : al-Syirku fitta'ati min ghairi ibadah غير عبادة الشرك في الطاعة من (syirik di dalam taat tanpa menyembah dan beribadah) dan bermaksud : al-Riya' الرياء : riya' (al-Damighani 1970 : 262-263).

- i. Syirik yang bermaksud الشرك بالله تعالى (syirik dengan Allah a'ala). Firman Allah :

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ... الآية

*Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun (yakni menyamakan-Nya dengan sesuatu selain-Nya)*⁹

(Al-Quran. Al-Nisa' 4 : 36)

- ii. Syirik yang bermaksud :

الشرك في الطاعة من غير عبادة

Firman Allah :

فَلَمَّا آتَاهُمَا صَالِحًا جَعَلَا لَهُ شُرَكَاءَ فِيمَا آتَاهُمَا فَتَعَالَى اللَّهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ

⁹ Rujuk juga surah al-Nisa' 4 : 48 dan surah al-Taubah 9 : 3

Tatkala Allah memberi kepada keduanya seorang anak yang soleh, maka keduanya mempersekutukan Allah dengan anak yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada keduanya itu, maka Maha Tinggi Allah dari apa yang mereka persekutukan.

(Al-Quran. Al-A'raf 7 : 190)

iii. Syirik yang bermaksud الرياء . Firman Allah :-

..... فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

Maka hendaklah dia mengerjakan amalan yang soleh dan janganlah dia mempersekutu seseorangpun dalam beribadat kepada tuhan-Nya (jangan dia bersikap riya' terhadap-Ku).

(Al-Quran. Al-Kahf 18 : 110)

Daripada analisa tentang al-Syirik الشرك tadi dapatlah dimengertikan bahawa al-musyrik المشرك (orang musyrik) ialah orang yang mempersekutu Allah dengan sesuatu atau dengan seseorang dalam perkara ketuhanan-Nya, wajib wujud-Nya واجب (الوجوب), kekuasaan-Nya atau kebijaksanaan-Nya dengan menyembah selain-Nya atau melakukan sesuatu yang boleh membawa kepada menyekutui-Nya.

Namun begitu, ulama-ulama berlainan pendapat tentang hakikat al-musyrik المشرك. Ramai di antara mereka berpendapat bahawa orang musyrik merangkumi orang kafir daripada Ahli Kitab, tetapi ditentang oleh segolongan lain dengan mengatakan bahawa orang-orang musyrik hanya terhad kepada penyembah-penyembah berhala (al-Bustani 1286H/1870,1:1079). Ini bersandarkan kepada firman Allah :

إِنَّ الدِّينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أُولَئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ

Sesungguhnya orang-orang kafir yakni ahli kitab dan orang-orang musyrik (akan masuk) ke neraka Jahanam, mereka kekal di dalamnya, mereka itu adalah seburuk-buruk makhluk.

(Al-Quran. Al-Baiyinah 98 : 6).

Dengan sebutan Ahli kitab berasingan daripada al-musyrikin, memberi gambaran perbezaan di antara keduanya. Dengan itu al-musyrikin (orang-orang musyrik) tidak merangkumi Ahli Kitab (al-Tahanawi 1966, 3 : 772).

Ada pendapat lain pula mengatakan bahawa setiap orang yang ingkar dengan risalah-Nya, dia adalah musyrik (al-Tahanawi 1966, 3 : 772). Pendapat ini bersandarkan kepada firman Allah :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ الآية

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik (ingkar) dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-Nya.

(Al-Quran. Al-Nisa' 4 : 48)

Walau bagaimanapun dapatlah kita jelaskan di sini bahawa amalan orang-orang musyrik adalah seperti berikut :

- i. Mereka adalah tunduk sujud kepada berhala-berhala dan bintang-bintang. Ini dapat dibuktikan daripada larangan Allah supaya mereka tidak tunduk sujud kepada matahari dan bulan (al-Dahlawi, tanpa tarikh, 1:128). Firman-Nya:

.... لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ الآية

Janganlah kamu bersujud kepada matahari dan janganlah (pula) kepada bulan , tetapi bersujudlah kepada Allah yang menciptakan kesemuanya.

(Al-Quran. Fussilat 41 : 37)

- ii. Mereka memohon pertolongan kepada selain Allah dalam hajat-hajat mereka, seperti untuk menyembuhkan penyakit atau menjadi kaya, dan mereka bernazar, agar maksud tercapai, dan menyebut nama-nama mereka (selain Allah) dengan mengharapkan berkat daripada nama-nama tersebut. Justeru itu Allah mewajibkan supaya di baca di dalam solat (al-Dahlawi, tanpa tarikh; 1:129) :

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Hanya Engkaulah yang kami sembah dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan.

(Al-Quran. Al-Fatihah, 1 : 5)

Dan firman-Nya :

بَلْ إِيَّاهُ تَدْعُونَ فَيَكْشِفُ مَا تَدْعُونَ إِلَيْهِ..... الْآيَةَ

(Tidak) tetapi hanya Dialah yang kamu seru, maka Dia (Allah) menghilangkan bahaya yang kerana-Nya kamu berdoa kepada-Nya.

(Al-Quran. Al-An am 6 :41)

- iii. Mereka menamakan setengah daripada orang yang disekutukan dengan Allah itu sebagai anak-anak Allah (al-Dahlawi, tanpa tarikh; 1:129). Firman Allah :

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصَارَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ... الْآيَةَ

Orang yahudi berkata : "Uzair itu putera Allah"; dan orang-orang Nasrani berkata : "Al-Masih itu itu putera Allah....."

(Al-Quran. Al-Taubah 9 : 30)

- iv. Mereka menjadikan orang alim dan rahib-rahib sebagai tuhan mereka selain Allah, dan ber'tikad bahawa segala yang dihalaikan oleh golongan tersebut adalah halal, dan

segala yang mereka haramkan adalah haram (al-Dahlawi, tanpa tarikh; 1:129). Firman Allah :

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ ... الآية

Mereka menjadikan orang-orang a'im dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan (mereka) selain Allah.

(Al-Quran. Al-Taubah 9 : 31)

Semasa ayat ini diturunkan, 'Ali Bin Hatim ¹⁰ علي بن حاتم telah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang perkara tersebut. Maka Rasulullah menjawab :

كانوا يحلون لهم أشياء , فستحلونها ويحرمون عليهم أشياء
فيحرمونها

Mereka (rahib-rahib) menghalalkan beberapa perkara, lalu mereka ikut menghalalkannya, dan mereka (rahib-rahib) mengharamkan beberapa perkara ke atas mereka, lalu mereka pun ikut mengharamkannya.

(al-Dahlawi, tanpa tarikh, 1 : 129)

- v. Mereka korbakan binatang untuk berhala-berhala dan bintang-bintang atau mereka melepaskan al-sawa-ib ¹¹ السوائب dan al-baha-ir ¹² البحائر dengan tujuan menghampirkan diri kepada tuhan-tuhan mereka (al-Dahlawi, tanpa tarikh, 1:130). Firman Allah :

¹⁰ Beliau adalah Abu Tariq, 'Adi bin Hatim bin Abdullah bin Saad bin al-Hasyraj bin Imru-ul Qais bin 'Adi al-Ta-ii, seorang sahabat yang pernah ikut serta dalam peperangan Unta & Siffin bersama Saidina Ali. Meninggal di Kufah, tahun 86H (al-A'lami 1390H/1970 : 22 : 9 – 10).

¹¹ Unta-unta betina yang dilepas pergi kemana sahaja sebab nazar – nazar biasanya dilakukan oleh orang Arab untuk mencapai sesuatu atau supaya perjalanannya selamat.

¹² Unta-unta betina yang beranak lima, anak kelima jantan; lalu unta-unta tersebut dibelah telinganya dan dibebaskan. Tidak boleh ditunggangi lagi dan tidak boleh mengambil / memerah susunya.

مَا جَعَلَ اللَّهُ مِنْ بَحِيرَةٍ وَلَا سَائِبَةٍ الآية

*Allah sekali-sekali tidak pernah mensyariatkan adanya Bahirah بحيرة dan sa-ibah*¹³

(Al-Quran. Al-Maidah 5 : 103)

Demikian di antara contoh amalan orang musyrik, yang mana dapat di buat kesimpulan bahawa mengikut pandangan Islam, al-musyrikun المشركون itu merangkumi penyembah-penyembah berhala, bintang-bintang, orang-orang yang meminta pertolongan kepada selain Allah untuk menyembuhkan penyakit dan lain-lain; orang yang menganggap tuhan-tuhan mereka sebagai anak-anak Allah, orang yang menjadikan rahib-rahib mereka sebagai tuhan selain Allah dan orang yang menyembelih korban untuk berhala dan bintang-bintang; dan orang yang melakukan perbuatan syirik.

Tetapi sekiranya kita bersetuju pendapat yang mengatakan bahawa orang musyrik itu terhad kepada penyembah-penyembah berhala, maka tentulah terdapat perbezaan di antara orang kafir dengan orang musyrik. Kerana Allah berfirman :

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أُولَئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ

Sesungguhnya orang-orang kafir yakni ahli kitab dan orang-orang musyrikin (akan masuk) ke neraka Jahanam, mereka kekal di dalamnya, mereka itu adalah seburuk-buruk makhluk.

(Al-Quran. Al-Baiyyinah 98 : 6)

Sebutan الذين كفروا من أهل الكتاب berasingan daripada perkataan al-musyrikin المشركين , memberi pengertian kepada wujudnya perbezaan di antara orang kafir dengan orang musyrik.

¹³ Kata nama tunggal bagi al-baha-ir البحر dan al-Sawa-ib السوايب

Selain dari itu kita dapati bahawa kufur adalah ingkar (lawan kepada makrifah atau pengenalan), Juhud جحود (ingkar : lawan kepada ikrar atau pengakuan) dan kufur juga adalah kufur ni'mat yakni tidak bersyukur. Tetapi syirik terbahagi kepada : syirik besar dan syirik kecil.

Konsep al-musyrikun المشركون mengikut perpektif Islam, dapat difahami bahawa manusia tidak punya apa-apa hak untuk menyamakan sesuatu atau seseorang atau apa sahaja dengan Allah SWT, apatah lagi meletakkan sesuatu atau seseorang atau apa sahaja itu lebih tinggi dari yang Maha Kuasa, atau menyamakan dirinya sendiri dengan yang Maha Esa dalam ciri-ciri Uluhiyyah الوهية dan Rububiyah ربوبية Allah (Ketuhanan Allah) atau dalam lain-lain aspek.

AL-MUNAFIQUN

A. Dari Aspek Etimologi

Al-Munafiqun المنافقون adalah kata pasitif aktif / jamak muzakkar salim جمع مذكر سالم (The Sound Mesculine Plural) bagi perkataan المنافق : *orang munafik, orang yang bermuka-muka, hipokrit*. Perkataan ini adalah kata terbitan daripada akar kata Nafaqa نفاق (Kata Kerja Kala Lalu, yang bermaksud: dia telah menjadi munafik, telah bermuka-muka atau telah menjadi hipokrit) (Lane 1968, 8 : 3036) atau kata terbitan daripada kata nama Infinitif: munafaqah منافقة atau nifaq نفاق : *perbuatan orang munafik* (sila lihat halaman 62).

Perkataan al-munafiqun المنافقون (dalam bentuk rafa'/nominatif) dan al-munafiqin المنافقين (dalam bentuk nasab/ekosatif, dan jar/genitif) adalah kata pasitif aktif majmuk/jamak muzakar salim جمع مذكر سالم (The Sound Mesculine Plural) yang dikhaskan untuk lebih daripada dua orang

lelaki hipokrit/munafik; sedangkan al-munafiq المنافق (tidak kira sama ada berbaris di hadapan, di atas atau di bawah) adalah kata pasitif aktif tunggal yang dikhaskan kepada seorang lelaki hipokrit/munafik, dan al-munafiqani المنافقان (dalam bentuk rafa') atau al-munafiqaini المنافقين (dalam bentuk nasab atau jar) adalah kata-kata patisif aktif musanna مثنى (duaan) yang dikhaskan untuk dua orang lelaki munafik.

Di samping itu, ia akan menjadi al-munafiqatu المنافقة (berbaris di hadapan) al-munafiqata المنافقة (berbaris di atas) dan al-munafiqati المنافقة (berbaris di bawah) apabila menjadi kata patisif aktif tunggal yang dikhaskan untuk seorang wanita munafik, manakala kata pasitif aktif musanna untuk dua orang wanita munafik ialah al-munafiqatan المنافقتان samasa rafa') al-munafiqatain المنافقتين (semasa nasab atau jar) dan dalam bentuk jama' disebut al-munafiqatu المنافقات (samasa rafa') dan al-munafiqati المنافقات (semasa nasab atau jar) yang bermaksud: wanita-wanita munafik.

Daripada perkataan-perkataan tersebut (tidak termasuk perkataan nafaqa نفاق, munafaqah منافقة dan nifaq نفاق, terdapat di dalam Al-Quran, perkataan : al-munafiqun المنافقون (dalam bentuk rafa') sebanyak lapan kali, al-munafiqin المنافقين (dalam bentuk nasab) sebanyak 17 kali, dan al-munafiqin المنافقين (dalam bentuk jarr dua kali sahaja (Abd al-Baqi : 1364H / 1945 : 716). Contoh daripada ayat-ayat Al-Quran :

- i. al-Munafiqun المنافقون (dalam bentuk rafa') :
Firman Allah :

وَإِذْ يَقُولُ الْمُنَافِقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ مَّا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ
إِلَّا غُرُورًا

Dan (ingatlah) ketika orang-orang munafik dan orang-orang yang dalam hati mereka berpenyakit berkata: "Allah dan Rasulnya tidak menjanjikan kepada Kami melainkan tipu daya".

(Al-Quran. Al-Ahzab 33 : 12)

ii Al-Munafiqin المنافقين (dalam bentuk nasab)

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِلَىٰ مَا أَنزَلَ اللَّهُ وَإِلَىٰ الرَّسُولِ رَأَيْتَ الْمُنَافِقِينَ يَصُدُّونَ عَنْكَ صُدُودًا

Apabila dikatakan kepada mereka : "Marilah kamu (tunduk) kepada hukum yang Allah telah turunkan dan kepada hukum rasul "nescaya kamu lihat orang-orang munafik menghalangi (manusia) dengan sekuat-kuatnya daripada (mendekati) kamu.

(Al-Quran, al-Nisa' 4 : 61)

iii Al-Munafiqin المنافقين (dalam bentuk jar)

إِنَّ اللَّهَ جَامِعُ الْمُنَافِقِينَ وَالْكَافِرِينَ فِي جَهَنَّمَ جَمِيعًا

Sesungguhnya Allah akan mengumpulkan semua orang-orang munafik dan orang-orang kafir di dalam neraka jahanam.

(Al-Quran, al-Nisa' 4 : 140)

Di samping perkataan-perkataan tersebut, terdapat juga di dalam Al-Quran perkataan-perkataan al-munafiqatu المنافقات (dalam bentuk *rafa'*) sebanyak dua kali, dan al-Munafiqati المنافقات (dalam bentuk *nasab*) sebanyak tiga kali. (Abd al-Baqi: 1364H/1945 : 716); tetapi tidak ada perkataan al-munafiqati المنافقات (dalam bentuk *jarr*)

Contoh daripada ayat Al-Quran:

- i. المنافقات al-Munafiqatu (dalam bentuk *rafa*’).

Firman Allah :

الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُمْ مِّنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ
.... الآية

Orang munafik lelaki dan orang munafik perempuan, sebahagian dengan sebahagian yang lain adalah sama, mereka menyuruh membuat mungkar dan melarang membuat makruf.....

(Al-Quran, Al-Taubah 9 : 67)

- ii. المنافقات al-Munafiqati (dalam bentuk *nasab*)

وَعَدَّ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْكُفَّارَ نَارَ جَهَنَّمَ الآية

Allah mengancam orang-orang munafik lelaki, orang-orang munafik perempuan dan orang-orang kafir dengan neraka jahanam.

(Al-Quran. Al-Taubah 9 : 68)

Berbalik kepada akar kata bagi perkataan al-munafiqun المنافقون, maka kita dapati bahawa Kata Pasitif Aktif Tunggal baginya ialah al-munafiq المنافق yang bermaksud: “orang munafik, orang yang bermuka-muka dan hipokrit. “Sedangkan kedua-duanya (“المنافقون” dan “المنافق”) adalah kata terbitan daripada akar kata nafaqa نفاق (kata kerja kala lampau, yang membawa pengertian : dia telah munafik) atau kata terbitan dari dasar kata munafaqah منافقة (dalam bentuk kata nama ininitif) atau nifak نفاق (perbuatan orang munafik).

Perkataan nafaqa نفاق adalah berasal daripada akar kata nafaqa نفق. kata kerja kala lalu yang bermaksud: dia telah mati,

amat laris (perdagangan), menjadi rebutan (perempuan) atau habis atau hampir (wang) dibelanjakan (Ibn Mandzur 1388H/1968 : 10 : 357 & Lane 1968 : 8 : 3036).

Contoh “نفق” yang membawa pengertian dia telah mati ialah:
نفق الفرس والدابة وسائر البهائم : kuda dan seluruh binatang telah mati. (Ibn Mandzur 1388H/1968 : 10 : 357)

Seorang penyair menulis :

نفق البغل وأودى سرجه في سبيل الله سرجى وبغلى
Baghal telah mati dan pelananya telah binasa
Pelanaku dan Baghal adalah untuk jalan Yang Esa
(Ibn Mandzur 1388H/1968 : 10 : 357)

Contoh nafaqa نفق yang membawa erti: amat laris; ialah:
نفقت السوق : pasar telah menjadi laris dan laku sekali jualannya (Lane 1968 : 8 : 3036) dan yang bermaksud : menjadi rebutan ialah : نفقت المرأة : wanita itu telah menjadi rebutan dan ramai orang memintangnya (al-Bustani 1286H/1870 : 2 : 2112) dan yang bermaksud: habis atau hampir habis, ialah نفقت الدراهم : wang dirham telah kehabisan atau hampir habis atau telah dibelanjakan (Lane 1968 : 8 : 3036)

Akar kata nafaqa نفق kata kerja lalu yang bermaksud: dia telah membelanjakan, dia telah memberi hadiah-hadiah (Lane 1968: 8: 3036); dia telah jatuh fakir dan habis bekalannya, (al-Bustani 1869: 2: 2215) atau telah dicemuhi dan kata nama infinitif baginya ialah infaq إنفاق; sementara kata namanya ialah أنفق النفقة (Ibn Mandzur 1388H/1968: 10: 357) misalnya ialah أنفق الرجل bermaksud: lelaki itu telah membelanjakan (hartanya) atau dia telah menjadi miskin dan habis bekalannya, atau dia telah memberi hadiah (al-Bustani 1869: 2: 2215). Contoh lain pula : من باع عرضه أنفق yang bermaksud: siapa yang mencemuhi

orang lain, maka dia akan dicemuhi (Ibn Mandzur 1388H/1968: 10: 358) .

Daripada kata kerja nafaqa نفق, lahir juga perkataan naafaqa انفاق iaitu kata kerja kata lalu dan menjadi kata dasar kepada tajuk perbincangan kita di dalam fasal ini, dan bermaksud : *dia telah menjadi munafik, berpura-pura dan hipokrit*, misalnya نفاق حنظلة (Henzalah telah menjadi munafik, yakni semasa beliau di hadapan Nabi Muahamad SAW, dia menunjukkan ikhlas dan zuhudnya, tetapi apabila di belakang baginda, beliau tidak melakukan demikian (Ibn Mandzur 1388H/1968: 10: 358) atau bermaksud: dia telah berlaku curang. Contohnya ialah نفاق في المحبة: *dia telah berpura-pura di dalam bercinta dan mengkhianati cinta tersebut* (Lane 1968 : 8 : 3058).

Di dalam Al-Quran, perkataan-perkataan yang banyak digunakan dan berasal dari akar kata nafaqa نفق ialah anfaqa انفق ; dan kata-kata terbitan daripadanya; dan naafaqa نفاق serta kata-kata terbitan daripadanya (Abd al-Baqi : 1364H/1945 : 716) ;

Di antara perkataan yang lahir daripada انفق dan disebut di dalam al-Quran ialah: tunfiqun تَنْفِقُونَ (kamu nafkahkan atau membeljakan) yunfiqun يَنْفِقُونَ (dia membelanja) yunfiqun يَنْفِقُونَ (mereka membelanja), anfaqu انفقوا (mereka telah membelanja) infiqu انفقوا (belanjakanlah olehmu); nafaqah نَفَقَةٌ (nafkah), nafaqat نَفَقَاتٌ (perbelanjaan-perbelanjaan atau nafkah-nafkah iaitu kata nama majmuk, bagi nafkah) al-infaq الإنفاق (perbelanjaan), al-munfiqin المنفقين (dalam bentuk nasab, yang bermaksud : orang yang menafkahkan hartanya) dan lain-lain (Abd al-Baqi : 1364H/1945 : 715 - 716).

Contohnya daripada ayat-ayat Al-Quran ialah :

i. انفق : Firman Allah :

وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَا أَلْفَتْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ ... الآية

Dan telah menjinakkan hati-hati mereka (orang yang beriman). Walaupun kamu membelanjakan semua (kekayaan) yang berada di bumi nescaya kamu tidak dapat mempersatukan hati mereka.....

(Al-Quran. Al-Anfal 8 : 63)

ii. تنفقون :

.....ولا تيمموا الخبيث منه تنفقون ولستم بأخذيه.....

Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya....

(Al-Baqarah. Al-Baqarah 2 : 268)

iii. ينفق :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَبْطُلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ النَّاسِ الآية

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menghilangkan (pahala) sedekahmu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (perasaan penerima) seperti orang yang menafkahkan hartanya kerana riya', kepada manusia.....

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 264)

iv. ينفقون

وَأْمُرُهُمْ سُورَىٰ بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

Sedang urusan mereka (dipusatkan) dengan mesyuarat antara mereka, dan mereka menafkahkan sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada mereka.

(Al-Quran. Al-Syura 42 : 38)

v. أنفقوا

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا..... الآية

Dan orang-orang apabila mereka membelanjakan (harta) mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak (pula) kikir.

(Al-Quran. Al-Furqan 25 : 67)

vi. انفقوا

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan.....

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 195)

Demikianlah di antara contoh yang dapat diberikan di sini perkataan-perkataan kata terbitan daripada anfaqa انفق , dan di bawah ini dijelaskan pula kata-kata terbitan daripada perkataan naafaqa نافق yang terdapat di dalam Al-Quran.

Di antara kata-kata terbitan yang lahir daripada naafaqa نافق terdapat di dalam Al-Quran ialah: al-nifaq النفاق (perbuatan orang munafik), al-munafiqatu/ti المنافقات , al-munafiqun المنافقون dan al-munafiqin المنافقين (Abd al-Baqi : 1364H/ 1945 : 716 - 717).

Contoh-contoh dari Al-Quran :

i. نافق : Firman Allah :

وَلْيَعْلَمَ الَّذِينَ نَافَقُوا وَقِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا قَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ ... الآية

Dan supaya Allah mengetahui dengan nyata orang-orang yang telah munafik , kepada mereka dikatakan " marilah berperang di jalan Allah!"

(Al-Quran. Ali Imran 3 : 167)

ii. النفاق :

الأعراب أشدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا ... الآية

Orang-orang Arab badawi itu lebih sangat kekufuran dan kemunafikan mereka

(Al-Quran. Al-Taubah 9 : 97)

Demikianlah di antara perkataan-perkataan yang lahir daripada akar kata nafaqa نفق yang juga akar kata kepada naafaqa نافع (berimbunan alif) di mana نافع pula menjadi akar kata kepada perkataan yang menjadi tajuk perbincangan kita di dalam fasal ini iaitu al-munafiqun المنافقون; dan ia membayangkan sifat-sifat orang munafik itu sendiri.

B. Dari Aspek Perspektif Islam.

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa al-munafiqun المنافقون adalah kata pasitif aktif majmuk bagi perkataan tunggalnya al-munafiq المنافق yang berasal dari Kata Kerja Kala Lalu yang disebut نافع. atau dari kata nama initif iaitu munafaqah منافقة, sedangkan kata namanya adalah al-nifaq النفاق iaitu perbuatan orang munafik. Jadi siapakah orang munafik itu? Untuk memahaminya, kita harus memahami maksud al-nifaq النفاق itu sendiri.

Al-nifaq النفاق dalam pengertian bahasa adalah: مخالفة الباطن ketidaksamaan apa yang wujud di dalam batin dengan apa yang ada pada zahir (al-'Asqalani Ibn Hajar 1378H/1959 : 1: 96) atau juga disebut : إظهار الخير وإسرار الشر : menzahirkan kebaikan dan merahsiakan kejahatan (Ibn Kathir , tanpa tarikh : 1 : 47).

Jadi, orang munafik mengikut pengertian bahasa adalah orang yang melakukan sesuatu tetapi perlakuannya itu tidak sama dengan apa yang sebenar ada dalam hatinya, atau orang yang pura-pura menampakkan kebaikan tetapi merahsiakan kejahatan.

Al-nifaaq النفاق dalam istilah syarak pula, mengikut Al-Asfahani (1373H /1932: 502) adalah: *الدخول في الشرع من باب والخروج عنه من باب* : *masuk ke dalam syarak (agama Allah) melalui satu pintu dan keluar darinya melalui pintu yang lain .*

Untuk ini Allah telah mengingatkan dengan firman-Nya :

..... إِنَّ الْمُنَافِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Sesungguhnya orang-orang munafik itulah orang-orang yang fasik , (orang yang keluar dari syarak).

(Al-Quran. Al-Taubah 9 : 67)

Tetapi Al-Sa'idi, Abd. al-Fatah (tanpa tarikh: 2: 1259) pula mengatakan bahawa :

النفاق : نفاق الرجل : أظهر الإسلام لإهله وأضمر غير الإسلام وأتاه مع أهله ومحل النفاق القلب ، والنفاق مأخوذ من نفاقاء اليربوع وهي إحدى حجراته ...

Seorang yang telah munafik melahirkan kepada muslimin tentang keIslamannya dan menyembunyikan tentang ketidakislamannya, tetapi melahirkan ketidak Islamannya kepada orang bukan Islam. Dan tempat al-nifaaq النفاق Adalah hati, dan al-nifaaq النفاق diambil daripada نفاقاء اليربوع iaitu salah satu dari tempat tinggalnya .

Mengikut al-Bustani pula النفاق adalah:

ستر كفره بقلبه واظهار إيمانه بلسانه

menyembunyikan kekufuran di dalam hati dan melahirkan keimanan dengan lidahnya.

(al-Bustani, 1869, 2 : 2215)

Al-Nifaq النفاق mengikut Ibn Manzur (1388H/1967: 10: 359) adalah : *الدخول في الإسلام من وجه والخروج منه من آخر* : masuk ke dalam Islam dari satu wajah dan keluar darinya melalui wajah yang lain.

Jadi al-munafiq المنافق secara ringkas adalah orang yang melahirkan sesuatu yang bercanggah dengan apa yang ada di dalam hatinya. Mengikut istilah orang-orang dahulu: munafik منافق adalah orang yang melahirkan keislamannya dan menyembunyikan kekufurannya, (al-Tahanawi 1966: 6: 1422) atau orang yang berpura-pura memeluk Islam tetapi hatinya mempercayai agama selain Islam (Lane 1968: 8: 3058). Mengikut setengah pendapat bahawa munafik adalah orang yang mengaku dengan lidah dan beramal dengan anggota tetapi tidak beriktikad dengan hati, kerana siapa yang mengaku dengan lidah, mempercayai dengan hati, tetapi tidak beramal, adalah fasik فاسق, dan siapa yang tidak mengakui dengan lidah, dia adalah kafir كافر (al-Bustani, 1286H/1870: 2: 2112).

Dengan itu jelaslah bahawa perbuatan orang munafik itu adalah tanda tiadanya iman, namun begitu perlulah diketahui bahawa sebahagian perbuatan munafik itu membawa kepada kekufuran dan tidak sebahagian yang lainnya. Sekiranya perbuatan munafik itu bersangkutan rapat dengan iktikad keimanan, jelaslah ia membawa kepada kekufuran. Ini dipanggil nifaq kufur نفاق الكفر, sedangkan perbuatan munafik yang tidak membawa kepada kekufuran, dipanggil nifaq amal نفاق العمل (Ibn Hajar, 1378H/1959: 1: 96-97 dan Ibn Kathir, tanpa tarikh: 1: 47) menamakan nifaq kufur نفاق الكفر sebagai nifaq I'tiqadi نفاق اعتقادي yang mana tuannya akan kekal dalam neraka, dan nifaq amal نفاق العمل sebagai nifaq amali نفاق عملي yang mana perbuatan-perbuatannya adalah dosa besar.

Perbuatan munafik yang membawa kepada نفاق إعتقادي mengikut perspektif Islam ialah mereka yang mengaku bahawa mereka beriman dengan Allah dan hari akhirat, tetapi sebenarnya mereka tidak beriman. Firman Allah :

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ آمَنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ

Dan di antara manusia ada yang mengatakan : “kami beriman kepada Allah dan hari kemudian”. Padahal mereka sebenarnya bukanlah orang yang beriman.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 8)

Munafik yang biasanya berlaku di kalangan orang-orang atasan, iaitu orang yang mempunyai keberanian di dalam jiwa mereka untuk mengharungi kebenaran dengan keimanan yang jelas, (iaitu benar-benar mengaku beriman) atau mengharungi kebenaran dengan keingkaran yang nyata (betul-betul mengaku tidak beriman), dan dalam waktu yang sama adalah orang-orang mempunyai kedudukan yang tinggi di kalangan orang ramai (Qutb, Sayyed, 1391H/1981: 1: 44-45).

Mereka mendakwa beriman dengan Allah dan hari akhirat, tetapi sebenarnya mereka tidak beriman, dan tidak berdaya menunjukkan keingkaran dan menjelaskan perasaan mereka yang sebenar semasa menghadapi orang mukmin (Qutb, Sayyed, 1391H/1981: 1: 45).

Orang-orang munafik adalah mereka yang cuba menipu Allah dan orang-orang mukmin dengan melahirkan keimanan, tetapi hati mereka tetap kufur, dengan tujuan untuk melepaskan diri mereka daripada kena bunuh atau ditawan serta bertujuan untuk menyelamatkan harta benda mereka (al-Qurtubi, 1386H/ 1967: 1: 195-196).

Firman Allah :

يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ

Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang mukmin, pada hal mereka hanya menipu diri mereka sendiri sedangkan mereka tidak sadar.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 9)

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ

Di dalam hati mereka ada penyakit, lalu ditambah oleh Allah penyakitnya, dan bagi mereka seksa yang pedih, disebabkan mereka berdusta.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 10)

Kejahatan lain yang dilakukan oleh orang-orang munafik ialah mereka melakukan kerosakan di muka bumi dengan perbuatan kufur, dan memecah belahkan orang ramai agar mereka tidak beriman dengan Kitab al-Quran dan Nabi Muhamad SAW (al-Qurtubi 1386H/1967: 1: 202) dan melakukan maksiat dengan alasan untuk memperbaiki hubungan antara orang-orang mukmin dengan ahli kitab (al-Tabari t.t., 1: 294). Firman Allah :

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِن لَّا يَشْعُرُونَ

Dan apabila dikatakan kepada mereka, janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, mereka menjawab: sesungguhnya kami adalah orang-orang yang melakukan kebaikan. Ingatlah bahawa mereka itulah orang-orang yang membuat kerosakan tetapi mereka tidak sadar.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 11-12)

Di antara kejahatan mereka ialah apabila diseru agar mereka beriman dan membenarkan serta mempercayai Nabi Muhammad dan syariat yang dibawanya, maka mereka menolak dengan

alasan bahawa orang-orang yang beriman itu adalah orang-orang yang bodoh, orang-orang yang jahil, daif cara berfikir dan cetek pengetahuan (al-Tabari t.t., 1 : 294 & Ibn Kathir, t.t., 1 : 50). Firman Allah :

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ آمِنُوا كَمَا آمَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا آمَنَ السُّفَهَاءُ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ
وَلَكِن لَّا يَعْلَمُونَ

Apabila dikatakan kepada mereka, berimanlah kamu sebagaimana orang-orang lain telah beriman. Mereka menjawab: akan berimankah kami sebagaimana orang-orang bodoh telah beriman? Ingatlah! sesungguhnya merekalah orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak sedar.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 13)

Selain daripada itu, di antara kejahatan orang munafik ialah apabila mereka menemui orang-orang mukmin, mereka menerangkan bahawa mereka telah beriman dan bertasdik sepertimana yang dilakukan oleh mukminin. Tetapi bila kembali kepada ketua-ketua Yahudi dan pembesar-pembesar musyrikin dan munafiqin, mereka melahirkan kedudukan mereka yang tetap dengan akidah dan pendirian yang sama dengan ketua dan pembesar-pembesar tersebut dalam agama, sambil menerangkan bahawa perbuatan mereka melahirkan keimanan adalah semata-mata untuk mengejek dan mempersendakan orang Islam supaya mereka mendapat harta benda, anak-anak dan isteri-isteri mereka, juga dapat mengintip rahsia orang-orang mukmin (Ibn Kathir, tanpa tarikh : 1 : 51 & al-Maraghi, 1974 : 1 : 52). Firman Allah:

وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ آمَنُوا قَالُوا آمَنُوا وَإِذَا خَلَوْا إِلَىٰ شَيَاطِينِهِمْ قَالُوا إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ
مُسْتَهْزِئُونَ

Dan apabila mereka berjumpa dengan orang-orang yang beriman, mereka mengatakan: "kami telah beriman". Dan apabila mereka kembali kepada syaitan-syaitan

mereka, maka mereka berkata: sesungguhnya kami sendirian dengan kamu, kami hanyalah berolok-olok.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 14)

Orang-orang munafik mengikut perspektif Islam adalah orang yang mencintai kekufuran, sehingga mereka menolak keimanan, orang-orang yang memilih kesesatan dan meninggalkan petunjuk dan hidayah. Mengikut pandangan Islam, mereka adalah umpama orang yang menyalakan api, terang; kemudian api itu padam, maka situasi kembali gelap sehingga tidak memberi sedikit pun manfaat kepada penyalanya (al-Qurtubi 1387H/ 1967, 1: 210). Firman Allah :

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت تِّجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ مَتْلَهُمْ
كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ
لَّا يُبْصِرُونَ

Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk maka tidaklah untung perniagaan mereka, dan tidaklah mereka mendapat petunjuk, mereka adalah umpama orang yang menyalakan api, maka setelah api itu menerangi sekelilingnya, Allah hilangkan cahaya (yang menyuluh) mereka, dan membiarkan mereka di dalam kegelapan, tidak dapat melihat .

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 16-17)

Mengikut perspektif Islam, mereka adalah tuli dan tidak mendengar kebenaran, bisu daripada kebenaran; mereka tidak berbicara mengenainya, dan buta, iaitu mereka tidak melihat kebenaran (al-Tabari t.t., 2: 331), atau mereka adalah umpama orang-orang yang ditimpa hujan lebat yang disertai dengan gelap pekat, guruh dan kilat sabung-menyabung, apabila petir berdentum, mereka menyumbat telinga dengan anak jari, takut mati, dan berjalan di bawah sinar kilat, tetapi berhenti bila gelap menimpa mereka.

Firman Allah :

صُمُّ بَكْمٌ غُمِّي فَهَمُّ لَا يَرْجِعُونَ أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ
يَجْعَلُونَ أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِّنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ وَاللَّهُ مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ

Mereka tuli, bisu dan buta, maka mereka tidak akan kembali (ke jalan yang benar), atau seperti (orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, disertai gelap-gelita, guruh dan kilat, mereka menyumbat telinga dengan anak-anak jari, kerana (mendengar suara) petir sebab takut akan mati, dan Allah itu mengetahui sifat-sifat orang kafir.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 18 –19)

Dan firman-Nya;

يَكَادُ الْبَرْقُ يَخْطَفُ أَبْصَارَهُمْ كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ مَشَوْا فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا وَلَوْ شَاءَ
اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَارِهِمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Hampir-hampir kilat itu menyambar penglihatan mereka. Setiap kali kilat itu menyinari mereka, maka mereka berjalan di bawah sinarnya. Dan apabila gelap menimpa mereka, mereka berhenti. Jika Allah mengkehendaki nescaya dia meleyapkan pendengaran dan penglihatan mereka. Sesungguhnya Allah berkuasa di atas segala sesuatu.

(Al-Quran. Al-Baqarah 2 : 20)

Jelaslah bahawa orang-orang munafik itu dalam keadaan tercengang-tercengang dan jahil dengan agama, di mana mereka tidak nampak jalan dan tidak mendapat petunjuk (al-Fakhr al-Razi 1357H/1937, 2 : 77).

Perlu diketahui bahawa yang dikehendaki dengan الصيب (hujan lebat) itu adalah iman dan Al-Quran, maksud gelap gelita, kilat dan guruh itu adalah perkara-perkara yang berat untuk dilakukan oleh orang-orang munafik seperti puasa, sembahyang, berjihad dan lain-lain. Manakala maksud: كلما أضاء لهم مشوا فيه (setiap kali kilat menyinari mereka, mereka berjalan di bawah sinar itu) iaitu apabila mereka mendapat faedah-faedah seperti jaminan terhadap harta benda dan nyawa mereka serta habuan dari harta rampasan, maka mereka berminat dengan agama Islam. Maksud: وإذا أظلم عليهم قاموا (dan bila gelap menimpa mereka, maka mereka berhenti), ialah apabila mereka tidak mendapat apa-apa manfaat tersebut maka ketika itu mereka hilang minat dengan keimanan (al-Fakhr al-Razi 1357H/1937, 2: 77-78).

Jelas sekali bahawa mengikut perpektif Islam, orang munafik ini digolongkan di dalam kumpulan nifaq I'tiqadى النفاق الإعتقادی, dan apakah pula yang dimaksudkan dengan sejenis perbuatan orang munafik lagi iaitu nifaq 'amali النفاق العملى ?

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., daripada Nabi Muhamad SAW, Baginda bersabda :

آية المنافق ثلاث : اذا حدث كذب واذا وعد أخلف واذا اؤتمن خان

Tanda-tanda munafik itu ada tiga iaitu: apabila bercakap dia berdusta, apabila berjanji dia mungkir dan apabila diamanahkan dia khianat

(Ibn Hajar 1378H/ 1959, 1 : 96-97)

Di dalam hadis lain yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar, Rasulullah SAW bersabda :

اربع من كن فيه كان منافقا خالصا ومن فيه خصلة منهن كانت فيه خصلة من النفاق حتى يدعها , اذا اؤتمن خان واذا حدث كذب واذا عاهد غدر واذا خاصم فجر .

Siapa yang ada padanya empat perkara, jadilah dia seorang munafik tulen, dan siapa yang ada padanya satu daripada perkara-perkara tersebut, bererti ada padanya satu dari sifat munafik, sehingga dia meninggalkannya, iaitu apabila diamanahkan dia mengkhianati, apabila bercakap dia berdusta, apabila berjanji dia mungkir dan apabila berbalah berkelahi dia melampaui batas.

(Ibn Hajar 1378H/ 1959, 1 : 97-98 dan Salim, Ibrahim Ali 1970: 292)

Perbuatan-perbuatan yang termasuk di dalam nifaq amali النفاق العملي tidaklah menjadikan seorang itu kufur, tetapi termasuk di dalam golongan orang yang melakukan dosa besar (Ibn Kathir, t. t., 1: 147).

Berbalik kepada nifaq i'tiqadi النفاق الإعتقادي, ulama-ulama telah berlainan pendapat mengapakah Nabi Muhamad SAW tidak membunuh orang munafik sedangkan baginda tahu tentang kemunafikan mereka. Sesetengah ulama berpendapat bahawa Nabi Muhamad tidak membunuh mereka kerana tidak ada orang lain selain baginda, yang mengetahui hal munafik tersebut (al-Qurtubi 1387H/1967, 1: 198).

Mengikut sahabat-sahabat As-Shafie pula bahawa Nabi tidak membunuh mereka, kerana orang-orang zنديق زنديق yang merahsiakan kekufuran dan melahirkan keimanan, diminta supaya bertaubat dan tidak dibunuh (al-Qurtubi 1387H/1967, 1: 199).

Pendapat lain mengatakan bahawa mereka tidak dibunuh adalah bertujuan untuk menjinakkan hati mereka, agar mereka tidak lari daripada baginda. Ini adalah pendapat sahabat-sahabat Imam Malik r.a. Imam Malik sendiri berkata: "Rasulullah tidak membunuh orang-orang munafik, untuk menerangkan kepada umat baginda bahawa seorang hakim tidak akan menjatuhkan

hukuman semata-mata dengan pengetahuannya, ketika mana tidak terdapat saksi ke atas orang-orang munafik.” (al-Qurtubi 1387H/1967, 1 : 199).

Al-Qadhi Ismail telah berkata: “Tidak terdapat seseorang saksi pun yang dapat membuktikan tentang munafiknya Abdullah bin Ubai ¹⁴ *عبدالله بن أبي* dan tidak terdapat saksi yang membuktikan tentang munafiknya Jalas bin Suwaid ¹⁵ *جلال بن سويد بن الصامت* kecuali anak tirinya Umair bin Saad *عمير بن سعد*. Jika terdapat sekurang-kurangnya dua orang saksi terhadap kemunafikan salah seorang daripada mereka - Abdullah/Jalas - nescaya Rasulullah SAW akan membunuhnya”. (al-Qurtubi 1387H/ 1967, 1: 199).

Sikap orang-orang munafik adalah jelas tanpa mengira apakah kedudukan mereka, mereka adalah manusia hipokrit dan hidup berpura-pura. Mereka juga merupakan orang yang telah jatuh fakir miskin, manusia yang telah habis bekalan mereka, manusia yang sentiasa dicemui dan manusia yang kehabisan modal, namun begitu mereka masih berusaha untuk melariskan jualan “sikap” mereka; agar mereka diterima oleh mana-mana kumpulan sama ada mukminin atau orang-orang kafir atau ahli kitab. Mereka seolah-olah menjadikan diri mereka sebagai wanita seksi yang menggiurkan, agar menjadi rebutan di kalangan manusia. Dalam kematian jiwa, mereka masih kuat bekerja untuk memenuhi hasrat sebagai juara-juara hipokrit. Firman Allah :

الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُمْ مِّنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ
وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

¹⁴ Beliau adalah Abdullah bin Ubai bin Salul, ketua orang munafiq di Madinah. Beliau meninggal dunia dalam tahun sembilan hijrah (al-Zarkali, 1966 : 4 : 188)

¹⁵ Beliau juga adalah ketua orang munafiq di Madinah. Beliau meninggal dunia dalam tahun sembilan hijrah (al-Zarkali, 1966 : 4 : 188)

Orang lelaki munafik dan perempuan munafiq, sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain adalah sama, mereka menyuruh melakukan mungkar dan melarang daripada melakukan makruf, dan mereka mengenggam tangan mereka (bakhil kedekut). Mereka telah melupai Allah; maka Allah akan melupakan mereka. Sesungguhnya orang-orang munafik itu adalah orang-orang yang fasik.

(Al-Quran. Al-Taubah 9 : 67)

Mereka adalah persis orang-orang kafir, cuma yang membuat mereka itu lebih buruk dan jelek adalah kerana mereka merupakan musang berbulu ayam dan lidah mereka bercabang, dengan itu sesuaiilah mereka berada di neraka paling bawah. Firman Allah :

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرَكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ الآية

Sesungguhnya orang-orang munafik itu (ditempatkan) di aras yang paling bawah dari neraka.

(Al-Quran. Al-Nisa 4 : 145)

Penutup

Berdasarkan kepada kajian ini, maka beberapa kesimpulan telah dapat kita ambil dari insan itu sendiri secara umum atau dari tingkatan dan perjenisan insan itu secara khusus, sama ada dari aspek etimologi atau dari aspek perspektif Islam.

